

Samudera

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL 02-2006 • ISSN 0127-6700



Navy



NAVY BRANDING

Penjenamaan Lambang

KD MAHAWANGSA DAN KD INDERA SAKTI

Operasi Khas ke Timor Leste

MISI Mencari dan Menyelamat

Skuadron 502 FENNEC



ISSN 0127-6700



9 770127 670004

<http://navy.mod.gov.my>

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com

Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Alhamdulillah buat kali yang seterusnya di tahun 2006 ini, **SAMUDERA** siri 2/2006 terus teguh berdiri meneruskan perjuangannya. Hasrat **SAMUDERA** untuk meletakkan TLDM di martabat tertinggi sebagai wadah penyaluran ilmu maritim telah berjaya dicapai. Keadaan ini membuktikan **SAMUDERA** telah dapat diterima oleh segenap lapisan pembaca dan seterusnya akan terus dijadikan landasan bagi mempromosikan TLDM di mata masyarakat Malaysia serta stakeholders yang boleh mempengaruhi perkhidmatan TLDM khususnya dan ATM amnya.

Ketua Editor dalam organisasi Sidang Redaksi **SAMUDERA** juga telah turut beralih pucuk pimpinannya. Kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg Laksamana Muda Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin atas usaha, jasa, sumbangan dan idea-idea dalam menjana **SAMUDERA** sebelum ini, apatah lagi sewaktu peralihan wajah majalah ini daripada Berita Samudera kepada Majalah Samudera. Yang pastinya, patah tumbuh hilang berganti. Kehadiran saya di sini seterusnya akan menyambung wawasan dan hala tuju di samping memberi pembaharuan dalam setiap keluaran **SAMUDERA**, insya-Allah.

Pada 31 Julai lalu, kita telah menyambut Hari Pahlawan. Ini diikuti dengan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan seterusnya Hari Angkatan Tentera Malaysia yang telah disambut pada 16 September. Ketiga-tiga sambutan ini begitu sinonim dan mempunyai makna tersendiri kepada warga tentera termasuk masyarakat awam. Pada Hari Pahlawan misalnya, merupakan hari memperingati rakan-rakan seperjuangan yang telah terkorban semasa di medan perang sewaktu mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta. Kesemua sambutan ini sebenarnya memberi seribu pengertian dan maknanya yang tersendiri. Bukan hanya dilihat dari perspektif istiadat semata-mata, sebaliknya kita harus merenung jauh melihat akan kesungguhan dan ketaatsetian pejuang-pejuang terdahulu, demi memastikan generasi seterusnya akan hidup dengan aman dan tenteram sebagaimana yang sedang kita kecapi sekarang.

Dalam keluaran ini, kami telah mengetengahkan beberapa isu menarik untuk dikongsi bersama dengan anda. Pentauliah 2 kapal peronda generasi baru (NGPV) KD KEDAH dan KD PAHANG baru-baru ini pasti akan memperhebatkan lagi Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). NGPV dibina sebagai sebuah kapal serba boleh yang berupaya menghadapi ancaman udara dan permukaan. Kehadiran NGPV bukan sahaja akan memenuhi ruang yang telah ditinggalkan oleh Bot Ronda (PC) tetapi memberikan satu platform baru yang moden dan berkeupayaan tinggi dalam mempertahankan perairan negara. Fleksibiliti kapal-kapal ini akan meningkatkan lagi keupayaan TLDM melaksanakan peranan dan tugas sama ada di masa aman atau konflik.

Keupayaan aset-aset lain TLDM juga sentiasa digerakkan dari semasa ke semasa. Skuadron 502 FENNEC yang berpangkalan di Lumut telah berjaya membuktikan keupayaannya dalam melakukan tugas mencari dan menyelamatkan sewaktu insiden pesawat HAWK milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terhempas di perairan Laut China Selatan. Operasi yang memakan masa selama beberapa minggu akhirnya telah berjaya menemui bangkai pesawat yang terhempas bersama juruterbangnya.

Penglibatan KD MAHAWANGSA dan KD SRI INDERA SAKTI dalam misi penghantaran logistik dan kenderaan tentera darat ke Timor Leste juga menarik perhatian kita kini. Operasi khas dalam usaha negara mengembalikan ketenteraman di Timor Leste telah membuktikan bahawa TLDM sentiasa mempunyai kesiagaan tinggi, bukan sahaja dalam memenuhi keperluan semasa malah membantu negara-negara luar yang memerlukan bantuan. Kita sebagai rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan pelbagai bangsa seharusnya bersyukur dan mengambil iktibar daripada kejadian yang berlaku di Timor Leste.

Selain itu, **SAMUDERA** juga masih mengekalkan pelbagai ruangan menarik sebagai bahan bacaan anda semua. Semoga dengan terhasilnya keluaran ini, lebih banyak maklumat dapat dikongsi bersama. Semoga setiap yang kita lakukan akan mendapat keberkatan dariNya, insya-Allah.

Sedia Berkorban.

Samudera

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Amzah bin Sulaiman

EDITOR

Kdr Mustafa Kamal bin Wahab TLDM

Kdr Mohd Jalal bin Karis TLDM

Lt Rabayah bt Rahmat TLDM

Lt Masliza bt Maaris TLDM

WARTAWAN

BK PBS (I) Sabarudin bin Abas

LK KNA Iswardi bin Rashidi

LK KNA Che Alang Che Latif

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

Lt Karimah bt Alwi TLDM

LK RGR Normahaily bt Mohd Nor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Dzulkarnain bin Ismail TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Dya Arif Farhan bin Latif TLDM

WAKIL KD SULTAN ISMAIL

Lt Idawaty bt Mohamed PSSTLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH

PR Markas Tentera Laut

PR Markas Armada

PR Markas Pendidikan dan Latihan

PR KD SULTAN ISMAIL

Warisan Advertising

REKABENTUK

Warisan Advertising,

No. 25-2, Wisma Warisan,

Jelatek Business Park, Jalan Jelatek,

54200 KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 4252 7279

Faks : 03 - 4252 7281

RALAT BIL. 1 - 2006

Artikel Seminar Kefahaman Islam Mukasurat 54 - PTI dibaca PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin)

Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. **Samudera** mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada :

Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel : 03 - 2071 3027 / 3218
Faks : 03 - 2698 1680

E-mel : editorsamudera@yahoo.com

<http://navy.mod.gov.my>



28

KD MAHAWANGSA DAN INDERA SAKTI KE TIMOR LESTE

Pada 25 Mei 06, kedua-dua kapal telah menerima arahan untuk misi bantuan penghantaran logistik dan kenderaan tentera darat ke Timor Leste untuk Operasi Khas membantu mengembalikan ketenteraman awam di Timor Leste.

42

PEGAWAI KANAN TLDM PAMER KEHEBATAN

Menggunakan pengetahuan, kemahiran, kekuatan fizikal dan kecekapan individu di dalam mengendalikan kapal layar sebagai satu sistem yang kompleks.



50

KD SULTAN IDRIS 1 PELOPOR PELAPIS MUDA

KDSI 1 yang terletak di bawah naungan Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL TLDM) merupakan satu-satunya kolej yang berperanan melatih dan membentuk pegawai muda TLDM.



52

KMO - UNGGUL DAN BERPRESTIJ

TLDM telah jauh mengorak langkah dalam bidang sukan serta mencungkil bakat dan melahirkan atlet baru demi mengharumkan nama TLDM di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menetapkan Pernyataan Arah bagi mendukung visi, misi, matlamat dan objektif serta pernyataan nilai dalam usaha negara menjadi Angkatan Laut bertaraf dunia (*World Class Navy*).



KANDUNGAN

DARI PENA PANGlima TENTERA LAUT

06

NAVY BRAND

Penjenamaan Lambang

07

FOKUS

Sumbangan TLDM Kepada Negara Sejak Merdeka

08

WIRA NEGARA

Kapt (Dr) Faiz Bin Khaleed: Idola KDSI

10

PROFIL TENTERA LAUT ANTARABANGSA

Angkatan Kapal Selam Tentera Laut Singapura

11

STRATEGI

Avillion 05 - Penemuan Selanjutnya

12

ASET BARU

Pentauliahan Kapal Peronda Generasi Baru

14

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Jalin Hubungan Strategi

16

KAUNSELING & PSIKOLOGI

Pendekatan Kaunseling Menurut Perspektif Islam

18

INFO SEMASA

KSSKA - Inspirasi Baru Manfaat Warga ATM

22

ILMU KELAUTAN

Pengenalan Pelbagai Jenis Kapal Layar

24

NAVAL TERMS

Devil to Pay, Feeling Blue, Gun Salute...

26

ARMADA

KD MAHAWANGSA dan KD SRI INDERA SAKTI ke Timor Leste

28

OPERASI MENYELAMAT

Skuadron 502 FENNEC: Misi Mencari dan Menyelamat Berjaya

31

ISU MARITIM

Perkasa Keselamatan Pengangkutan Kontena

32

TRED KERJAYA

Arus Perubahan Tambahbaik Kecemerlangan TLDM

34

PERSONALITI

BM PWP Fauzi: Cipta Kecemerlangan

36

SUKAN

Pegawai Kanan TLDM Pamer Kehebatan

42

KRITIS

Sejenak Buat Renungan Bersama

44

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Faedah Rangkaian Komputer Terhadap Organisasi dan Individu

46

PSYCHOLOGY

Decision Making Under Stress

48

PENTAULIAHAN DIRAJA

KD SULTAN IDRIS I: Pelopor Pelapis Muda

50

SUKAN

KMO: Unggul dan Berprestij

52

NOSTALGIA

Jasamu Dikenang Warga Veteran TLDM

54

RRMP/122004

Rolls-Royce – the perfect partner for propulsion systems and support solutions.



Gas turbines



Diesels



HV/LV electrical
distribution



Automation/
control



Bearings



Propellers



Waterjet
propulsion



Thrusters



Stabilisers



Steering gear

At Rolls-Royce we are committed to working closely with our customers to develop the innovative propulsion system solutions that will fully meet future operational demands. As experienced ship designers with the broadest product range in the industry at hand, our integrated systems are reliable and compact yet flexible and cost effective. Where predictable or

fixed life-cycle costs are important, our support packages can be tailored to individual requirements with guarantees for performance and safety. A complete service from initial concept design, through supply, installation, commissioning and life-long support makes Rolls-Royce your perfect partner.

Trusted to deliver excellence



Dari Pena

PANGLIMA TENTERA LAUT

LAKSAMANA TAN SRI ILYAS BIN HAJI DIN



Penulisan ini adalah yang terakhir sebagai sumbangan saya kepada Majalah Samudera. Pada tanggal 15 Nov 2006 saya telah menyerahkan awasan kepada Panglima Tentera Laut yang baru, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali. Kepada beliau saya ucapkan tahniah dan selamat mengemudi awasan baru di dalam rangka pelayaran Tentera Laut Diraja Malaysia. Perkhidmatan saya menjangkau hampir empat dekad dan setiap detik memberi cabaran dan kepuasan diri. Angkatan Tentera Malaysia dan Kerajaan Malaysia telah memberi saya pendidikan semasa menuntut di Maktab Tentera Diraja (Cawangan Putera) dan seterusnya memberi satu kerjaya dan tempat mencari rezeki apabila menyertai perkhidmatan TLDM.

TLDM pada pengalaman saya adalah satu kerjaya yang amat unik, asasnyanya adalah entiti sebuah kapal di mana semua di dalamnya mempunyai tanggungjawab yang khusus tapi perlu sentiasa menyumbang kepada satu sama lain supaya kapal selamat sama ada di pelabuhan atau di samudera luas. Di kapal tidak ada seorang individu khusus yang menjadi penting, semuanya menyumbang kepada tugas teras iaitu keselamatan kapal pada masa aman dan kemenangan pada masa perang. Pelayaran sesebuah kapal sentiasa merentangi cabaran pada setiap masa walaupun menjejaki jalan yang sama. Keadaan ini wujud kerana persekitaran sentiasa berubah, cuaca yang tidak menentu dan ribut taufan yang sentiasa mengganas. Dengan hal demikian, kita semua sentiasa berdepan dengan bahaya. Pada hemat saya, dengan wujudnya keadaan yang sedemikian kita telah menjadikan diri sendiri sensitif kepada perubahan, sentiasa melengkapkan diri dengan kemahiran yang muasir supaya sentiasa relevan dalam menghasilkan kerja yang bermutu.

Budaya kehidupan di kapal wajib dibawa ke semua organisasi di dalam TLDM. Di penghujung perkhidmatan saya, terutamanya semasa menjadi Panglima Tentera Laut, saya nampak sudah mula terhakis budaya kekitaan dan warga TLDM telah mula menyimpang daripada "ship board life", dalam erti kata lain hilang sikap berpasukan. Mungkin keadaan ini wujud kerana tekanan sosial yang menjurus kepada kebendaan atau ramai di antara warga TLDM tidak banyak berkhidmat di kapal (laut). Dengan penyerahan aset kepada APM dan kapal moden yang akan memasuki perkhidmatan secara terancang dan berterusan, keanggotaan aset ini akan berkurangan apabila teknologi bertingkat diperkenalkan sebagai contoh kapal kelas NGPV hanya memerlukan 64 krew berbanding kapal yang saiz sama dahulunya memerlukan lebih 100 krew.


Perubahan yang telah saya rungkai tidak dapat dielak tapi apa yang penting serta menjadi cabaran adalah bagaimana kita terus menopang budaya kehidupan kapal (the Navy way of life). Perlu diingat budaya sentiasa menjadi teras kepada identiti sesebuah bangsa, negara dan organisasi. Perkhidmatan seperti Tentera Laut memerlukan pendekatan "men machine interface". Pembangunan insan dan peralatan wajib seimbang. Perancangan yang baik lagi teliti di dalam dua perkara ini menjadi pewaris kejayaan di dalam TLDM. Pada pengalaman dan penghayatan saya di antara dua aspek ini, cabaran lebih memihak kepada pembangunan sumber manusia atau modal insan. Peralatan hanya memerlukan perbelanjaan dan perancangan yang baik. Pendidikan perlu ditingkat di semua lapisan anggota supaya latihan yang diterapkan menjanjikan pulangan yang tinggi. Kualiti tenaga kerja memerlukan asas pendidikan yang tinggi dengan ilmu yang diperlukan, ekornya kemahiran melalui latihan sentiasa diperkasa dan ditingkatkan untuk memenuhi

keperluan peralatan yang moden lagi sofistikated.

Seperti yang selalu saya katakan yang TLDM sudah berada di ambang Tentera Laut bertaraf dunia pertama, hanya yang berkurangan adalah kemahiran dan pemikiran warganya. Kita perlu anjakan yang drastik untuk mencapai cita-cita ini dan anjakan yang saya maksudkan perlu menjadi komitmen semua, dari atas ke bawah. Kita perlu mempunyai pemikiran yang diterjemah kepada pelan tindak yang berkesan dan semua ini memerlukan satu penjajaran (alignment), kita tidak lagi boleh gelong dalam semua usaha. Bermula dari individu dipanjangkan ke unit dan seterusnya organisasi wajib memainkan peranan masing-masing untuk mencapai wawasan yang sama-sama kita pelopori. Wawasan TLDM bukan hak pemimpin tetapi ianya lebih menjadi perkongsian budaya (shared values).

TLDM berada di landasan yang baik lagi kukuh dan menjadi tanggungjawab semua untuk menentukan pelayarannya selamat. Saya penuh yakin segalanya akan berhasil. Empat dekad satu masa yang agak lama tetapi saya merasa amat bertuah dan berbangga dapat menjadi ahli kepada satu pasukan seperti TLDM yang berjaya. Walaupun ada di antara ahli pasukan ini telah mengecewakan kita tetapi tindak tanduk melalui perbuatan negatif mereka menjadi ingatan serta pengajaran tentang akibat yang akan kita tanggung di atas kelalaian seperti yang yang dibuat oleh segelintir rakan kita. Kelalaian akan terus menghantui kita apabila kita leka. Dari itu, hai rakan jangan sekali-kali kita lupa akan tugas teras, amanah dan hasutan musuh manusia yang ketat; syaitan yang di laknat Allah s.w.t. Saya telah memberi yang terbaik kepada kerjaya di dalam TLDM dengan berkat Allah saya berusaha untuk yang lebih baik untuk kerjaya saya selepas ini. *"I have given the better part of my life and the best is yet to come"*. **S**

Selamat Maju Jaya - Sedia Berkorban.



Navy



PENJENAMAAN LAMBANG NAVY BRANDING

SEDIA BERKORBAN bermaksud "Siap atau sanggup untuk menghadapi sebarang kesusahan dan dengan sukarela kehilangan sesuatu, walaupun nyawa sekalipun demi kepentingan nusa dan bangsa".

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menetapkan Pernyataan Arah bagi mendukung visi, misi, matlamat dan objektif serta pernyataan nilai dalam usaha negara menjadi Angkatan Laut bertaraf dunia (*world class navy*). Sesuai dengan usaha ini, TLDM telah menerapkan falsafah "Total Quality Management" bagi menjamin TLDM kekal sebagai sebuah organisasi yang mantap dan disegani ramai.

Penjenamaan TLDM (*branding the Navy*) merupakan inisiatif seterusnya dalam tindakan memperkenalkan TLDM di mata dunia. Matlamat penjenamaan ini seperti berikut:

- ❑ Memudahkan masyarakat mengenali dan mengingat TLDM.
- ❑ Membentuk pengurusan korporat dan berkualiti.
- ❑ Penggunaan lambang menggambarkan 'nilai perkongsian' di kalangan anggota TLDM.
- ❑ Memastikan kebolehan serta keupayaan TLDM.

Lambang ini bakal digunakan untuk tujuan rasmi TLDM seperti di kepala surat, sampul surat, bahan cetakan, kenderaan tentera, bot, bendera, beg serta material lain yang difikirkan wajar agar anggota TLDM dapat merasakan impak kemegahan penjenamaan ini. Penggunaan lambang ini diharap dapat membentuk identiti TLDM yang seragam di samping mempertingkatkan rasa tanggungjawab dan semangat *Navy People* dalam mendukung dan mempertahankan imej TLDM di mata umum. **S**

Fair winds and following seas.....




Sejarah penubuhan TLDM bermula sejak 27 April 1934. Namun, mulai 1 Jun 1958 Tentera Laut Melaya telah secara rasminya diserahkan kepada Kerajaan Pusat Malaya dan memakai Panji-panji Diraja Malaya. Dari tarikh tersebut TLDM terus menabur bakti kepada negara yang baru merdeka sehingga kini....Hakikatnya tidak ramai yang dapat mengamati jasa bakti TLDM kerana ia dilaksanakan nun jauh di perbatasan lautan.

KONFRANTASI

Penubuhan Malaysia pada 16 Sep 1963 telah mendapat tentangan hebat dari Indonesia di bawah pimpinan Sukarno dengan mengisytiharkan konfrontasi. TLDM telah mempertahankan kedaulatan perairan negara dari pencerobohan tentera dan gerila Indonesia yang cuba memasuki negara melalui sungai dan laut. Terdapat insiden yang telah menyebabkan kematian dan kecederaan di pihak TLDM, antaranya insiden KD SRI SELANGOR di Pulau St John, Singapura. Dalam kebanyakan insiden TLDM telah mengatasi pihak musuh yang menyebabkan mereka berundur kerana mengalami kematian dan kecederaan. Konfrontasi berakhir pada tahun 1966 melalui meja rundingan.

SUMBANGAN SEMASA DARURAT

Di awal kemerdekaan tanah air, negara dibelenggu dengan masalah keselamatan dalaman akibat dari aktiviti pengganas komunis. Sehingga Parti Komunis Malaya meletakkan senjata pada tahun 1987, TLDM telah berganding bahu dengan TDM untuk mengawasi perairan pantai dan sungai terutamanya di Sarawak dari ancaman komunis. Rejang Area Security Command (RASCOS) menyaksikan pengorbanan TLDM memerangi anasir komunis di sepanjang Sungai (Batang) Rejang ke Kanowit, Kapit dan Binatang.



SUMBANGAN TLDM KEPADA NEGARA SEJAK MERDEKA

Oleh : **KDR MOHD JALAL BIN KARIS TLDM**
PS 1 Rancang dan Strategi MTL



KD SRI SELANGOR semasa Konfrontasi Malaysia - Indonesia.

MENGHALANG KEMASUKAN PENDATANG HARAM VIETNAM (PHV)

TLDM telah menjadi benteng kepada kemasukan PHV semasa perang Vietnam dengan melaksanakan operasi khas yang dikenali sebagai Ops Cabut. Aset-aset TLDM telah dikerah sepenuhnya masa untuk menentukan pendatang tidak dapat melewati perairan dan mendarat di pantai Malaysia.

SUMBANGAN KEPADA KESELAMATAN NEGARA

Sumbangan TLDM kepada negara adalah jaminan keselamatan dan kedaulatan perairan negara. Ia memang tidak dapat

diukur dari segi fiskal, namun tanpa keselamatan perairan segala aktiviti maritim tidak dapat dijalankan. Negara akan kehilangan hasil dari aktiviti perikanan, petroleum, gas dan pelancongan. Perdagangan melalui laut juga akan terganggu dan akan menyebabkan lumpuhnya ekonomi. Kelumpuhan ekonomi seterusnya akan menyebabkan keadaan huru-hara di dalam negara. Dari sini kita dapat lihat betapa pentingnya keselamatan perairan dan reaksi berangkai yang akan terjadi disebabkan oleh pertahanan perairan.

Sumbangan TLDM memang tidak dapat diukur dengan wang ringgit kerana ia tidak ternilai. Lantaran kerana tiada sumbangan berbentuk kewangan, ada pihak yang sanggup mengatakan bahawa tentera termasuk TLDM menghabiskan beras sahaja dan setengahnya pula sanggup mempertikaikan kerelevanan institusi ketenteraan dalam keadaan negara yang aman tenteram. Tetapi cuba fikirkan siapakah penyumbang kepada keadaan yang aman dan tenteram itu. Tanpa tentera sudah tentu keadaan tersebut tidak dapat dicapai. Isu kerelevanan pasukan tentera tidak sepatutnya dibangkitkan oleh mana-mana pihak pun.

Satu Seksyen Anggota Tentera Laut Melayu bergambar di Pulau Belakang Mati, Singapura sekembalinya mereka dari Perang Dunia Kedua - 1946.

KAITAN KESELAMATAN DENGAN EKONOMI

Keselamatan perairan negara membolehkan aktiviti eksploitasi ekonomi dilaksanakan di ZEE. Ekonomi dapat dijana berterusan dalam keadaan keselamatan yang terjamin tanpa halangan. Keadaan negara yang huru-hara sudah tentu akan menyebabkan orang luar tidak mahu melabur sementara pelabur tempatan pula akan memberhentikan pelaburan bahkan akan membawa keluar modal ke negara lain.

MEMERTABATKAN NAMA NEGARA DI MATA DUNIA

TLDM terlibat dengan pelbagai aktiviti yang menjulang Malaysia di mata dunia. Misalnya aktiviti bantuan kemanusiaan di Aceh semasa Tsunami 2004, misi bantuan di Timur Leste dan misi UN yang mana anggota TLDM menganggotainya sehingga kini. Pegawai TLDM telah dikenali dengan keberaniannya menyelamatkan nyawa anggota PBB di Angola sehingga dianugerahkan pingat PGB.

MENGUATKUASAKAN PERUNDANGAN MARITIM NEGARA

Sebelum tertubuhnya APMM, TLDM melaksanakan tugas kepolisan di laut dan menguatkuasa semua perundangan maritim. Tugas ini akan diteruskan sehingga ke satu peringkat di mana APMM dapat berdiri sendiri melaksanakan tugas tersebut tanpa bantuan.

MILITARY DIPLOMACY

Selain dari melaksanakan tugas operasi dan latihan, TLDM juga melaksanakan tugas *military diplomacy* yang penting untuk menjaga keharmonian dengan negara lain. Tugas ini dilaksanakan dengan menunjuk kehadiran di negara luar melalui lawatan kapal, latihan bersama dan dialog. Ia bertujuan menjana *confidence-building measures* di antara negara yang terlibat. Disebabkan tugas kepolisan yang banyak sebelum penubuhan APMM, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik kecuali dengan negara-negara ASEAN. Penubuhan APMM telah memberi ruang untuk TLDM menumpukan perhatian yang lebih kepada perancangan dan pelaksanaan *military diplomacy* sesuai dengan dasar luar negara yang digariskan.

KESELAMATAN DI SELAT MELAKA

Perairan Selat Melaka merupakan antara yang tersibuk di dunia dan menjadi nadi utama perdagangan negara melalui laut. Ia merupakan satu alur selamat walaupun dilabelkan sebaliknya. TLDM menjamin keselamatan selat ini dari dahulu lagi dengan menunjukkan kehadiran kapal-kapalnya sepanjang masa. Jaminan keselamatan ini telah menentukan ekonomi negara yang bergantung kepada perkapalan tetap unggul. Bahkan jaminan tersebut juga menentukan ekonomi negara-negara lain yang bergantung kepada perkapalan yang melalui selat ini tetap utuh. Mereka sepatutnya berterima kasih kepada negara ini kerana menentukan jaminan tersebut. Namun terdapat pihak yang cuba memperlekehkan keupayaan negara, terutamanya TLDM dalam menjaga selat ini kerana mereka mempunyai niat dan agenda tertentu. Hakikat berkurangnya insiden rompakan di laut telah membuktikan sebaliknya.

MENGUTUHKAN KEDAULATAN NEGARA

TLDM telah menentukan bahawa kedaulatan perairan negara tidak diganggu gugat oleh negara lain. TLDM telah diberi mandat untuk melaksanakan misi menempatkan anggota tentera di terumbu-terumbu di Laut China Selatan dan pulau-pulau kecil di sekitar perairan negara. TLDM berterusan mengawal Pulau Batu Putih dan beberapa pulau lain yang terlibat dalam tuntutan bertindih.

KE ARAH PERTAHANAN STRATEGIK

Keselamatan perairan negara kini lebih terjamin dengan adanya keupayaan kapal selam yang menjadi aset strategik pertahanan negara. Kehadiran flotila kapal selam dalam TLDM akan membuat musuh berfikir dua kali untuk mencerooboh perairan negara.

Selama 72 tahun TLDM telah menabur bakti mempertahankan kedaulatan perairan negara, dari era sebelum merdeka sehingga negara menikmati kemerdekaan menjangkau tahun yang ke 49. Dari angkatan laut yang tidak seberapa kepada angkatan laut yang moden, TLDM akan terus menabur bakti kepada negara. Sedia Berkorban. **S**

"Akhbar Berita Harian hari Rabu dan The Star bertarikh 27 Sept 06 - *Malaysia Astronaut: The Final 2*" telah membuat Warga KD SULTAN ISMAIL berasa bangga kerana di antara 2 bakal Angkasawan Negara, adalah satu wajah yang amat dikenali di pasukan ini. Beliau ialah Kapt (Dr) Faiz bin Khaleed dari 627 Pusat Pergigian Angkatan Tentera, KD SULTAN ISMAIL (KDSI).

Kapt (Dr) Faiz Bin Khaleed IDOLA KDSI

Oleh : PW I KMR ZOHAIDA BT MOHD ISA

Penyelia Komunikasi KDSI

Foto : Sel Perhubungan Awam KDSI

Kapt (Dr) Faiz Bin Khaleed, 3010570 dilahirkan pada 15 Sep 1980. Anak jati Kuala Lumpur ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan St John sehingga tamat tingkatan lima. Meminati bidang angkasa lepas sejak di bangku sekolah lagi. Beliau memegang prinsip ingin berjaya dan mencapai segala yang dicitakan biarpun bidang yang bakal diceburi ini mengundang seribu kepayahan. Akhirnya, beliau menyahut cabaran itu. Permulaan langkah disusun dengan teratur, perjalanan hidupnya bermula setelah mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Peperiksaan Malaysia, beliau terlebih dulu memohon dan berjaya mengikuti pembelajaran dalam Bidang Pembedahan Pergigian di Universiti Malaya selama 5 tahun.

Kapt (Dr) Faiz merupakan seorang yang berbakat dalam bidang sukan dan beliau adalah pemegang tali pinggang hitam dalam sukan karate dan pernah mewakili negeri dalam kejohanan kebangsaan di zaman persekolahannya. Pernah ditawarkan untuk menjalani latihan bersama skuad negara, namun beliau lebih berminat menjadi *career man* dan telah memilih untuk mendalami bidang pergigian sebagai titik noktah dalam hidupnya.

Tidak terhenti di situ, kejayaan memiliki ijazah dalam bidang pembedahan pergigian

ini telah memaksa beliau untuk melupakan sejenak cita asalnya dalam bidang angkasa lepas. Beliau layak berkhidmat secara kontrak di Hospital Kerajaan atau Hospital Angkatan Tentera. Lalu bermulalah detik perjalanan beliau sebagai seorang anggota tentera setelah membuat keputusan untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan kini ditugaskan di KD SULTAN ISMAIL, Tanjung Pengelih, Johor.

Sebagai seorang pegawai tentera yang bertauliah, beliau telah dipilih untuk mengikuti kursus-kursus ketenteraan dan kepakaran, diantaranya *Medical and Dental Officer Training Course (MODO)*, Kursus Asas Payung Terjun dan juga Kursus Pegawai Perubatan Selam. Dari perwatakan beliau yang agak *soft* dan raut wajah yang ceria ini, sebenarnya tersimpan satu keperibadian yang dinamik seperti pendekatan rawatan pergigian secara psikologi yang diamalkan telah menambat hati warga KDSI dan menjadi bualan ramai warga KDSI. Selain dari jawatan itu, beliau juga dilantik sebagai



Pegawai Memerintah KD SULTAN ISMAIL (KDSI) Kept Dato' Lee Kwang Lock TLDM menyampaikan cenderahati berupa Ship's Crest kepada Kapt (Dr) Faiz atas kejayaan menempatkan dirinya antara 2 yang terpilih untuk menjalani latihan angkasawan negara di Russia.

Pegawai Perpustakaan pasukan. Beliau pernah diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk mempengerusikan *Indoor Games KDSI 2005*. Sikapnya yang peramah merupakan aset untuk menjalin hubungan silaturrahim di kalangan warga KDSI dan menjadikan kerja sebagai satu ibadah dan dapat berbakti pada semua. Perbezaan *uniform* yang dipakai bukanlah satupenghalang untuk TLDM berbangga dengan kejayaan beliau yang kini menjadi 2 orang yang telah terpilih untuk menjalani latihan angkasawan di Russia dalam masa terdekat ini.

Kejayaan Kapt (Dr) Faiz menempatkan dirinya di antara 2 yang terbaik boleh dijadikan teladan kepada semua peringkat anggota dan semangat juang yang ditunjukkan oleh beliau telah membuktikan bahawa tiada yang mustahil dalam kehidupan kita seharian. Semasa ditanya apakah kata-kata motivasi untuk dirinya, jawab beliau, "*Always try your best. You can rest but don't stop*". Syabas Kapt (Dr) Faiz bin Khaleed!! Jangan jadikan keringat yang mengalir sebagai kekangan untuk mencapai kejayaan dan teruskan keazaman untuk menjadi terbaik di antara yang terbaik dan kami warga TLDM khasnya dan ATM amnya akan bersama-sama mendoakan kejayaan. Selamat Maju Jaya.... S



"Bon voyage dan laksanakan tugas dengan sebaiknya", itulah kata-kata perangsang pendana menteri malaysia kepada kedua-dua bakal angkasawan negara dalam (Kapt Dr Faiz) di sebelah kiri.

<http://navy.mod.gov.my>

OLEH : **LT KDR ANUAR BIN MOHAMED**

Pegawai Staf 1 Perisikan, Risik Laut (RISLA) MK TL

FOTO : RISLA MK TL

Pada 4 Nov 05, Singapura telah menandatangani perjanjian dengan syarikat pengeluar kapal selam Kockums bagi perolehan 2 buah kapal selam Type A 17 dari Kelas **VASTERGOTLAND**. Kedua-dua buah kapal selam ini iaitu HMS **VASTERGOTLAND** dan HMS **HALSINGLAND** yang masih berkhidmat dengan Tentera Laut Sweden bakal dilucutkan tauliah lebih awal sebelum dipindahkan kepada Tentera Laut Singapura (RSN) pada tahun 2010. Direka untuk melaksanakan misi menyerang terutamanya di perairan berair cetek dan dilengkapi dengan sistem AIP (*air independence propulsion*) bagi membolehkannya beroperasi dalam tempoh yang lebih panjang di bawah air. Sistem AIP juga membolehkan kapal selam ini bergerak dengan lebih senyap dan menyukarkan pihak lawan untuk mengesannya. Sebelum diserahkan kepada RSN, kapal selam ini bakal menjalani proses modifikasi bagi pengoperasian di perairan tropika. Ia mempunyai 6 buah tiub torpedo 533mm dan 3 buah tiub torpedo 400mm yang boleh memuatkan 15 buah torpedo dan 20 buah periuk api. Perolehan kapal selam Vastergotland merupakan perolehan fasa kedua oleh RSN selepas perolehan fasa pertama yang dimulakan pada 1997 yang melibatkan perolehan 4 buah kapal selam terpakai dari Kelas **CHALLENGER** iaitu RSS **CHALLENGER**, RSS **CONQUEROR**, RSS **CENTURION** dan RSS **CHIEFTAIN** yang mengisi Skuadron 171 dalam Armada RSN. Kapal selam ini merupakan kapal selam terpakai yang dibina sekitar tahun 1960-an dan pernah berkhidmat melebihi 20 tahun dengan Tentera Laut Sweden.



• Kapal Selam Type A17 Vastergotland Tentera Laut Sweden yang bakal diperolehi RSN pada tahun 2010.

PEMBELIAN 2 BUAH KAPAL SELAM TYPE 2A KELAS VASTERGOTLAND:

SINGAPURA USAHA TINGKAT KEHEBATAN ARMADA KAPAL SELAM

Apabila Singapura mengumumkan hasratnya untuk memperolehi kapal selam pada 1995, penganalisis berpendapat bahawa perolehan ini merupakan serampang dua mata bagi mencapai objektif iaitu sebagai *temporary measures* untuk mewujudkan keupayaan tentera laut yang seimbang terutamanya dalam mempamerkan keupayaan pencegahan yang lebih digeruni dan juga sebagai langkah permulaan yang *cost-effective* bagi mewujudkan cawangan kapal selam yang lebih menumpukan kepada keperluan latihan, menimba pengalaman serta membuat penilaian yang lebih *hands on* terhadap kesesuaian pengoperasian kapal selam dengan situasi di Singapura. Sungguhpun kapal selam dari Kelas **CHALLENGER** itu telah dimamah

usia dan tidak sebegitu canggih, namun ketika itu ia masih mampu memberikan impak pencegahan serta *supremacy* kepada Singapura dalam aspek Peperangan Bawah Permukaan di kalangan negara Asia Tenggara. Selain Singapura, hanya Indonesia yang mengoperasikan kapal selam iaitu KRI **CAKRA** dan KRI **NANGGALA**. Dengan wujudnya cawangan kapal selam ini, RSN dilihat berkeupayaan untuk menguasai *sea control* di perairan terdekatnya serta *sea denial* di perairan yang lebih jauh.

Walau bagaimanapun, perkembangan keupayaan tentera laut di rantau Asia Tenggara bakal berubah dalam tempoh 5 ke 10 tahun yang akan datang.

Malaysia bakal mengoperasikan 2 buah kapal selam jenis **SCORPENE** pada 2009 sementara Indonesia

telah mengesahkan penambahan 4 buah lagi kapal selam dalam armadanya. Perkembangan ini bakal menyaingi keupayaan Singapura dan menggugat falsafah pertahanannya untuk menewaskan lawan dengan 'a knock-out punch in round one.' Perolehan kapal selam Type A 17 **VASTERGOTLAND** dianggap berupaya mengembalikan *supremacy* Singapura dalam aspek pencegahan dan Peperangan Bawah Permukaan berbanding negara yang mengelilinginya.

Dengan kombinasi 6 buah kapal selam dan 6 buah frigat baru dari Kelas **FORMIDABLE** di dalam armadanya, penganalisis beranggapan bahawa RSN telah mempertingkatkan lagi keupayaan *sea dominance* di perairan yang mengelilinginya. Kekuatan *mixed capabilities* yang seimbang membolehkan RSN mengekalkan reputasinya sebagai salah sebuah angkatan tentera laut yang disegani di rantau Asia Tenggara. **S**

• Kapal Selam Tentera Laut Singapura, RSS **CHIEFTAIN** belayar sambil berlatarbelakangkan RSS **ENDURANCE** di perairan Selat Singapura.



"Of course at this infant stage, the strategy is by no means perfect but it is supposed to be a living document that will continue to be refined, updated or reviewed as new developments and input come into way whilst ploughing through time..."

- Bengkel Strategik Maritim 1/05

AVILLION 05 - PENEMUAN SELANJUTNYA

Oleh : KEPT MOHD ZAHARI HJ JAMIAN TLDM

Tiada sesuatu yang kekal di dalam dunia ini melainkan firman yang dimukjizatkan melalui kitab suci Al Quran. Hasil penulisan dan nukilan para pengarang duniawi, di dalam apa jua bentukpun mampu dan kadangkalanya perlu dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian. Hasil penemuan serta pelajaran baru yang diraih di sepanjang proses ketamadunan sejagat, akan memerlukan peraturan dan ide dikembangkan, atau diubahsuai sebagai satu proses penambahbaikan demi menjaga kepentingan manusia. Begitulah juga dengan kefahaman Strategi TLDM, juga dikenali sebagai Avillion 05 yang sebelum ini pernah disampaikan melalui penulisan *Bringing To Light The Avillion Resolution 05* melalui keluaran SAMUDERA yang lepas. Walau bagaimanapun, penyampaian maklumat penemuan selanjutnya Avillion 05 di kali ini dibuat di dalam Bahasa Malaysia untuk memudahkan pemahaman di setiap peringkat *Navy People*.


Pada 16 hingga 18 Apr 06, beberapa ahli fikir TLDM telah dikumpulkan di Avillion Resort Port Dickson sekali lagi untuk mengupas kembali setakat manakah perkembangan Avillion 05 yang telah diterima pakai mulai pertengahan tahun 2005. Sesi *high performance brainstorming* (HPBS) tersebut, sekali lagi diketuai oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali telah membincangkan hubungkait strategi tersebut dengan *Balanced Scorecard* (BSC) dan *RMN Passage Plan*, bagaimana hendak menyampaikan pemahaman dan menentukan penghayatan Avillion 05 kepada *Navy People*, serta menggubal format untuk memudahkan pemahaman dan pengimplementasian Avillion 05 oleh TLDM. Tambahan pada itu, selaras dengan kehendak YAB Perdana Menteri supaya perbelanjaan RMKe-9 dilaksanakan dengan efektif dan efisien, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din juga telah mengusulkan supaya bengkel HPBS di kali ini memikirkan satu kerangka kerja (framework) agar TLDM mampu mencapai kehendak tersebut, yang kemudiannya bakal diterjemahkan kepada *Naval Acquisition Board* (NAB). Sekiranya kerangka kerja yang diperhalusi ini diluluskan kelak, *Navy People* akan dimaklumkan melalui saluran penghebahan sedia ada.

Secara dasarnya, idea strategi ini yang dibuahkan melalui HPBS pertama pada tahun 2005 masih tidak berubah. Ini juga bermakna konsep dasar yang disampaikan melalui SAMUDERA keluaran lepas masih sah. Walau bagaimanapun, memandangkan TLDM telah mengenalpasti bahawa Avillion 05 ialah strategi yang diperlukan untuk TLDM melalui *RMN Passage Plan* yang dipantau prestasinya melalui BSC, bagaimana hendak TLDM menghubungkan Avillion 05 ini dengan BSC? Melalui HPBS yang dilaksanakan pada Apr 06, TLDM kini mampu melihat dengan jelas hubungkait Avillion 05 dengan *RMN Passage Plan* dan BSC. Beberapa istilah utama juga telah ditukar untuk mengelakkan kekeliruan di antara strategi dan elemen yang terkandung di dalam sesebuah strategi. Melalui penulisan ini, adalah dihasratkan agar para pembaca mampu melihat perhubungan Avillion 05 yang telah dikemaskini dengan konsep pengurusan sedia ada di dalam TLDM, juga untuk meningkatkan pemahaman para pembaca tentangnya, melalui kaedah pemaparan berkait seperti gambarajah dan penerangan yang termudah mungkin. Seterusnya pembaca juga akan diberi sekilas pandangan tentang halatuju Avillion 05 dan proses pengimplementasiannya di masa mendatang.

Sebagai langkah mengimbas kembali keperluan menerbitkan Strategi TLDM atau Avillion 05, strategi ini dihasilkan untuk menyampaikan panduan strategik bagaimana TLDM berhasrat untuk menguruskan perkhidmatan tersebut sehingga ke tahun 2020 sambil sentiasa mendukung visi dan misinya. Dokumen ini menjajarkan strategi TLDM dengan kehendak

stakeholders-nya lebih-lebih lagi Kerajaan Malaysia dan *Navy People* untuk menentukan TLDM sentiasa relevan dan fokus di dalam mencapai keupayaan yang dikehendaki. Strategi TLDM atau Avillion 05 ini juga digunakan untuk menjajarkan aktiviti dengan polisi pihak atasan, seterusnya polisi dan dasar dari Angkatan Tentera Malaysia.

Demi menepati konsep tersebut, Avillion 05 perlulah dihasilkan dari konsep yang digariskan oleh Polisi Pertahanan Negara (*National Defence Policy*), Strategi Ketenteraan Nasional (*National Military Strategy*) dan Konsep Pertahanan Maritim Nasional (*National Maritime Defence Concept*). Avillion 05 juga akan memenuhi aspirasi para pemimpin TLDM untuk memimpin organisasi perkhidmatan ini mencapai misinya dengan efektif dan efisien melalui dua komponen utama, yang sebelum ini dikenali sebagai *Core Strategies* dan *Supporting Strategies*. Sebagai langkah permulaan kepada penemuan baru ini, *Core Strategies* kini dipanggil *Strategic Focus* manakala *Supporting Strategies* pula kini dikenali sebagai *Strategic Pillars*.



Rajah 1

Definisi

- **Strategic Focus.** Bidang kawasan tumpuan strategik yang mengandungi elemen utama bagi memandu dan memangkin TLDM untuk mencapai visi, misi dan kehendak strategik.
- **Strategic Pillars.** Fungsi sokongan yang diperlukan untuk mendokong dua atau lebih Strategic Focus.

Seperti yang pernah diterangkan di artikel terdahulu, konsep asal Avillion 05 masih mendokong visi dan misi TLDM. Tambahan kepada itu, memandangkan BSC diguna pakai oleh TLDM, ianya juga perlu merangkumi secara holistik *Key Result Areas* (KRA) dari BSC iaitu *Preparedness*, *Joint* dan *International and National Partnership* seperti yang dipaparkan di bawah bumbung *RMN Strategy*. Ini juga bermakna *Strategic Focus* dan *Strategic Pillars* perlu mendokong objektif, inisiatif BSC sehinggalah ke pelan aktiviti mereka ke arah mencapai kecemerlangan di dalam KRA ini. Secara tidak langsung juga ini bermakna sekiranya TLDM menentukan *Strategic Pillars* dikupas menjurus kepada keperluan pelaksanaan untuk menepati

objektif BSC ketiga-tiga KRA, tiada keperluan untuk mendalami *Strategic Focus* terlebih dahulu. Tetapi apa yang penting ialah untuk mencapai *state of awareness* atau tahap pengetahuan yang memerlukan para pemimpin TLDM di setiap lapisan *Navy People* untuk sentiasa berwaspada yang setiap isu berkaitan *Strategic Focus* perlu mengandungi dua atau lebih *Strategic Pillars*.


**Matriks Perhubungan
Strategic Focus dengan Strategic Pillars**

Strategic Pillar	Strategic Focus					
	Resource Cap	Workforce	Management	Partnership	Resource	Marketing
Ship	x	x	x	x	x	x
Comms	x	x	x	x	x	x
Op Business	x	x	x	x	x	x
Infrastructure	x	x	x	x	x	x
Log	x	x	x	x	x	x
Financial Management	x	x	x	x	x	x
Interoperability	x	x	x	x	x	x
Emerging Tech	x	x	x	x	x	x

Rajah 2

Melalui gambarajah matriks di atas (Rajah 2) dapat dikaitkan perhubungan di antara *Strategic Focus* dan *Strategic Pillars*. Sungguhpun penandaan hubungkait tersebut masih boleh dipertikaikan ketepatannya, tidak dapat dinafikan melalui proses *robustness test* semasa bengkel yang telah dilaksanakan di Avillion baru-baru ini, keutuhan konsep yang menyatakan dua atau lebih *Strategic Pillars* menyokong *Strategic Focus* terbukti. Ianya juga mengenalpasti yang setiap kepentingan, keperluan, elemen dan isu yang berhubungkait dengan *RMN Passage Plan* yang telah dilancarkan TLDM sebelum ini dirangkumi secara menyeluruh oleh Avillion 05. Langkah seterusnya ialah untuk mengenalpasti hubungkait di antara *Strategic Pillars* dengan BSC, antara lain menunjukkan hubungannya dengan *Key Result Areas* (KRA), *Key Performance Indicators* (KPI), Objektif dan Inisiatif. Sekiranya mereka mampu dihubungkan, langkah menggubal pelan tindak, tugas dan aktiviti akan disentuh secara automatik melalui BSC yang kukuh, yang diperbaiki dari semasa ke semasa. Ini juga bermakna sekiranya konsep ini difahami dan dipraktikkan secara menyeluruh, aspirasi Avillion 05 yang diwujudkan sebagai strategi pengurusan TLDM (*running the Navy business*), akan mampu diterjemahkan kepada pengimplementasian melalui BSC yang mantap.

**Hubungan di antara KRA dengan
Objektif dan Inisiatif**




Rajah 3

Melalui Rajah 3 di atas pula, sesi HPBS di Avillion baru-baru ini mendapati setiap *Strategic Pillar* (*Strategic Pillar CIMIC* sebagai contoh) terdiri dari beberapa KRA yang prestasinya diukur melalui BSC. Sesuatu KRA pula

dipecahkan kepada beberapa objektif BSC yang setiap satunya boleh diukur melalui perisian BSC. Perisian yang terkandung di dalam Sistem BSC juga akan mempamerkan pengukuran sesuatu KRA atau sebahagian dari KRA, hasil dari pengukuran *Key Performance Indicator* (KPI) objektif yang terkandung di bawahnya. Seterusnya beberapa inisiatif perlu direncanakan sesuai keperluan BSC supaya mendokong objektif dan KRA. Lantas, di sinilah perhubungan penting di antara Avillion 05 dan BSC dapat ditemui dan seterusnya diijarkan (*aligning*).

Aliran Proses BSC Yang Terjajar



Rajah 3

Berlanjutan dari penerangan di atas, mungkin lebih mudah sekiranya aliran proses dari KRA ke Pelan Tindak diterangkan seterusnya melalui Rajah 3. Seperti yang dilihat, Elemen di dalam *Strategic Pillar* juga boleh ditafsirkan sebagai KRA yang dipaparkan prestasinya melalui *traffic light* BSC. Paparan *traffic light* tersebut sebenarnya adalah hasil gabungan pengukuran terhadap KPI yang juga adalah sensors kepada Objektif BSC yang juga merupakan *desired outcomes*.

**Pengimplementasian dari KRA BSC
kepada Inisiatif**

Contoh untuk KRA - Engineering System (ekstrak dari *Strategic Pillars - Logistics*)

KRA	Objektif	Inisiatif									
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Engineering System (sebahagian dari Strategic Pillar Avillion 05)	Simplified Processes	x									
	Sense of Ownership/Accountability		x	x	x						
	Return on Investment								x		
	Best Engineering Practice	x	x	x						x	
	Best Configuration Management					x					
Logistics Management (dari PSC)	A&B Capabilities						x	x			

Rajah 4

Seterusnya Objektif BSC diterjemah kepada Inisiatif BSC, diwakili oleh janji-janji pemilik proses BSC kepada Panglima Tentera Laut di dalam bentuk Pelan Tindak terhadap Inisiatif BSC yang dijanjikan. Contoh aliran ini diterangkan selanjutnya melalui Rajah 4.

Oleh itu, apa lagi yang perlu dibuat kini? Aktiviti seterusnya perlu lebih fokus kepada pengetahuan setiap lapisan warga *Navy People* tentang Avillion 05 dan perhubungannya dengan BSC. Tanpa pengetahuan tersebut, maka rangka strategi pengurusan TLDM melalui Avillion 05 dan seterusnya mekanisme pengurusan TLDM melalui BSC tidak akan selaras dan tidak akan menepati aspirasi sebenar penubuhan strategi ini. Seperti yang pernah diterangkan melalui artikel yang lepas,

semua perkakasan pengurusan yang masih digunakan TLDM seperti konsep Pengurusan Berkualiti Menyeluruh, BSC, Pengiktirafan ISO dan Six Sigma serta yang lainnya, masih relevan kepada Avillion 05 dan strategi ini bukan ditubuhkan untuk menketengahkan sesuatu konsep pengurusan yang baru atau '*reinventing the wheel*'. Semua objektif, inisiatif yang direncanakan melalui BSC sehinggakan aktiviti dan tindakan asas (*back to basics*) seperti menepati keperluan memo, arahan semasa dan buku rujukan juga masih lagi relevan kepada Avillion 05. Tetapi para pembaca perlu juga sedar bahawa apa yang direncanakan melalui BSC, atau apa yang dilakukan untuk mengikuti arahan semasa yang ada, hanya akan relevan sekiranya kesemua aktiviti tersebut diijarkan (*aligned*) kepada Avillion 05, melalui BSC yang dipinda dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

TLDM dalam masa yang sama juga perlu peka yang apa yang dikatakan perlu dikotakan. Kerap juga berlakunya fenomena di mana kebanyakan idea yang baru ditimbulkan tidak mampu dilaksanakan kerana ketiadaan mekanisme untuk memindahkan apa yang ada di minda pemerintah tertinggi TLDM kepada apa yang perlu dilaksanakan. Sekiranya TLDM tidak mengkordinasikan sumbernya dengan berkesan, maka pengimplementasian akan terencat akibat dari ketiadaan mekanisme yang berkesan untuk menentukannya. Dua aspek penting di sini untuk menentukan pengetahuan Avillion 05 dan BSC ini disampaikan, iaitu siapakah yang sepatutnya menjadi pemilik proses kepada keperluan tersebut dan bagaimanakah keperluan ini ditentukan kesinambungannya. Secara logiknya, sekiranya BSC diijarkan dengan berkesan setelah tamat tempoh frozen-nya iaitu berterusan menjajarkan BSC kepada Avillion 05, TLDM mampu diuruskan dengan efektif dan efisien, mendokong visi dan misinya. Tetapi adakah ia semudah itu?

Mungkin tidak semudah itu. Apa yang penting pertamanya, seperti yang disebut sebelum ini ialah, penyampaian maklumat berkenaan Avillion 05 dan BSC dengan berkesan kepada semua lapisan warga *Navy People*. Dalam masa yang sama juga strategi ini perlu disampaikan kepada semua pihak yang berurusan dengan TLDM, contohnya perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia lain, agensi kerajaan lain, Pejabat Menteri Pertahanan dan agensi bukan kerajaan yang berkepentingan kepada TLDM. Selari dengan keperluan ini, Bahagian Pengurusan Strategik di Markas Tentera Laut akan membengkelkan mengikut kesesuaian untuk mendapatkan Objektif BSC yang lebih mantap dari KRA BSC. Untuk mencapai hasrat tersebut, *Strategic Pillars* dari Avillion 05 perlu dibengkelkan untuk menjajarkan *Pillar Human Resource Management / Development dan Logistic* yang pernah dibengkelkan sebelum ini. Bengkel tersebut juga perlu menggubal Objektif, Inisiatif dan Pelan Tindak BSC, iaitu janji-janji pemilik proses kepada Panglima Tentera Laut, yang lebih mantap dan kredibel dan terjajar dengan Avillion 05. Pada jangkamasa panjang setelah BSC yang terkini wujud, kesemua di atas perlu diijarkan pula dengan *RMN Passage Plan* yang ada. **S**

PENTAULIAHAN KAPAL PERONDA GENERASI BARU

OLEH : LK KNA ISWARDI BIN RASHIDI

Bahagian Rancang Operasi (RANOP) MK TL

FOTO : Cawangan Perhubungan Awam Markas Armada

*KD KEDAH dan KD PAHANG
antara 6 buah kapal peronda
generasi baru yang terawal
memasuki perkhidmatan
Armada TLDM.*

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sekali lagi melakar sejarah pada tahun ini kerana telah menerima dua buah kapal jenis *New Generation Patrol Vessel (NGPV)* atau Kapal Peronda Generasi Baru di dua majlis pentauliah dan penamaan kapal yang berasingan bertempat di Jeti Pangkalan TLDM Lumut, Perak. KD KEDAH merupakan kapal jenis NGPV yang pertama ditauliah dan diserahkan kepada TLDM daripada enam buah kapal jenis yang sama. Majlis pentauliah yang berlangsung pada 5 Jun 06 yang lepas telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din dengan dihadiri oleh orang-orang kenamaan, VVIP, para jemputan, pegawai-pegawai dan warga TLDM. Kapal peronda generasi baru yang berkonsepkan sistem pembinaan modular ini dibina di Limbungan German Naval Group (GNG), Hamburg, Jerman bermula 14 Apr 01 dan telah diserahkan kepada Limbungan PSC Naval Dockyard bertempat di Lumut, Perak pada 25 Sep 03. Pada tarikh yang sama, kapal ini telah dinamakan sebagai Kapal Diraja KEDAH dan telah disempurnakan pentauliahannya oleh YAM Dato' Seri Tunku Puteri Intan Shafinaz, Puteri Sultan Kedah.



Sejarah penamaan KD KEDAH ada kaitannya dengan penghormatan TLDM kepada negeri Kedah sebagai sebuah kerajaan Melayu terawal yang wujud dari kurun ke-5 hingga ke-14 Masihi. Nama KEDAH juga pernah digunakan semasa perang dunia kedua oleh kapal perang British yang dikenali sebagai Her Majesty Ship (HMS) KEDAH. Kapal yang dioperasikan oleh Armada British untuk menentang ancaman Tentera Laut Jepun ini telah menjadi lokasi perundingan damai dan penyerahan kalah Tentera Laut Jepun kepada British pada tahun 1945. Penggunaan nama KEDAH terus menyerlah dan sekali lagi diabadikan kepada sebuah kapal ronda pertama kerajaan Malaysia. Kapal yang dibina di England pada akhir tahun 1963 ini telah dikenali sebagai Kapal Diraja (KD) SRI KEDAH. Namun, kapal ini telah dilucutkan tauliahnya kerana keadaannya yang telah usang dan tidak mampu beroperasi dengan baik. Kini, TLDM telah meneruskan lagi tradisi kegemilangan dan penghormatan ini dengan menamakan kapal generasi baru yang pertama sebagai KD KEDAH. Kapal ini akan beroperasi di perairan Malaysia mulai 5 Jun 06 dan diterajui oleh Pegawai Memerintah pertama KD KEDAH, Kepten Aliyas bin Hamdan TLDM.

Pada 3 Ogos yang lepas pula, bertempat di jeti yang sama, satu lagi majlis pentauliah kapal generasi baru yang kedua juga telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut. Kapal yang dikenali sebagai KD PAHANG ini dibina di Limbungan GNG, Hamburg, Jerman pada 14 Jun 01 dan telah diserahkan kepada Limbungan PSC Naval Dockyard secara rasminya di majlis pelancaran dan penamaan kapal PAHANG oleh Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Sultanah Hajjah Kalsom pada 10 Jun 04. Kapal yang berkonsep *fitted for but not with* bagi menghadapi sebarang



jenis dimensi peperangan maritim ini akan diterajui oleh Pegawai Memerintah pertamanya, Komander Heman bin Hj Buang TLDM. Sejarah penggunaan nama Pahang juga ada kesinambungannya dengan kebanggaan TLDM terhadap kemasyhuran negeri ini pada masa dulu dan sekarang. Nama Pahang juga sebelum ini turut digunakan oleh Tentera Laut British ke atas salah sebuah kapal perangnya iaitu HMS PAHANG. Malangnya kapal tersebut telah berjaya dimusnahkan oleh Tentera Laut Jepun semasa pertempuran Perang Dunia Kedua. Kehebatan HMS PAHANG dan anak-anak kapalnya berperang dan mempertahankan kapal di dalam pertempuran tersebut membuat British mengabadikan sekali lagi nama Pahang ke atas sebuah lagi kapal perangnya dengan dikenali sebagai *Her Majesty Malayan Ship (HMMS) PAHANG*. Malaysia juga turut meneruskan tradisi penggunaan nama ini dengan menamakan salah sebuah kapal rondanya yang di bina di England pada akhir tahun 1963 sebagai KD SRI PAHANG. Walau



bagaimanapun, seperti KD SRI KEDAH juga, KD SRI PAHANG telah dilucutkan tauliahnya atas sebab keadaannya yang telah usang dan tempoh perkhidmatannya terlalu lama. Mengambil kesinambungan daripada ketangkasan dan kehebatan nama Pahang ke atas kapal-kapal yang sebelumnya dan bagi mengenang sumbangan jasa dan bakti KD SRI PAHANG, TLDM telah menamakan kapal generasi baru yang kedua sebagai KD PAHANG. Kapal ini akan memulakan pengoperasiannya pada 3 Ogos 06.

Pentauliah kedua-dua kapal generasi baru ini dapat meningkatkan keupayaan TLDM dalam menangani masalah ancaman di perairan negara. Ianya juga sekaligus dapat memantap dan memperkuat lagi pertahanan negara dengan kapal-kapal yang mempunyai sistem canggih dan terkini yang mampu untuk menghadapi sebarang kemungkinan demi untuk mempertahankan negara yang tercinta.

Syabas TLDM. S



Pelayaran pertama KD PAHANG selepas ditauliahkan pada 3 Ogos 2006.



RAKAN ANTARABANGSA -

JALIN HUBUNGAN STRATEGI

OLEH : KDR MOHD JALAL BIN KARIS TLDM
PS 1 Strategi MK TL

RMN and ROKN Navy - To - Navy Talks

18 May 2006

at Force Hotel & Residence Kuala Lumpur



Sejajar dengan konsep strategi *international partnership*, Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa tentera laut asing dan yang terbaru ialah dengan Tentera Laut Korea Selatan (ROKN) dan Tentera Laut Diraja New Zealand (RNZN). Perbincangan tersebut dikenali sebagai *Navy-to-Navy Talks (N2N)*. *Royal Malaysian Navy-Royal Korean Navy (N2N Talks)* merupakan perbincangan kali kelima telah diadakan pada 18 Mei 06 manakala *Royal Malaysian Navy-Royal New Zealand Navy N2N Talks* adalah perbincangan julung kali telah diadakan pada 24 Mei 06. Kedua-dua perbincangan telah diadakan di Kuala Lumpur.

Objektif utama perbincangan adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama yang telah sedia terjalin di antara TLDM dengan ROKN dan RNZN melalui memorandum persefahaman yang telah dimeterai di peringkat negara dan ATM. Delegasi Korea telah diketuai oleh Rear Admiral Jung Ok-Keun, *Deputy Chief Naval Operations and Force Planning* dari ROKN HQ sementara delegasi RNZN diketuai oleh Commodore Anthony J. Parr RNZN, Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja New Zealand.

Kedua-dua perbincangan telah berlangsung dalam suasana harmoni, keterbukaan dan akrab serta berjaya mencapai matlamat yang telah digariskan di dalam terma rujukan (*term of reference*) perbincangan yang dipersetujui oleh kesemua pihak terlibat. S



Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

ditubuhkan untuk memberi khidmat sebaik mungkin kepada

warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

bekas anggota ATM dan anggota sukarelawan ATM

dengan penyediaan rangkaian khidmat runcit di seluruh negara

pada kadar harga yang berpatutan lagi terkawal berlandaskan

pengurusan yang cemerlang dan berwibawa

dan sentiasa prihatin akan kehendak sekitar.



Setia bersama anda

Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)
6, Solok Waja 1, Bukit Raja, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan

PENGENALAN

Pengenalan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia hanya bermula sekitar tahun 1970-an, dimulai dalam dunia pendidikan sebelum berkembang dalam institusi-institusi rawatan, pemulihan, kebajikan dan kemasyarakatan yang lain. Tanggapan umum berhubung bidang profesional kaunseling ini adalah ianya merupakan cetusan idea pemikir-pemikir Barat secara total. Tahap perkembangan ilmu psikologi pendidikan dan kaunseling yang dipelopori keseluruhannya oleh nama-nama barat seperti Sigmund Freud, Carl Rogers, John Holland, dan Carl Jung (sekadar menyebut beberapa nama) yang bertanggungjawab mencetuskan teori-teori asas seperti psikoanalisa, behaviourist, client-centered dan sebagainya, memperkuat lagi tanggapan bahawa pendekatan kaunseling hanyalah salah satu daripada sekian banyak ilmu ketamadunan Barat yang secara beransur-ansur mulai diterima pakai oleh masyarakat Timur dan lain-lain komuniti di dunia.

Walau bagaimanapun, tanggapan sebegini tidak seharusnya diterima kebenarannya secara melulu, kerana pendekatan kaunseling sekiranya diperamati dan dihalusi secara terperinci akan memperlihatkan persamaan yang sangat menyerlah (dilihat dari segi konsep dan asas-asas teori) dengan nilai-nilai yang dinyatakan dalam pengajaran agama Islam, di samping selaras (dilihat dari segi tatacara pelaksanaannya) dengan fitrah kejadian manusia. Bagaimana ini boleh berlaku? Adakah para ilmuan Barat mengasaskan pendekatan ilmu psikologi pendidikan dan kaunseling-berpandukan kajian terhadap Al-Quran dan agama Islam secara mendalam? Atau adakah berlaku situasi dalam lipatan sejarah di mana ahli-ahli fikir Barat telah 'mencedok' pendekatan ilmu yang menjadi hak milik dan amalan cendekiawan-cendekiawan Islam sejak berzaman lamanya, mendakwa ia diasaskan mereka, dan menghapuskan bukti-bukti yang mampu mendedahkan penyelewengan ini? Penulisan ini bukanlah berhasrat membincangkan susur galur persamaan ini dari sudut sejarah, tetapi sekadar membentangkan perspektif Islam terhadap konsep dan pendekatan kaunseling secara menyeluruh, agar matlamat tidak terlalu mengagung-agungkan western civilization (dengan menganggapnya sebagai pusat/gedung segala ilmu) mampu dicapai.



Gabungan elemen jasmaniah dengan jalinan empat entiti ruhaniah dapat membentuk keperibadian insan yang mantap dan berkualiti.

PENDEKATAN KAUNSELING MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: **LT KDR ABU YAZID BIN HJ ABU BAKAR TLDM**
MEd Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)
Pegawai Staf Psikologi & Kaunseling MK TL

PERBINCANGAN

Secara umum, metodologi dan tatacara implimentasi amalan kaunseling menurut perspektif Islam mempunyai persamaan dengan pendekatan dakwah yang dibawa Rasulullah SAW. Dalam erti kata lain, matlamat mencari jalan penyelesaian masalah secara halus dan terancang yang ditetapkan pengamal-pengamal profesional kaunseling tidak ada perbezaannya dengan taktik dan strategi dakwah Islamiah yang dirangka Rasulullah SAW. Kajian secara terperinci terhadap aspek-aspek lain ilmu kaunseling (yang kononnya diasaskan di barat) memperlihatkan begitu banyak ciri-ciri persamaan dengan amalan praktikal agama Islam. Sebagai contoh, tahap-tahap proses kaunseling seperti bersedia menerima klien dengan terbuka, mewujudkan suasana kemesraan serta menjaga/mengekalkan perhubungan bukanlah perkara asing dalam ajaran Islam

kerana ia merupakan teras hubungan persaudaraan sesama Muslim yang diajar Rasulullah SAW dalam dakwah baginda. Di samping itu, keperluan sifat-sifat kaunselor (yang dinyatakan pengasas ilmu kaunseling barat) seperti bersifat sabar/tenang, bertoleransi, boleh berkomunikasi dengan baik, serta ingin/bersedia membantu merupakan sebahagian kecil sahaja daripada sifat-sifat mahmudah yang perlu wujud dalam diri seseorang Muslim yang benar-benar beriman dan berpegang teguh dengan ajaran Islam yang dibawa Rasulullah SAW.

Secara profesional, kaunseling difafsirkan sebagai satu jalinan perhubungan yang diwujudkan di antara dua pihak, di mana matlamat yang dipegang adalah agar pihak yang rasional (kaunselor) dapat membantu pihak yang bermasalah (klien) memahami seterusnya menyelesaikan permasalahan yang dihadapinya. Amalan kaunseling menurut perspektif Islam turut menekankan prinsip yang serupa di mana kaunselor



berperanan memberi petunjuk, membimbing, menasihati, menyuruh berbuat baik dan melarang membuat perkara yang ditegah Allah; manakala klien pula ialah orang yang memerlukan pertolongan, nasihat, bimbingan, orang yang kehilangan pedoman dan perlukan bantuan orang lain untuk mencari matlamat hidup yang sempurna di dunia dan akhirat. Jelas tiada perbezaan di antara tafsiran kaunseling samada secara profesional (definisi ketamadunan Barat) atau menurut perspektif Islam, kerana kedua-duanya berpaksikan kepada keutuhan jalinan perhubungan di antara individu yang memberi bantuan dengan individu yang memerlukan bantuan.

Islam mewajibkan setiap orang yang berkuasa/mampu/berupaya membantu golongan yang tidak berkuasa/mampu/berupaya. Hakikat kejadian manusia sebagai makhluk yang lemah (sebagaimana yang dinyatakan di dalam firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 28) menyebabkan setiap manusia tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai masalah dalam kehidupan. Oleh sebab itu, pelaksanaan kaunseling menurut perspektif Islam adalah untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- Membantu klien memahami seterusnya mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapinya dengan berlandaskan Al-Quran, Hadis dan Sunnah Nabi.
- Membimbing klien ke arah jalan yang diredhai Allah dan menjauhi perkara-perkara maksiat dan yang ditegah Allah.
- Membimbing klien untuk berfikir dan bertindak secara logik, waras dan didorong oleh rasa keimanan bukannya atas dasar hasutan syaitan atau dorongan nafsu semata-mata.
- Membimbing klien membuat keputusan secara rasional, di mana beliau berupaya memahami dan bertanggungjawab secara sedar ke atas setiap keputusan yang dibuat.
- Membantu klien mewujudkan perhubungan yang baik, mesra, harmoni dan ikhlas dengan pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam kehidupan beliau seperti ibu bapa, saudara mara, sahabat handai dan masyarakat sekitar.

Tamadun Barat yang pada awalnya berbangga dengan penemuan-penemuan dalam bidang-bidang perubatan, matematik, astronomi dan beberapa bidang lain, pada akhir-akhir ini telah terpaksa mengakui bahawa kewibawaan tokoh-tokoh Islam seperti Ibnu Sina, Ar-Razi, Al-Biruni, Al-Khwarizmi (sekadar menyebut beberapa nama) dalam bidang-bidang tersebut, telah lebih jauh mendahului nama-nama besar mereka seperti Pasteur, Halley mahupun Hawkings.

Fokus kesemua matlamat di atas adalah untuk melahirkan dan mewujudkan insan yang beraspirasi tinggi, berakhlak mulia, serta berhasrat mencapai kesempurnaan hidup secara amar makruf dan nahi mungkar seperti dinyatakan firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 104 dan 110.

PENUTUP

Hasil kupasan ringkas ini jelas menunjukkan bahawa asas dan teras ilmu kaunseling bukanlah sesuatu yang asing dengan nilai-nilai dalam lingkungan kehidupan masyarakat Islam. Dalam erti kata lain, pendekatan kaunseling bukanlah satu cetusan pemikiran baru sekiranya kita benar-benar mendalami dan mengkaji ajaran Islam secara terperinci menerusi sumber-sumbernya yang sahih seperti Al-Quran, Hadis dan Sunnah Nabi. Segala teknik dan prosedur pelaksanaan amalan kaunseling hari ini telah wujud sejak zaman kerasulan Nabi Muhammad SAW lagi.

Tamadun Barat yang pada awalnya berbangga dengan penemuan-penemuan dalam bidang-bidang perubatan, matematik, astronomi dan beberapa bidang lain, pada akhir-akhir ini telah terpaksa mengakui bahawa kewibawaan tokoh-tokoh Islam seperti Ibnu Sina, Ar-Razi, Al-Biruni, Al-Khwarizmi (sekadar menyebut beberapa nama) dalam bidang-bidang tersebut, telah lebih jauh mendahului nama-nama besar mereka seperti Pasteur, Halley mahupun

Hawkings. Akan tiba masanya pengakuan sebegini dibuat terhadap ketamadunan ilmu psikologi dan kaunseling kerana ternyata evolusi teori psikologi dan kemanusiaan moden - yang diutarakan oleh Freud, Rogers, Jung dan beberapa orang lagi pengasas awal cabang ilmu ini di barat - sebenarnya telah dibincangkan jauh lebih awal daripada itu oleh para ilmuwan Islam tersohor. Sekadar perbandingan, pandangan umum Imam Al-Ghazali berhubung hakikat keperibadian dan psikologi manusia yang terdiri daripada gabungan elemen jasmaniah dengan jalinan empat entiti ruhaniah iaitu roh (Al-Ruh), nafsu (Al-Nafs), hati (Al-Qalb) dan akal (Al-Aql) sebenarnya tidak banyak berbeza dengan majoriti teori-teori psikologi dan kaunseling moden yang menjurus ke arah hubungkait di antara elemen-elemen fizikal, tingkahlaku, emosi dan mental seseorang individu dengan tahap kestabilan personaliti diri yang ditampilkannya. Justeru, adakah keterlaluan sekiranya satu kesimpulan dibuat bahawa ilmu psikologi dan kaunseling juga sebenarnya berasal dari ketamadunan dunia Islam? Mungkinkah ianya satu lagi cabang ilmu milik umat Islam yang telah berpindah hakmilik ke Barat susulan kekalahan tentera Islam kepada ketumbukan Kristian dalam salah satu siri peperangan Salib? Wallahualam..... hanya Tuhan yang Maha Mengetahui. **S**

Sekadar perbandingan, pandangan umum Imam Al-Ghazali berhubung hakikat keperibadian dan psikologi manusia yang terdiri daripada gabungan elemen jasmaniah dengan jalinan empat entiti ruhaniah iaitu roh (Al-Ruh), nafsu (Al-Nafs), hati (Al-Qalb) dan akal (Al-Aql) sebenarnya tidak banyak berbeza dengan majoriti teori-teori psikologi dan kaunseling moden yang menjurus ke arah hubungkait di antara elemen-elemen fizikal, tingkahlaku, emosi dan mental seseorang individu dengan tahap kestabilan personaliti diri yang ditampilkannya.




THE TEAM NAVY






PEOPLE

 **Navy** 





KSSKA
Kelab Sukan, Sosial Dan Kebajikan ATM

INSPIRASI BARU MANFAAT WARGA ATM

OLEH : **LT MARZUKI BIN SULAIMAN TLDM**

Pegawai Staf 3 Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan ATM, Markas ATM

FOTO : Cawangan Perhubungan Awam MK TL



Upacara menandatangani borang pendaftaran keahlian KSSKA oleh YBhg PAT dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.

Berbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia untuk membangunkan ATM sebagai sebuah organisasi yang inovatif dari pelbagai bidang termasuk aspek sukan, sosial dan kebajikan. Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan ATM adalah merupakan satu inspirasi yang pertama dalam ATM yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan bagi memanfaatkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2004.

Sesuai dengan hasrat Panglima Angkatan Tentera Malaysia selaku Penaung KSSKA, penubuhan Kelab ini adalah untuk meningkatkan pelaksanaan aktiviti sukan, sosial dan kebajikan sehingga ke peringkat tertinggi dengan pembiayaan dana yang tetap dan

berterusan dari kerajaan tanpa bantuan pihak lain.

Mesyuarat Jawatankuasa Panglima-Panglima yang Ke-368 telah membincangkan secara terperinci ke atas penubuhan KSSKA dan hasil dari mesyuarat tersebut, satu Jawatankuasa Penaja telah dibentuk bertujuan mendaftarkan Kelab ini ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) yang mana Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din telah dilantik sebagai Yang Dipertua KSSKA. Dengan usaha yang gigih Jawatankuasa Penaja dan semangat kerjasama yang diberikan oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, KSSKA telah diluluskan pendaftarannya pada 8 Mac 2006 menggunakan nombor pendaftaran 0180-06-WKL. KSSKA juga telah disahkan penubuhannya oleh Majlis Angkatan Tentera yang Ke-448 pada 22 Mei 2006.

PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 5 TAHUN 2004

Pekeliling Perbendaharaan ini adalah untuk menetapkan peraturan dan kadar baru Peruntukan Khas Kerajaan yang berkuatkuasa 1 Jan 2004. ATM turut mengambil peluang bagi memanfaatkan Pekeliling ini dengan menubuhkan Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan ATM dalam meningkatkan segala aktiviti tersebut dengan lebih sempurna.

Kelab yang layak menerima peruntukan khas Kerajaan adalah kelab yang ditubuhkan di peringkat Kementerian atau Jabatan untuk melaksanakan aktiviti sukan, sosial dan kebajikan bagi ahlinya. Pemberian peruntukan khas ini hanya diberikan kepada pertubuhan kerajaan yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan (Registrar of Society) dan diberi melalui peruntukan belanja mengurus kementerian. Jenis-jenis serta kadar dan kelayakan untuk menerima peruntukan adalah seperti berikut:

- ❑ **Sumbangan Asas.** RM 10.00 seorang ahli setahun iaitu daripada peruntukan tahunan Kementerian diberi pada awal tahun berasaskan jumlah ahli pertubuhan/kelab.
- ❑ **Matching Grant.** Setiap ringgit yuran bulanan yang dibayar oleh ahli maksimum RM20.00 setiap ahli setahun. Ia diberi berdasarkan bukti bayaran yuran ahli seperti dalam akaun kewangan pertubuhan setelah diaudit.

OBJEKTIF PENUBUHAN KSSKA

Objektif penubuhan KSSKA ialah untuk memanfaatkan Peruntukan Khas kerajaan bagi membantu:

- ❑ **Memperolehi/mendapat maklumat sumber kewangan tetap dari kerajaan yang tetap secara berterusan setiap tahun bagi menjayakan aktiviti sukan, sosial dan kebajikan anggota ATM.** Sumber kewangan ini akan disalurkan melalui perkhidmatan dan mekanisma sedia ada.
- ❑ **Mengoptimumkan aktiviti/pembangunan sukan dalam ATM melalui mekanisma sedia ada.**
- ❑ **Meningkatkan aktiviti sosial dan kebajikan di pelbagai peringkat anggota ATM di markas formasi dan pasukan.**
- ❑ **Meningkatkan aktiviti kekeluargaan melalui aktiviti BAKAT secara bersepadu.**

KEAHLIAN DAN KADAR YURAN

Keahlian Kelab adalah terdiri dari semua peringkat anggota tetap ATM termasuk angkatan sukarela yang dikerah sepenuh masa. Pendaftaran menjadi ahli adalah melalui borang khas keahlian. Yuran keahlian KSSKA dikutip melalui potongan gaji menggunakan peruntukan Seksyen 187A Akta Angkatan Tentera 1972. Kadar yuran bulanan yang telah diluluskan oleh MAT seperti berikut:

● Jeneral (Panglima Angkatan Tentera)	RM 15.00
● Jeneral/Laksamana/Jeneral TUDM	RM 14.00
● Leftenan Jeneral/Laksamana Madya/Leftenan Jeneral TUDM	RM 13.00
● Mejar Jeneral/Laksamana Muda/Mejar Jeneral TUDM	RM 12.00
● BrigedierJeneral/Laksamana Pertama/Brigedier Jeneral TUDM	RM 11.00
● Kolonel/Kepten TLDM /Kolonel TUDM	RM 10.00
● Leftenan Kolonel/Komander TLDM/Leftenan Kolonel TUDM	RM 9.00
● Mejar/Leftenan Komander TLDM/Mejar TUDM	RM 8.00
● Kapten/Leftenan TLDM/Kapten TUDM	RM 7.00
● Leftenan/Leftenan Madya/ Leftenan TUDM	RM 6.00
● Leftenan Muda (Darat/Laut/Udara)	RM 5.00
● Pegawai Kadet Kanan/ Pegawai Kadet	RM 4.00
● Pegawai Waren Satu/ Peg Waren Dua (Darat/Laut/Udara)	RM 4.00
● Staf Sarjan/Bintara Kanan/Flight Sarjan/Sarjan BintaraMuda/Sarjan(Udara)	RM 3.00
● Koperal/Laskar Kanan/Laskar Udara/ Lans Koperal/Laskar Kelas 1 dan 2 (Laut)/Laskar Udara 1 dan 2/Perajurit Muda	RM 2.00

PENDAPATAN DAN AGIHAN PENDAPATAN

Pendapatan utama KSSKA ialah dari kutipan yuran ahli dan sumbangan kerajaan. Pendapatan akan dibelanjakan bagi tujuan sukan, sosial dan kebajikan mengikut garis panduan yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa

Pengurusan. Pendapatan diagihkan kepada penerima faedah (beneficiaries) seperti berikut:

- ☐ Markas ATM.
- ☐ Perkhidmatan Darat.
- ☐ Perkhidmatan Laut.
- ☐ Perkhidmatan Udara.
- ☐ MSAT.
- ☐ BAKAT.
- ☐ KSSKA.

TAKLIMAT PERDANA DAN MAJLIS PELANCARAN KELAB SUKAN, SOSIAL DAN KEBAJIKAN ATM (KSSKA)

Majlis Pelancaran KSSKA telah berlangsung pada 28 Jun 2006 bertempat di Auditorium KEMENTAH. Majlis tersebut dimulakan dengan Sesi Taklimat Perdana yang disampaikan oleh Lt Kol Mustaffa bin Ahmad selaku Penyelaras KSSKA. Intipati taklimat menjurus kepada penubuhan KSSKA, apa yang dimaksudkan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2004, keahlian KSSKA, pembayaran yuran dan manfaat yang diperolehi dari KSSKA.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh warga ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan iaitu Darat, Laut dan Udara yang terdiri daripada pegawai kanan, pegawai dan anggota lain-lain pangkat. Di akhir taklimat tersebut satu sesi soal jawab telah diadakan di mana lima ahli panel yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Penaja KSSKA telah dipertanggungjawabkan untuk menjawab segala persoalan dan kemuskilan yang diajukan mengenai KSSKA. Dalam majlis tersebut, KSSKA telah menerima pelbagai input dan maklum balas serta cadangan yang baik mengenai masa hadapan KSSKA.

Acara pada pagi itu diteruskan lagi dengan Majlis Pelancaran Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia yang telah berlangsung dengan jayanya. Acara pelancaran ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Panglima Angkatan Tentera dan ketiga-tiga panglima perkhidmatan.

Kemuncak majlis ini adalah Upacara Menandatangani Borang Keahlian KSSKA oleh YBhg PAT dan Panglima-Panglima Perkhidmatan yang secara simboliknya menjadi ahli KSSKA secara rasmi.

Dalam ucapan YBhg PAT, beliau menyatakan KSSKA adalah pertubuhan yang pertama dalam ATM yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di mana Kelab ini mempunyai keahlian yang paling ramai jika dibandingkan dengan kelab lain dalam agensi kerajaan.

Beliau yakin ATM mampu berdikari tanpa bantuan sumbangan dan tajaan dari sumber lain untuk melaksanakan aktiviti sukan, sosial dan kebajikan.

Di akhir majlis tersebut, YBhg PAT diberi penghormatan menyempurnakan pelancaran logo KSSKA dan sekaligus merasmikan penubuhan Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan ATM secara rasminya. S

Untuk maklumat dan keterangan lanjut, sila hubungi:

KELAB SUKAN, SOSIAL DAN KEBAJIKAN ATM

MARKAS ANGKATAN TENTERA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
JALAN PADANG TENBAK
50634 KUALA LUMPUR
TEL : 03-20714819, 4148,
3367, 3157
FAKS : 03-20713479



Pelancaran Logo Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan ATM (KASSKA) oleh Panglima Angkatan Tentera sebagai tanda penubuhan rasmi kelab ini.

PENGENALAN PELBAGAI JENIS KAPAL LAYAR

Oleh : LT KDR MALIK BIN SULAIMAN TLDM

Pegawai Penyelidikan dan Pembangunan Latihan MPL-TLDM

Kapal dan bot layar dikelaskan mengikut bentuk *rig* atau susunan sistem *mast* dan layar. Reka bentuk sesuatu *rig* pada asalnya dibina berdasarkan kepada tamadun, tujuan penggunaan (pengangkutan atau berperang), material dan lokasi kegunaan samada di sungai atau lautan.

Terdapat 2 jenis *rig* iaitu *fore-and-aft rig* dan *square rig*.

- *Square rig* berbentuk hampir empat segi digantung di *yards* iaitu tiang melintang dan diikat pada *mast*. Sudut pusing sepanjang *mast* adalah terhad.

- *Fore-and-aft rig* pula digunakan panggilan untuk *layarn* yang dipasang selari dengan *keel*. Ia boleh dipusing penuh ke posisi *fore-and-aft* kapal layar. *Luff* (bahagian hadapan layar) diikat atau dilekat pada tiang *mast*, tali *stay* atau *shackle*.

Layar jenis *fore-and-aft rig* termasuk:

- Staysails*.
- Layar bermuda *rig*.
- Layar *gaff rig*.
- Layar *gaff*.
- Layar *lateen*.
- Spanker* pada layar empat segi.

Kapal layar yang menggunakan *fore-and-aft rigs* pula dikelaskan berdasarkan jumlah dan kedudukan *mast* termasuk:

- Satu *mast rig* - *catboat*, *sloop* dan *cutter*.
- Dua *mast rig* - *ketch* dan *yawl*.
- Rig* yang mempunyai dua atau lebih *mast* - *schooner*.
- Rig* yang mempunyai tiga atau lebih *mast* - *barquentine*.

Semua layar yang dinyatakan adalah jenis Marconi atau *jib-headed* melainkan *main sail* untuk *catboat* dan *foresail* untuk *schooner*, jenis *gaff*. Layar jenis *gaff-headed* biasanya disambung pada *gaff* (batang yang boleh dinaikkan aloft (tinggi dari atas dek)).

Catboat mempunyai tapak *mast* (*mast stepped*) jauh ke hadapan dan tidak dipasang dengan *jib* (layar hadapan). *Cutter* dan *sloop* mempunyai *rig* yang sama dengan *catboat* tetapi dipasang dengan *jib*.


Cutter mempunyai tapak *mast* diletakkan lebih jauh ke belakang berbanding dengan *sloop*. *Cutter* kebiasaannya dipasang *forestaysail* sebagai tambahan kepada *jib*.

Yawl dan *ketch* mempunyai dua tiang *mast* sementara *Schooner* mempunyai lebih dari dua. *Yawl* dan *ketch* mempunyai *rig* yang hampir sama melainkan *ketch* dipasang *mizzen* atau tiang layar *aft* yang lebih besar dan lebih ke hadapan. *Mizzen* pada *yawl* sentiasa di atas atau belakang *rudder*.


Mainsail pada *schooner* pula terletak paling ke belakang. **S**




KLD TUNAS SAMUDERA jenis Brigantine




Cat




Schooner




Sloop



Cutter



Yawl



Ketch



Gaff




Marconi

Gambarajah 1: Jenis pemasangan layar


Gambarajah 2: Jenis layar:

- Mainsail*
- Jib*
- Foresail*
- Fore staysail*
- Mizzen*


- Jib*
- Foresail*
- Fore staysail*



Catboat - tiada jib, mast jauh di hadapan.




Sloop - satu mast dan dipasang jib.



Yawl - dua mast, mizzen lebih pendek dan di belakang rudder



Ketch - dua mast, mizzen lebih pendek dan di hadapan rudder



Schooner - Dua mast atau lebih, mast hadapan lebih pendek




Cutter - Satu mast dan beberapa jib (layar hadapan)


Gambarajah 3: Jenis rig kapal layar



Kapal Layar ZUHRAH jenis Bermuda Sloop




BERMUDAN KETCH - Dua mast dilengkapi dua layar fore-and-aft.



GAFF-RIGGED KETCH - Dua mast, gaff rig dengan foresail




GAFF-RIGGED CUTTER - Satu mast, gaff-rigged dengan dua atau lebih foresail



SLOOP - Satu mast dengan layar jenis fore-and-aft




YAWL - Dua mast, mast belakang pendek lokasi di belakang rudder, rig jenis fore-and aft




LATEEN/CARAVEL - Dua mast, layar tiga segi boom diikat di tengah mast



FREEDOM - Dua mast, layar segi tiga fore-and aft



TOPSAIL SCHOONER - Dua mast, gaffsquare-rigged dengan foresail




BRIG - Dua mast dipasang layar square dan foresail



BRIGANTINE - Dua mast dipasang layar square hanya pada mast pertama



FULLY-RIGGED SHIP - Tiga atau lebih mast dengan layar square pada setiap mast dan foresail



BARQUENTINE - Tiga atau lebih mast dipasang layar square hanya pada mast hadapan dan foresail

Gambarajah 4: Nama kapal layar mengikut pemasangan mast dan jenis layar



DEVIL TO PAY..., FEELING BLUE GUN SALUTE.....

Oleh : LT RABAYAH BT RAHMAT TLDM

Naval Terms adalah istilah yang diguna dan dipertuturkan dalam tentera laut. Dalam bidang penulisan pula, penggunaan istilah-istilah ini begitu meluas. Ia bertujuan untuk memudahkan lagi pemahaman seseorang tanpa menggunakan perkataan sebenar yang mungkin lebih susah untuk diperjelaskan erti katanya. Istilah-istilah ini tidak wajar dipinggirkan malah ia boleh dijadikan panduan dan dalam masa yang sama, sebagai pengetahuan kepada warga muda TLDM khususnya. Bagi siri ini, seiring dengan usaha TLDM untuk memupuk budaya maritim, kami ingin berkongsi 10 lagi istilah dalam Naval Terms untuk dikongsi bersama para pembaca.



Selain itu, tugas paying the devil (mengetar pelipit) di kapal dalam keadaan bercangkung adalah salah satu perbuatan yang dianggap "pantang" oleh semua pelaut.

tersebut. Ia melambangkan niat baik kapal kepada pelabuhan yang ingin dimasuki.

Ini kerana kerja-kerja pengisian semula meriam akan mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan, sekiranya pelabuhan itu ingin diserang atau seumpamanya oleh kapal tersebut. Justeru, jika terdapat sebarang kapal berniat jahat kepada pelabuhan asing yang disinggahi, niat itu tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang singkat.



DEVIL TO PAY



Pada masa kini, ungkapan Devil To Pay diguna untuk menerangkan tentang hasil yang kurang memuaskan daripada sesuatu tindakan yang diambil. Keadaan ini sama seperti seseorang yang menyesali perbuatannya di mana perbuatan tersebut tidak wajar dilakukan. Akibatnya, "There will be the devil to pay".

Pada asalnya, ungkapan ini menggambarkan sesuatu tugas yang tidak menyenangkan kepada warga kapal (kapal kayu). Devil adalah pelipit papan terpanjang yang terdapat di dalam kapal kayu. Kerja menampal papan pelipit dilakukan dengan pay atau sejenis tar.

FEELING BLUE

Apabila anda bersedih dan menyatakan bahawa anda Feeling Blue, anda sebenarnya sedang menggunakan frasa yang dceduk daripada adat resam silam bagi kapal-kapal layar laut dalam. Keadaan ini berlaku apabila sesebuah kapal kehilangan Nakhodanya atau salah seorang pegawai semasa pelayaran. Kapal tersebut akan mengibarkan bendera biru dan melukiskan garisan biru di sepanjang badan kapal sekembali kapal itu ke pelabuhan asalnya.



HEAD

Head di kapal tentera laut bermaksud bilik air. Istilah ini dicipta oleh krew kapal layar pada zaman dahulu. Istilah ini akan digunakan ketika warga kapal hendak membuang air besar t e r u t a m a n y a . Kebiasaannya, tempat yang sering digunakan adalah sama ada di kiri atau kanan haluan kapal dan ia terletak berhampiran dengan ukiran bahagian depan kapal.



GUN SALUTE

Tindakan melepaskan tembakan dari semua meriam sesebuah kapal pada zaman dahulu sebelum memasuki mana-mana pelabuhan asing, dianggap sebagai satu penghormatan kepada pelabuhan





HE KNOWS THE ROPES

Pada zaman kapal layar silam, istilah ini dicipta ketika merujuk kepada mana-mana kelasi yang diberhentikan perkhidmatannya kerana kurang pengalaman. Kelasi ini hanya mengetahui tentang nama-nama dan kegunaan tali-tali utama sahaja. Namun pada masa kini, istilah ini telah membawa maksud yang bertentangan, iaitu merujuk kepada orang yang sangat berpengalaman dalam sesebuah organisasi.

LOG BOOK



Pada zaman kapal layar silam, rekod-rekod kapal ditulis di atas kepingan-kepingan kayu. Kepingan-kepingan ini akan dicantumkan agar ia kelihatan seperti sebuah buku. Hasil cantuman kepingan-kepingan kayu ini dikenali sebagai Buku Log (Log Book). Namun demikian, walaupun penggunaan kertas telah mula diperkenalkan, istilah Log Book tetap dikekalkan sehingga kini.

MAYDAY

Mayday yang bermaksud "Tolong Saya" adalah isyarat antarabangsa melalui radio yang diperakui di seluruh dunia. Isyarat ini digunakan oleh seseorang atau mana-mana kapal apabila mengalami berada dalam keadaan cemas ketika di laut. Perkataan ini berasal dari bahasa Perancis iaitu m'aidez yang telah diolah semula

bunyinya. Penggunaan istilah ini juga telah menerima pengitirafan antarabangsa dalam konteks aviation dan maritim pada tahun 1948.



PORT HOLES

Perkataan Port Holes mula digunakan semasa pemerintahan Raja Henry VI England (1485). Pada masa itu, Raja Henry telah mengarahkan agar meriam besar dipasang di bahagian lambung kiri kapal dan cara ini sebenarnya adalah bertentangan dengan tradisi lama yang menempatkan meriam di geladak haluan dan di belakang kapal.



Bagi melakukan kerja ini, seorang pembuat kapal berbangsa Perancis bernama James Baker telah ditugaskan untuk melaksanakannya. Beliau telah membuat pintu-pintu kecil di bahagian dalam kapal dan seterusnya meletakkan meriam di bahagian yang dikehendaki. Pintu-pintu kecil yang dibuat adalah untuk melindungi meriam daripada panas cuaca dan ia hanya akan dibuka apabila meriam hendak digunakan. Perkataan pintu dalam bahasa Perancis adalah Porte yang kemudiannya telah diolah sebagai port. Seterusnya, penggunaan istilah ini telah diperluaskan kepada sebarang lubang yang ada di bahagian tepi kapal sama ada pada meriam atau lain-lain peralatan.

S.O.S

Berbeza dengan tanggapan umum mengenainya, huruf-huruf S.O.S sebenarnya bukanlah bermakna Save Our Ship atau Save Our Souls. Huruf-huruf ini dipilih bagi menunjukkan keadaan

kecemasan yang sedang berlaku. Ia berikutan dalam penggunaan sistem "Kod Morse", perkataan dan gabungan bunyi bagi sebutan huruf-huruf ini didapati agak mengelirukan.



SPLICE THE MAIN BRACE

Sewaktu perang, perkakasan layar sering menjadi sasaran utama oleh pihak lawan untuk dimusnahkan kerana ia boleh menjejaskan keupayaan sesebuah kapal untuk manuvra atau bergerak. Jika tindakan ini berjaya dilakukan, ia akan memberi kelebihan kepada musuh /pihak lawan untuk menyerang.

Oleh yang demikian, sebaik sahaja perang berakhir, kerja-kerja utama yang akan diberi lebih perhatian adalah untuk membaiki pulih peralatan dan tali-temali kapal yang rosak (tali-temali ini digunakan untuk menampun angin bagi mengubah sudut kembangan layar) serta tali braser (tali yang melalui takal semasa mengembangkan layar).

Walaupun tali braser tiada spesifikasi khas, ia dianggap sebagai penyokong utama kepada ketegapan tiang kapal untuk bergerak ke arah hadapan dan belakang. Selain itu, tugas menganyam tali-temali ini juga merupakan antara kerja-kerja rutin yang sangat rumit kerana ia bakal menentukan tahap keselamatan kapal. **S**



PELAYARAN OPERASI KHAS

KD MAHAWANGSA
DAN KD SRI INDERA SAKTI
KE TIMOR LESTE

Oleh : **LT ROSDI BIN MOHAMAD TLDM**
Pegawai Perhubungan Awam
Markas ARMADA

Foto : **BM STN (L) M. NOOR**
Cawangan Perhubungan Awam
Markas Armada

Pada tanggal 25 Mei 06, kapal telah menerima arahan untuk misi bantuan penghantaran logistik dan kenderaan tentera darat ke Timor Leste untuk Operasi Khas membantu mengembalikan ketenteraman awam di Timor Leste. Misi ini melibatkan dua buah kapal TLDM jenis MPCSS iaitu KD MAHAWANGSA (Kepten Anuwi Bin Hassan TLDM) dan KD SRI INDERA SAKTI (P/Kept Rosli Bin Yoob TLDM). Arahan ini telah dikeluarkan oleh Markas Angkatan Tentera Malaysia - Pusat Operasi Pertahanan yang secara langsung bertanggungjawab terhadap misi ini termasuk pergerakan tentera darat dari Pasukan Atur Gerak Cepat (PAC) 10 Briged Para yang tiba lebih awal di Timor Leste dengan menggunakan pesawat C130H. Kedua-dua kapal telah membuat persiapan sewajarnya walaupun hanya diberi tempoh masa yang singkat. Ini menunjukkan kedua-dua kapal mampu bersedia dalam apa jua arahan atau keadaan sekalipun dalam masa yang singkat di mana perkataan *punctuality in work* menjadi asas dan tradisi dalam TLDM sejak turun temurun.

Ini dapat dibuktikan dengan kedua-dua kapal TLDM memunggah masuk kenderaan tentera darat dan juga peralatan logistik kurang dari 24 jam. Kesemua peralatan logistik dan kenderaan Tentera Darat ini adalah dari 19 RAMD Mekanise Sungai Petani yang mula bertolak ke Pangkalan TLDM Lumut pada 25 Mei 06 dan tiba pada hari yang sama. KD MAHAWANGSA telah memuatkan 16 buah kenderaan jenis APC CONDOR bersama 43 anggota, 7 buah kenderaan jenis Land Rover dan 2 buah Water Trailer 250 gallon. Kesemua kenderaan tersebut telah di tempatkan di geladak kereta kebal dan geladak penerbangan. Di samping itu kapal juga telah membawa bersama bahan bantuan logistik lain seperti 33 buah tong dram bahan bakar diesel/petrol dan juga keperluan makanan seperti air mineral dan ransum tempur sebanyak 500 kotak. KD

SRI INDERA SAKTI pula memuatkan 9 buah trak pengangkut HICOM (3 tan), 7 buah kenderaan jenis Land Rover, 2 buah Ambulan Medan, 105 buah tong dram untuk kegunaan bahan bakar dan Jetty Floating sebanyak 777 kotak. Peralatan logistik seperti ransum tempur sebanyak 10,000 pek, air mineral 1167 kotak dan peralatan perubatan sebanyak 50 kotak. Kerja-kerja pengisian peralatan Tentera Darat ini telah disaksikan sendiri oleh





Panglima Armada YBhg Laksamana Muda Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar yang melawat kedua-dua kapal dan melahirkan perasaan bangga dengan kemampuan dan kesiagaan kapal serta anggota TLDM yang mampu melaksanakan tugas dalam masa yang singkat.

Selesai sahaja pengisian kenderaan dan peralatan Tentera Darat kapal juga telah sempat menerima kunjungan daripada para isteri dan anak-anak anggota Tentera Darat didatangkan khas dari 19 RAMD Mekanise kem Sungai Petani yang telah diaturkan oleh BAKAT Darat dan TLDM untuk berjumpa buat kali terakhir sebelum kapal belayar ke Timor Leste. Kehadiran isteri dan anak-anak anggota Tentera Darat ini secara langsung telah memberi semangat kepada anggota untuk bertugas dengan bersungguh-sungguh dan mengaplikasikan moto TLDM Sedia Berkorban apabila bertugas di Timor Leste kelak.

Kedua-dua kapal TLDM ini telah belayar pada 26 Mei 06 jam 1700H di bawah perintah taktis KD MAHAWANGSA. Pelayaran sejauh 1,080 batu nautika ini mengambil masa selama 8 hari untuk tiba ke Pelabuhan Dili, Timor Leste. Sepanjang pelayaran ini kapal tidak mengalami banyak masalah dan keadaan cuaca di laut sering berpihak kepada kapal seolah-olah alam juga merahmati pelayaran Operasi Khas Timor Leste ini. Kedua-dua kapal telah merentasi selat dan laut yang berada berhampiran kepulauan Indonesia seperti Selat Jawa, Selat Karimata dan Flores Sea termasuk Selat Melaka, Selat Singapura dan Laut China Selatan. Pelayaran ini merupakan satu pengalaman yang jarang dikecapi khususnya oleh pegawai dan anggota-anggota baru TLDM serta anggota Tentera Darat kerana ianya merupakan pelayaran pertama kapal TLDM ke kawasan konflik.

Beberapa pengalaman sepanjang pelayaran ini juga menjadi sumber semangat kepada warga kapal terutamanya kejadian ikan lumba-lumba dan paus bermain di tepian kapal berturut-turut di hari berikutnya seperti mengalu-alukan kedatangan kapal TLDM merentasi kawasan mereka. Bagi mengisi masa yang terluang selepas penat lelah di siang hari, kapal telah mengatitkan beberapa program seperti mengadakan mini pawagam untuk warga kapal serta anggota Tentera Darat untuk berhibur sambil menikmati pelayaran. Ini bukanlah perkara baru bagi warga kapal namun bagi warga Tentera Darat ini merupakan sesuatu yang jarang dinikmati khususnya di atas kapal TLDM. Kapal juga mengambil kesempatan ini untuk melatih pegawai-



pegawai muda dan pegawai dalam latihan menjalani latihan navigasi terutamanya latihan kecekapan anjungan. Keindahan alam turut dinikmati bersama oleh seluruh warga kapal apabila pertama kali melihat gunung berapi Batu Tara iaitu gunung berapi aktif di laut. Aktiviti seperti sembahyang berjemaah dan majlis bacaan yasin juga turut diadakan sepanjang pelayaran bagi memohon keberkatan dari Tuhan. Segala penat lelah dan perasaan ketika meninggalkan keluarga di tanah air diharap dapat dilupakan buat sementara waktu dengan aktiviti mendekatkan diri kepada ALLAH S.W.T.

Kedua-dua kapal telah selamat merapat di pelabuhan Dili pada 03 Jun 06 jam 0900 pagi waktu tempatan. Ketibaan kapal disambut oleh Tentera Darat Malaysia bersama Tentera Australia. Kapal juga sempat dikunjungi oleh Menteri Luar merangkap Menteri Pertahanan Timor Leste Dr Jose Ramos Horta diiringi oleh Komander Malaysia Kontijen (MALCON) Kolonel Ismet Nayan bin Ismail yang mengetuai Operasi Khas Timor Leste bagi kontijen Malaysia setiba kapal di Dili. Pada masa yang sama, kerja-kerja pemunggaan keluar peralatan dan kenderaan Tentera Darat dilakukan dan mengambil masa tidak kurang 2 jam untuk diselesaikan. Sepanjang berada di Timor Leste, kapal sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga dalam apa jua keadaan. Rutin kapal menjadi lebih tegang bila kadang kala berlaku rusuhan dan penunjuk perasaan jalanan terutamanya di bandar Dili. Kapal menguatkuasakan Operasi Janggal dalam setiap masa sepanjang berada di Timor Leste.

Keadaan di Timor Leste sebenarnya bergolak setelah berlaku pemberhentian 400 anggota tentera Timor Leste yang mendakwa mereka telah didiskriminasikan sewaktu dalam perkhidmatan samada

kenaikan pangkat ataupun gaji oleh pemimpin atasan tentera yang berat sebelah dan mengutamakan rakan mereka dari daerah timor. Ini menyebabkan mereka berganding bahu untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran yang diketuai oleh 2 pegawai berpangkat Mejar iaitu Mejar Alfredo Renado dan Mejar Tara Delmarkos untuk meraih sokongan daripada kerajaan tetapi menemui jalan buntu. Mereka melakukan serangan ke atas tempat-tempat awam seperti hospital, pejabat kerajaan. Mereka juga mula membakar rumah penduduk yang menyebabkan penduduk Timor Leste menjadi pelarian di negara sendiri. Kumpulan ini juga mendapat sokongan puak samseng yang mempunyai pelbagai peralatan senjata berbahaya terutamanya senjata api. Kejadian ini diburukkan lagi dengan sikap perkauman masyarakat Timor Leste itu sendiri, di mana penduduk sebelah timor bermusuhan dengan penduduk di sebelah barat. Keadaan ini menjadi lebih mencengkam dengan golongan pemimpin atasan mereka juga turut mengamalkan sikap yang serupa. Ini jelas memaparkan bahawa mereka sebenarnya masih tidak bersatu padu walaupun negara sudah merdeka hampir 4 tahun. Jika penduduk mereka masih lagi bercakaran sesama sendiri, nampaknya keadaan di Timor Leste tidak akan aman sampai bila-bila. Sebagai rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan pelbagai bangsa seharusnya mengambil iktibar daripada kejadian yang berlaku di Timor Leste dan berbangga dengan keadaan di negara kita sekarang yang aman di samping dapat menikmati keindahan hidup dan mengecapi pembangunan negara yang diibaratkan bersatu kita teguh bercerai kita roboh. Ikuti kisah selanjutnya yang lebih menarik pada siri akan datang....**S**

Kunjungan Tetamu Kehormat

Foto : Cawangan Perhubungan Awam MK TL



- Perbincangan Dua Hala di antara Panglima Angkatan Tentera, YBhg Laksamana Tan Sri Dato Sri Mohd Anwar dan Admiral Micheal G. Mullen, Chief of Navy Operation US Navy.



- Perbincangan Muhibah Panglima Tentera Laut bersama delegasi Chief of Navy Operation (US Navy).



- Pertukaran Cenderamata mengeratkan kerjasama dua negara.



- Panglima Tentera Laut memperkenalkan Chief of Navy Bangladesh kepada Panglima Angkatan Tentera semasa kunjungan hormat delegasi Tentera Laut Bangladesh ke Kementerian Pertahanan.



- Chief of Navy Bangladesh diberikan penerangan semasa lawatan ke kapal-kapal TLDM di pangkalan TLDM Lumut, Perak.



- Kunjungan Hormat Real Admiral M.Hassan Ali, Panglima Tentera Laut Bangladesh ke atas Panglima Tentera Laut YBhg Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din, Panglima Tentera Laut.

SKUADRON 502 FENNEC:

MISI Mencari DAN MENYELAMAT BERJAYA

Oleh : Unit Skuadron 502 FENNEC
Pangkalan TLDM Lumut

Foto : Unit Skuadron 502 FENNEC dan Koleksi MS



Tanggal 8 Jul 06, sekali lagi negara telah di gemparkan dengan berita sedih. Sebuah pesawat Hawk milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berpangkalan di Kuantan telah terhempas dan meragut nyawa juruterbangnya di sekitar perairan Laut China Selatan. Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa "Sedia Berkorban", TLDM telah menugaskan sebuah helikopter FENNEC yang berpangkalan di Kapal Diraja (KD) RAJAWALI. Pangkalan TLDM Lumut untuk melakukan operasi yang tertumpu di kawasan Kuala Rompin sehingga pekan Nenasi. Skuadron yang diketuai oleh Kdr Ahmad Shukri bin Hj Mohd Yunus TLDM ini diletakkan bawah pentadbiran Pangkalan Udara Kuantan.

Helikopter M502-2 FENNEC bersama krew yang diterbangkan dari Lumut ke Pangkalan Udara Kuantan telah diberi penerangan operasi oleh Pusat Kawalan Mencari dan Menyelamat. Selain itu,

Helikopter bantuan M502-1 FENNEC dan sebuah Super Lynx dari Pangkalan TLDM Tanjung Gelang, Kuantan yang terlibat dengan eksekusi juga telah diarahkan untuk membuat penerbangan tinjauan ke kawasan operasi. Namun, kedua-dua helikopter bantuan itu terpaksa menghentikan operasinya kerana terlibat dengan eksekusi bersama tentera laut asing.

Pada 26 Jun, helikopter telah diterbangkan ke Kg Lanjut Rompin setelah menerima maklumat tentang penemuan cebisan yang disyaki dari pesawat Hawk. Setelah tinjauan dari udara dilakukan, krew helikopter menaiki bot nelayan menuju ke tempat penemuan tersebut dan telah menjumpai beberapa cebisan milik pesawat Hawk. Dalam masa sama, KD JERAI telah dihubungi dan telah menghantar 2 pasukan penyelam untuk melakukan penyelaman di kawasan tersebut. Akibat keadaan laut yang bergelora, operasi yang dijalankan pada hari tersebut terpaksa ditangguhkan.

Keesokan harinya, pada 27 Jul 06, sekali lagi helikopter telah diterbangkan

dari TUDM Kuantan ke Kg Lanjut Rompin untuk meneruskan pencarian dan mengawasi kerja-kerja penyelaman. Kokpit pesawat telah dijumpai dan setelah diperiksa, didapati mayat juruterbang masih berada di dalam kokpit dalam keadaan *strapped in*. Mayat juruterbang berjaya dikeluarkan dan seterusnya diterbangkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan menggunakan pesawat M502-1 Fennec untuk sisatan lanjut.

Kejayaan Skuadron 502 FENNEC dalam operasi Mencari dan Menyelamat amat membanggakan TLDM. Ianya telah dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa sebarang masalah yang ketara. Segala bantuan yang telah diberikan oleh pihak TUDM dan juga Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) Pangkalan TLDM Tg Gelang Kuantan serta orang awam terutama para nelayan sangat dihargai. Kerjasama sebegini harus diteruskan di masa hadapan demi mengeratkan persefahaman antara dua perkhidmatan ini. **S**



Serpihan pesawat HAWK yang ditemui sedang diperiksa oleh Pegawai Pasukan Udara (PASKAU) bersama Juruterbang Pesawat FENNEC.



Pengisian minyak oleh krew pesawat FENNEC sebelum memulakan operasi.



KESELAMATAN SEKTOR MARITIM : PERKASA KESELAMATAN PENGANGKUTAN KONTENA

Oleh : **NAZERY KHALID**
Fellow Penyelidik, MIMA



Keselamatan kapal-kapal di pelabuhan adalah penting agar kelicinan pergerakan kontena dan aliran dagangan tidak terganggu yang mana boleh memberikan kesan negatif kepada ekonomi dunia.

KESELAMATAN MARITIM PASCA 11 SEPTEMBER

Sejak peristiwa 11 September 2001 yang melibatkan serangan ke atas kepentingan politik dan ekonomi Amerika Syarikat, tumpuan semakin diberikan kepada keselamatan pengangkutan maritim. Walaupun serangan nekad tersebut dilakukan melalui udara, bahang kebimbangan berulangnya kejadian sedemikian telah menular ke kaedah pengangkutan yang lain. Kejadian letupan bom yang menggagalkan sistem keretapi komuter di Madrid pada tahun 2004, di London pada tahun 2005, dan terbaru di Mumbai pada bulan Julai 2006, menuntut perhatian dunia terhadap betapa terdedahnya pengangkutan awam kepada ancaman keganasan.

Pengangkutan maritim tidak terkecuali dari kekhawatiran ini, apatah lagi kerana sebahagian besar jumlah dagangan antarabangsa diangkut melalui laut. Dianggarkan 90% dari dagangan Malaysia sendiri melibatkan sektor maritim yang menyediakan kaedah pengangkutan yang lebih kos efektif dan praktikal berbanding pengangkutan darat dan udara. Oleh yang demikian, sewajarnya kita mengambil perhatian berat terhadap tahap keselamatan sektor maritim yang mengandungi pelbagai elemen sepanjang *supply chain* atau rangkaian penghantarannya.

Rangkaian ini melibatkan pelbagai aktiviti kompleks yang melibatkan pelbagai sumber dan kepakaran. Ia juga melibatkan infrastruktur yang sangat berharga dari segi kos dan nilai strategik seperti pelabuhan, terminal, gudang dan pusat simpanan kontena, serta komponen berharga seperti kapal, kren, kenderaan pengangkut, sistem IT dan sebagainya. Semua elemen di dalam rangkaian penghantaran

maritim yang panjang ini, yang bermula dari pengeluaran dan berakhir dengan pengguna, terdedah kepada pelbagai ancaman pihak-pihak yang berniat jahat untuk mensabotaj kelicinan aliran pengangkutan maritim.

Pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap keselamatan kapal, pelabuhan dan kargo semenjak peristiwa 11 September. Pertubuhan Maritim Antarabangsa atau *International Maritime Organization* (IMO), agensi Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pentadbiran keselamatan maritim antarabangsa, mendahului inisiatif ini dengan memperkenalkan beberapa peraturan keselamatan seperti ISPS Code bagi tujuan memperkasakan pertahanan sektor perkapalan dan pelabuhan dari serangan pengganas. Beberapa agensi kerajaan Amerika Syarikat seperti US Coast Guard dan US Customs and Border Protection juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan lagi tahap keselamatan aktiviti yang melibatkan kargo, kontena dan aktiviti logistik di sepanjang rangkaian penghantaran maritim. Walaupun sesetengahnya bersifat unilateral, kejayaan

pelaksanaan inisiatif keselamatan yang baru ini menunjukkan kesungguhan sektor maritim untuk melindungi harta dan nyawa serta mengenengahkan peri pentingnya sektor ini kepada dagangan dan ekonomi global.

KEPENTINGAN MENGEKALKAN KELICINAN RANGKAIAN PENGHANTARAN MARITIM DAN KONTENA

Walaupun pengenalan pelbagai langkah keselamatan ini membuktikan yang usaha meningkatkan keselamatan sektor maritim telah digandakan semenjak peristiwa 11 September, masih boleh dipertikaikan samada inisiatif tersebut berkesan atau sekadar memberikan gambaran yang sektor maritim kebal dari ancaman sabotaj semata-mata. Ini timbul hasil kesedaran banyak pihak di dalam sektor maritim bahawa adalah mustahil untuk memantau keselamatan setiap kontena yang bergerak di segenap pelosok tujuh lautan dunia dan di sepanjang rangkaian penghantaran maritim yang merangkumi perairan dan darat.

Setiap hari, beribu-ribu kapal belayar di lautan dan laluan air, dan membawa bersama mereka ratusan ribu kontena yang mempunyai nilai kumulatif yang sangat tinggi. Sesampainya kapal-kapal ini di pelabuhan-pelabuhan di seluruh dunia, kontena-kontena ini dipindahkan ke atas pelbagai kenderaan darat untuk diangkut dan diagihkan sehingga sampai ke tangan pengguna. Ini melibatkan perjalanan merentas sempadan dan benua melalui rangkaian yang rumit dan panjang.

Proses ini menuntut penglibatan sejumlah besar pekerja, aktiviti, peralatan, sumber dan sistem yang tidak terperi nilainya. Semuanya ini bergerak seiring dan secara harmoni bagi memenuhi objektif untuk menghantar barangan kepada destinasi terakhirnya iaitu para pengguna. Proses ini semakin melibatkan kombinasi beberapa kaedah pengangkutan, atau pengangkutan intermodal, dalam usaha menghantar lebih banyak barangan dalam



Pengangkutan maritim menggunakan kapal laut lebih efektif dan praktikal berbanding pengangkutan darat dan udara.



tempoh yang lebih singkat pada kos yang lebih rendah. Bila difikir-fikirkan, adalah mengagumkan yang tugas ini dapat disempurnakan secara efektif dan dikelolakan dalam persekitaran keselamatan yang terpelihara, hari demi hari.

Perkembangan teknologi kontena telah merubah lanskap sektor pengangkutan barangan. Dengan kontena, barangan pelbagai jenis dan saiz boleh diangkut dengan lancar dan lebih efisien ke seluruh dunia. Kaedah ini telah mendatangkan kesan yang signifikan kepada perkembangan sistem pengangkutan antarabangsa, lebih-lebih lagi sektor maritim yang bertanggungjawab mengangkut majoriti dagangan dunia.

Semakin maju teknologi pembinaan kapal, semakin besar kapal-kapal yang dibina dan semakin canggih sistem yang digunakan mereka. Kapal kontena terbesar di dunia sekarang mampu membawa lebih 9,000 TEU, satu jumlah yang mengagumkan. Kapal-kapal sebegini dan jumlah besar kontena yang dibawanya telah merubah cara pelabuhan dan perkhidmatan sokongan maritim dirancang dan dibangunkan. Kontena kini boleh diangkut dan dipindahkan dari satu kaedah pengangkutan ke kaedah yang lain, contohnya dari udara ke darat, laut ke landasan keretapi dan sebagainya, tanpa menggunakan tenaga buruh yang intensif seperti dahulu. Pelabuhan semakin dilengkapi dengan pelbagai sistem dan peralatan yang canggih. Ini memerlukan kawalan dan paradigma keselamatan yang lebih sofistikated berbanding dengan zaman di mana rangkaian penghantaran maritim didominasi oleh tenaga manusia.

Bayangkan betapa terdedahnya rangkaian pergerakan dan pemrosesan ratusan ribu kontena yang merentas negara, benua dan lautan ini setiap hari. Adalah mustahil untuk mengharapkan yang semuanya boleh diawasi secara terperinci sepanjang masa, walaupun dengan adanya kawalan lebih ketat dan peningkatan pemantauan keselamatan yang diamalkan semenjak peristiwa 11 September. Tidak mungkin yang setiap kontena boleh dikenalpasti kandungannya di setiap titik dan peringkat di sepanjang pergerakannya dari pengeluar ke pengguna.

Apa yang diperlukan hanyalah satu insiden ataupun ancaman sabotaj melibatkan kontena untuk menghuru-harakan pergerakan rangkaian penghantaran maritim. Serangan ke atas kapal di lautan boleh memberhentikan aliran trafik dan mengganggu kelicinan dagangan maritim, terutamanya sekiranya insiden tersebut berlaku di titik sempit di laluan dagangan maritim yang strategik dan sibuk seperti Selat Melaka. Kelicinan operasi sektor perkapalan, pelabuhan dan logistik akan terganggu, dan menghasilkan domino effect kepada komponen lain di sepanjang rangkaian penghantaran maritim. Serangan penganas ke atas pelabuhan *megahub* seperti Singapura dan Hong Kong boleh mengganggu aliran keluar masuk kapal-kapal, menyebabkan kesesakan di pelabuhan tersebut dan pelabuhan-pelabuhan lain, dan juga kepada lorong-lorong laluan perkapalan. Senario *weapons of mass destruction* (WMD) atau unsur seperti uranium dan bahan-bahan kimia berbahaya yang boleh digunakan untuk tujuan keganasan massa yang disembunyikan di dalam kontena akan menggerakkan operasi pencarian global yang melibatkan sumber dan kos yang sangat tinggi. Ini tentunya bakal menimbulkan pelbagai kerumitan akibat penundaan

pergerakan kontena, serta melewati penghantaran barangan, bahan mentah dan komponen kepada pengguna, pengeluar dan pender.

Pastinya kesan buruk akibat ancaman keganasan melibatkan kontena sebegini akan menyebabkan kekecohan di dalam sistem rangkaian penghantaran dan aliran dagangan di seluruh dunia. Kita hanya boleh membayangkan betapa kelam-kabutnya ekonomi global, yang semakin bergantung kepada dagangan antarabangsa, sekiranya ancaman sebegini berlaku dan situasi tidak menentu yang terlahir darinya berpanjangan.

KE ARAH MEMPERKASAKAN INTEGRITI KESELAMATAN PENGANGKUTAN KONTENA

Adalah wajar yang semua pihak yang berkepentingan di dalam industri maritim, perdagangan dan penguatkuasaan keselamatan berganding bahu untuk meningkatkan keselamatan dagangan antarabangsa, yang majoritinya diangkut melalui jalan laut. Langkah-langkah praktikal perlu diambil untuk mengekalkan dan mengukuhkan lagi rangka keselamatan yang sedia ada bagi faedah kesejahteraan ekonomi sejagat.

Rangkaian penghantaran maritim merupakan satu jalinan kompleks melibatkan pelbagai budaya, sistem, komponen dan kepentingan. Berdasarkan ini, kerjasama antarabangsa dan perancangan bersama adalah kritikal bagi menjamin kelicinan operasi di sepanjang rangkaian yang ada kalanya tersebar luas merentas sempadan dan menjangkau benua. Perhatian khusus wajar diberikan kepada kontena yang merupakan komponen penting di dalam penghantaran barangan melalui rangkaian ini.

Antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi memperkasakan keselamatan pengangkutan kontena ialah:

- o Meningkatkan kerjasama di antara sektor awam dan swasta, sebagai contoh di antara lembaga pelabuhan dan syarikat pengendali terminal, agensi penguatkuasaan keselamatan dan pengamal industri dan sebagainya.
- o Mengumpulkan maklumat atau *intelligence* yang berkualiti dan menjalankan analisa yang teliti terhadapnya untuk mengenalpasti kontena yang disyaki mengandungi elemen yang boleh digunakan untuk tujuan keganasan.
- o Memperkenalkan rangka perundangan yang efektif yang boleh mengimbangi kehendak mengekalkan keselamatan dan memelihara kelicinan dagangan dan operasi maritim.
- o Meningkatkan teknologi pemantauan kontena tanpa-ceroboh atau *non-intrusive* yang tidak memerlukan setiap kontena dibuka untuk pemeriksaan.
- o Memperkenalkan penyelesaian keselamatan jangka panjang melalui konsensus para pengamal industri dan pihak berkuasa di dalam sektor maritim.

Dalam melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan, adalah penting yang keseimbangan dicapai dalam usaha memperkasakan keselamatan rangkaian penghantaran dan mengekalkan kelicinan aliran dagangan dunia. Kelemahan yang ada di dalam

rangka keselamatan maritim dan kargo yang diperkenalkan selepas insiden 11 September harus dikenalpasti, dan usaha berterusan harus diambil untuk memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul darinya. Peraturan dagangan global perlu diselaraskan dan jalinan yang rapi di sepanjang rangkaian penghantaran maritim perlu diperkukuhkan. Maklumat mengenai apa yang dihantar melalui kontena, siapa yang menghantar dan menerimanya, serta di mana punca dan destinasi penghantarannya harus dikenalpasti setepat mungkin dan dikongsi bagi memudahkan tugas agensi penguatkuasaan untuk mencari dan memeriksa kontena yang 'diragui'.

Dari segi teknologi, adalah penting yang sistem identifikasi melibatkan peralatan seperti sinar gamma dan portal radiasi digunakan secara efektif untuk menyaring dan memeriksa kontena. Namun, keghairahan menggunakan teknologi harus diimbangi dengan pertimbangan rasional terhadap kos yang terlibat, dan perlu mendapat persetujuan pihak-pihak yang terlibat di sepanjang rangkaian penghantaran maritim dan dagangan. Sewajarnya, penyelesaian teknologi harus dipertimbangkan dengan teliti supaya ia boleh digunakan secara kos efektif dan diterima pakai oleh semua pihak yang berkepentingan, tanpa membebaskan poket mereka yang akhirnya akan menanggung kosnya, dan tanpa mengganggu kelicinan aliran dagangan maritim.

KESIMPULAN

Antara ciri-ciri unik dagangan maritim ialah sifat teras benua dan kesejagatannya. Ini menuntut perancangan, kerjasama dan penyelesaian antarabangsa pelbagai pihak bagi membolehkan langkah-langkah keselamatan diambil dan dikuatkuasakan secara global. Ini harus dilaksanakan dengan mengambilkira pelbagai faktor yang kompleks, sambil mengekalkan kelicinan dan kecekapan pergerakan kontena yang menjadi tunjang kepada dagangan antarabangsa dan kesejahteraan ekonomi banyak negara di dunia.

Cabaran besar menanti para perancang dan penguatkuasaan keselamatan maritim untuk mengharmonikan pelbagai inisiatif yang ada dan membentuk satu matriks kukuh yang menjamin keselamatan pihak-pihak yang berkepentingan. Walaupun kita akur yang tiada satu pun sistem keselamatan yang boleh mendakwa kebal dari ancaman keselamatan, apatah lagi ancaman penganas yang bersifat bukan konvensional, setidaknya kita mengharapkan yang inisiatif yang sedia ada boleh meminimalkan ancaman melalui takrifan persepsi ancaman yang rasional dan tindakbalas yang efektif terhadapnya.

Adalah penting bagi perancang keselamatan dan agensi penguatkuasaan maritim tidak melatah dalam membentuk persepsi dan menilai ancaman keselamatan ke atas kontena dan komponen-komponen rangkaian penghantaran maritim yang lain. Takrifan ancaman yang tidak berpaksikan penilaian maklumat yang teliti atau *intelligence* yang kukuh hanya akan mengakibatkan pembaziran kos, tenaga dan masa, yang akhirnya akan mengganggu kelicinan pergerakan kontena dan aliran dagangan, dan seterusnya memberi kesan negatif kepada ekonomi dunia. **S**

"Petugas-petugas khas laut mara rapat, kuat kuasakan kawalan kerosakan kapal ke peringkat 3 keadaan Yangkee. Siap sedia untuk keluar pelabuhan". Begitulah antara kata-kata atau arahan yang sering memisahkan seorang bapa dengan anaknya dan seorang suami dengan isterinya buat seketika. Namun, perpisahan ini tidak sedikit pun mematahkan semangat kepahlawanan wira-wira laut kita. Setiap anggota tabah dan bersemangat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di dalam kapal yang serba canggih dan moden. Suasana yang demikian ini turut dirasakan oleh wira-wira TLDM dari kepakaran komunikasi.

KMR DAN KMT ARUS PERUBAHAN TINGKAT KECEMERLANGAN TLDM

Oleh : **BK KMR(I) AHMAD ZAKARIA BIN AWANG**
KD PELANDOK
Foto : Galeri MS

PENDAHULUAN

Bidang Komunikasi bukanlah satu bidang yang baru di dalam peradaban manusia sejagat. Sejak manusia zaman purba lagi komunikasi telah pun bermula. Dengan tanda-tanda khas di dinding gua, asap dari pembakaran sebagai menghantar isyarat sehinggalah kepada terciptanya peralatan komunikasi seperti telegraf pada abad ke-19 serta perluasan bidang komunikasi satelit yang seakan-akan meniadakan kewarasannya, namun dengan arus perubahan teknologi masa kini, penafian tersebut terpaksa dilupakan. Kita harus percaya sains dan teknologi kini telah menguasai manusia, tidak kira dalam apa jua bidang termasuklah bidang komunikasi. Kita tidak boleh menafikan bidang komunikasi atau perhubungan adalah satu bidang yang sangat penting. Justeru, bagi TLDM sebagai sebuah organisasi yang telah dipertanggungjawabkan untuk melindungi kepentingan maritim negara semasa aman dan memastikan kemenangan di waktu perang, telah meletakkan bidang komunikasi ini sebagai satu bidang yang sangat penting.

KMR DAN KMT

KMR dan KMT, dua kepakaran atau tred kerjaya yang tidak asing lagi dalam organisasi TLDM. KMR atau Komunikasi Radio dan KMT atau Komunikasi Taktikal atau keduanya lebih sinonim dipanggil "RO" (Radio Operator). Kedua-dua kepakaran ini merupakan penegak utama Cawangan Komunikasi TLDM yang bersama-sama tred kerjaya lain membawa TLDM ke arah

wawasan dan misi. Kepakaran ini turut mengalami perubahan mengikut paradigma suasana perkembangan teknologi masa kini. Tidak kira samada ianya semasa di peringkat menjalankan operasi dan tugas negara atau peringkat melaksanakan program latihan.

PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Proses pendidikan dan latihan yang terancang dan tersusun akan melahirkan insan-insan yang cintakan negara yang berpengetahuan dan mahir untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Bagi tujuan ini, Sekolah Komunikasi dan Peperangan Elektronik TLDM di bawah naungan Fakulti Kelas di Markas Pendidikan dan Latihan TLDM telah diberi tanggungjawab bagi menyusun, merangka, mengatur dan melaksanakan program latihan bagi anggota-anggota komunikasi. Ia berkeupayaan melatih anggota KMR dan KMT bermula setamat kursus asas rekrut sehinggalah kepada peringkat profesional iaitu melahirkan jurulatih komunikasi.

Perajurit muda yang telah lulus latihan asas di PULAREK, akan dipilih mengikut kriteria-kriteria yang diperlukan termasuk kemahiran di dalam penguasaan Bahasa Inggeris untuk diserapkan ke Cawangan Komunikasi. Setelah itu, anggota-anggota berkenaan akan menjalani kursus intensif kepakaran KMR atau KMT Kelas 2 selama 6 bulan di sini. Semua kursus dan latihan yang dijalankan mengikut Rancangan Latihan (RALA) dan Modul Spesifikasi (MODSPEC) yang telah dirancang dengan teliti.

Semasa tempoh 6 bulan yang singkat inilah pelatih-pelatih KMR dan KMT juga

akan mengikuti kursus Modul Luar seperti *English Special Programme*, Modul Agama, Modul NBCD dan Ilmu Kelautan. Kursus Modul Luar ini dirancang bagi keperluan sebagai seorang kelasi yang mahir tentang tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

Semasa menjalani kursus kepakaran KMR dan KMT Kelas 2, pelatih-pelatih akan didedahkan dengan pelajaran asas bagi menyediakan seseorang itu menjadi seorang anggota komunikasi yang berkebolehan dan boleh dipercayai. Walaupun pelatih-pelatih tersebut hanya akan lulus Kelas 2, namun mereka mampu melaksanakan tugas dan membantu anggota komunikasi lain dalam Armada TLDM. Untuk menentukan mereka benar-benar menjadi apa yang diharapkan oleh TLDM, pelajaran yang diajar merangkumi pelajaran teori dan amali. Ini termasuk pelajaran pembacaan dan kemahiran 'morse code', pancaran lampu (flashing), kibaran bendera dan kod-kod khas komunikasi. Pelajaran ini akan terus diajar, dilatih dan dipraktikkan dari semasa ke semasa sehinggalah pelatih tersebut bertukar ke kapal atau pangkalan-pangkalan. Latihan berterusan akan terus diberikan walaupun mereka datang lagi untuk berkursus Bintang Muda KMR atau KMT kelak. Program latihan berterusan ini akan dapat menambahkan kemahiran dan akan membuahkan hasil kerja yang bermutu.

Latihan praktikal atau amali yang diterapkan meliputi latihan *Morse Reading Exercise*, *Fleetwork*, *Automatic Message Processing System*, *Wireless Telegraphy Procedure Practical*, *Flashing*, *Samaphore* dan Kripto. Latihan-latihan ini diberi penekanan kerana tugas-tugas dan tanggungjawab



seorang KMT dan KMR adalah berasaskan pelajaran tersebut. Di samping itu, mereka diajar dengan pelajaran yang menggariskan tatacara atau prosedur seperti *Wireless Telegraphy Procedure, Radio Telephony Procedure dan Communication Security*. Pengetahuan-pengetahuan komunikasi dan pengurusan komunikasi juga disuntik bagi menyediakan anggota yang berpengetahuan luas di dalam bidangnya. Contohnya pelajaran *Radio Communication Organisation, Radio Communication Equipment, General Communication Instruction, Visual Signalling Procedure, Message Processing dan Communication Management*. Di samping itu, pelajaran mengendalikan taktik pergerakan kapal semasa pelayaran dan evolusi-evolusi di laut dititikberatkan dari semasa ke semasa. Tidak ketinggalan pelatih-pelatih KMR dan KMT dilatih mengendalikan prosedur dan disiplin pengendalian peralatan bahan-bahan berdarjah tinggi.

Bagi pelatih-pelatih yang telah lulus Kelas 2 ini akan ditukarkan ke kapal-kapal dan Stesen Komunikasi TLDM bagi menjalankan Latihan Sambil Kerja (LSK) selama 6 bulan. Di kapal, pelatih-pelatih akan didedahkan dengan keadaan kerja dan tugas yang sebenar sebagai seorang KMR dan KMT juga sebagai seorang kelas. Mereka ini masih lagi dibekalkan dengan bahan pembelajaran seperti Buku Tugas Tentu (BTT). Setelah selesai, mereka akan kembali ke Sekolah Komunikasi untuk meneruskan Kursus Kelas 1 KMR dan KMT selama 5 bulan untuk meningkatkan kemahiran dan berpengetahuan di dalam kepakaran mereka masing-masing.

TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS

Misi TLDM adalah untuk menyedia dan mengaturgerakkan angkatan laut untuk melindungi kepentingan Maritim Malaysia semasa aman dan memastikan kemenangan ketika perang. Anggota KMR dan KMT berperanan memenuhi keperluan-keperluan semasa di dalam menjalankan tugas di kapal-kapal TLDM dan Stesen Komunikasi. Tugas dan tanggungjawab bergerak selari dengan latihan-latihan yang berterusan bagi memastikan tahap kemahiran dan profesionalisme berada di paras yang tinggi.

Ini penting kerana tugas dan tanggungjawab kepakaran KMR dan KMT di kapal dan Stesen Komunikasi memerlukan ketepatan, kecepatan dan keselamatan.

Peralatan komunikasi dan multimedia yang berteknologi tinggi serta sistem yang canggih akan membantu anggota KMR dan KMT meneruskan kesinambungan latihan dan kerjaya mereka.

PEPERANGAN ELEKTRONIK

Persidangan Jawatankuasa Panglima-Panglima (JPP) ATM yang ke-313 pada 30 Jun 97 telah meluluskan Dasar Peperangan Informasi (PI). Persidangan ini telah mengarahkan penubuhan organisasi khusus peperangan siber. JPP ke-322 pada 24 Februari 99 telah meluluskan secara rasmi cadangan menubuhkan Sel Peperangan Teknologi Maklumat ATM untuk menjaga kepentingan ATM di ruang siber. Peperangan Elektronik merupakan satu cabang di bawah Peperangan Informasi. Tanggungjawab melatih anggota TLDM dalam peperangan elektronik diberi kepada Sekolah Komunikasi dan Peperangan Elektronik.

Kini, pelatih-pelatih Kelas Peperangan Elektronik sedang menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) di kapal-kapal TLDM yang mempunyai sistem peperangan elektronik. Mereka seterusnya akan kembali semula ke sekolah ini bagi mengikuti kelas *Intermediate dan Advance*.

PENUTUP

Bagi mencapai tahap kredibel, TLDM perlu melalui satu proses transformasi di peringkat strategik serta di peringkat pengoperasian untuk menjadi sebuah armada bertaraf dunia. Itulah petikan pesanan dari Panglima Tentera Laut sendiri bagi memberi satu semangat serta komitmen untuk menguruskan sumber manusia secara berterusan. Justeru, latihan yang berterusan seharusnya dipraktik dan dikekalkan dari semasa ke semasa demi membawa TLDM ke arah yang cemerlang. **Syabas kepada cawangan KMR dan KMT. "Sedia Berkorban". S**



SEMAPHORE atau Isyarat Bendera




Flag Hoist atau Kibaran Kibaran Bendera



FLASHING atau Pancaran Lampu

Oleh : **BK PBS (I) Sabarudin bin Abas**
Gambar : **PR KEMENTAH**



Seni adalah sesuatu yang unik, global dan universal. Ia begitu abstrak hingga tidak dapat untuk diterjemahkan dengan akal fikiran, juga untuk digambarkan melalui perasaan atau kata-kata. "Seni" merangkumi kepelbagaian dalam kemahiran dan kecekapan seseorang yang terbit dari bakat semulajadi diasuh dengan kebolehan diri sendiri. Untuk mengupas persoalan seni pada keluaran kali ini, saya telah berkesempatan menemui seorang anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang telah berkecimpung dalam bidang fotografi sejak beberapa tahun lalu. Beliau yang saya maksudkan ialah 817234 Bintang Muda (BM) PWP Fauzi bin Ramly.

BM PWP Fauzi kini bertugas sebagai jurufoto Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Cawangan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan. Beliau sememangnya seorang yang berwibawa dan aktif dalam bidang seni fotografi sejak dari tahun 2001 lagi. Beliau memulakan langkah pertama dalam bidang seni fotografi secara aktif pada tahun 2001. Setelah diperjawatkan dicawangan ini,

Kerjaya beliau telah bermula sebagai Petugas Wisma Pegawai (PWP) setelah tamat latihan perajurit muda di Berek TLDM Woodlands, Singapura.

Sentuhan Seni Fotografi **BM PWP FAUZI CIPTA KECEMERLANGAN**



Bergambar kenangan bersama Tentera MORO ketika membuat liputan sempena lawatan TMP ke Kem Tentera MORO di Mindanao Filipina.

cintanya dalam bidang ini telah semakin bertambah dari masa ke masa. Bapa kepada 6 orang anak ini tidak mempunyai latar belakang yang istimewa kerana beliau bukanlah mewarisi bakat seni semulajadi dari kaum keluarga. Tetapi setelah ditugaskan di Cawangan Perhubungan Awam, bakatnya pada seni fotografi mula terserlah.

Mengimbu pembabitan awal beliau, BM PWP Fauzi yang mula menganggotai TLDM pada tahun 1990 menganggap cabang seni fotografi adalah kerjaya terbaik beliau. Namun, kerjaya beliau mulanya sebagai Petugas Wisma Pegawai (PWP) setelah tamat latihan perajurit muda di Berek TLDM Woodlands, Singapura. Sepanjang bertugas dalam kepakaran PWP, beliau amat seronok dan senang dengan kerjaya tersebut kerana dapat mengenali ramai pegawai kanan TLDM serta VVIP di kalangan pembesar negeri, pemimpin negara dan di kalangan sultan sewaktu terlibat secara langsung dengan majlis rasmi dan makan beradat. BM PWP Fauzi pernah diperjawatkan di beberapa buah kapal TLDM dan pangkalan. Antaranya adalah KD MUTIARA, KD MUSYTARI dan Pangkalan TLDM Tanjung Gelang Markas Wilayah Laut 1.

**Kejayaan
BM PWP Fauzi sebagai
pemenang anugerah
Jurufoto ATM Terbaik
Peringkat Kementerian
Pertahanan
pada tahun 2003
menjadi kemuncak
pencapaian beliau
dalam arena fotografi.**

Minat yang mendalam terhadap seni fotografi, tidak terkubur begitu sahaja, dan pada tahun 2001, bertitik tolak dari sinilah, beliau telah memaksimumkan bakat seninya itu dengan mengikuti pelbagai kursus jurufoto peringkat asas dan lanjutan (professional) yang dikendalikan oleh ATM dan Badan Awam. Beliau mengembangkan bakat seni fotografinya yang mana segala kepandaian, kemahiran dan tumpuan kerjaya fotografi difokuskan sebaiknya. Dari berbagai jenis majlis dan istiadat kebesaran, latihan ketenteraan melibatkan ATM bersama tentera asing hinggalah apa jua acara yang melibatkan Kementerian Pertahanan, semuanya dibuat liputan dengan jaya tanpa cacat cela. Berkat kegigihan yang tidak mengenal erti jemu dalam usaha menghasilkan mutu foto yang terbaik, BM PWP Fauzi telah dipilih sebagai pemenang anugerah Jurufoto ATM Terbaik Peringkat Kementerian Pertahanan pada tahun 2003 menjadikan kemuncak pencapaian beliau dalam arena fotografi. Kredibiliti beliau dalam tugas amat dikagumi ramai, bukan sahaja di kalangan rakan-rakan sepejuangan malah dari para pegawai ATM.

Tidak terhad pada liputan dalam negara sahaja, beliau juga pernah diberi mandat oleh Kementerian Pertahanan untuk tugas liputan di luar negara. Beliau pernah mengikuti pasukan (Masmed Team) ke Pakistan bagi liputan Misi Kemanusiaan pada tahun 2002. Selain itu, beliau juga pernah ditugaskan untuk misi kemanusiaan Tsunami di Aceh yang mana julung kalinya ATM menghantar satu-satunya jurufoto ATM bagi membuat liputan bersama puluhan jurufoto profesional dari serata dunia. Terbaru, beliau telah ke Jogjakarta dan Pakistan bagi misi kemanusiaan akibat gempa bumi. Di samping misi kemanusiaan, beliau turut mengikuti rombongan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia ke kem Tentera Moro di Mindanao, Filipina.

Atas hasil kerja seni yang cemerlang, kebanyakan foto beliau kini telah



Menerima cek kemenangan Jurufoto Terbaik ATM tahun 2004.



Penembakan Peluru Astros di Tanjung Hantu Lumut, Perak - Seni Jurufoto yang telah menobatkan BM PWP Fauzi sebagai jurufoto tentera terbaik sempena Anugerah Media Pertahanan.



Juruvideo bertugas ketika liputan misi bantuan kemanusiaan bencana gempa bumi di Pakistan.

disumbangkan kepada media cetak. Antaranya adalah akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian di samping ke Majalah Tempur, Perajurit dan tidak ketinggalan majalah Samudera sebagai majalah rasmi TLDM. Selain itu, beliau juga telah mengikuti kursus asas dan teknik pengendalian kamera video dan kini mempunyai kepakaran dalam bidang penyuntingan dan pengendalian video korporat anjuran Perbadanan Filem Nasional (FINAS). Kesenian tangannya menfokus pelbagai objek, berpandukan pengamatan yang jitu telah menghasilkan foto yang menarik, berkualiti dan mempunyai value tersendiri seperti yang dihasilkan oleh seorang jurugambar profesional. Ianya bukan saja telah disumbangkan kepada perkhidmatan tetapi juga kepada media elektronik seperti TV 3 untuk program Majalah 3, RTM dan BERNAMA. **S**



ASAM PEDAS SRI JOHOR

Oleh : LT IDAWATY BINTI MOHAMMAD PSSTLDM
Gambar : PR KD SULTAN ISMAIL



Bagi keluaran kali ini, ruangan galley samudera akan memaparkan hidangan resepi asam pedas ikan tenggiri. Resepi ini merupakan masakan yang cukup popular dan digemari di Wisma Sri Bayu, KD SULTAN ISMAIL. Keenakan resepi asam pedas ini sinonim dan menjadi penawar rindu masakan ibu bagi penghuni-penghuni di wisma tersebut.

Dalam hal ini, anggota berkepakaran bendari (tukang masak) unit memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan lauk pauk yang akan dihidangkan setiap hari memenuhi kehendak dan citarasa penghuni wisma. Bagi LK BDI Yusof bin Mohammad, salah seorang petugas rumah masak di sini mengatakan bahawa tanggungjawab ini merupakan satu

cabaran dan pengalaman yang berharga untuk ditimba sepanjang berkhidmat di dalam TLDM. Baginya, karier s e b a g a i



seorang tukang masak adalah menyeronokkan dan bercita-cita untuk menjadikan ianya satu kerjaya yang baik dan dapat menjamin masa depan apabila bersara dari perkhidmatan nanti. Beliau berasal daripada Segamat Johor, dan merupakan anak kelima dari enam orang adik beradik. Beliau telah berkahwin dengan Puan Noor Suriati binti Yasan dan dikurniakan lima orang cahaya mata. Walaupun sibuk dengan tugas menyediakan sajian untuk warga KD SULTAN ISMAIL, beliau tidak pernah mengabaikan keluarga. Beliau juga sering menunjukkan kemahirannya memasak untuk ahli keluarga tersayang dengan masakan yang enak dan lazat.

LK Yusof merupakan seorang yang mementingkan kualiti dalam penghasilan sesuatu masakan dan menu asam pedas ini merupakan salah satu resepi utama beliau di samping menyediakan pelbagai resepi lain. Boleh dikatakan LK Yusof berkebolehan dan berpotensi untuk diketengahkan dalam membuat resepi-resepi baru bagi majlis keramaian rasmi dan Majlis Makan Beradat. Kejayaan beliau ini adalah hasil dari dedikasi dan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan mementingkan kualiti dalam hasil kerja. **S**

Bahan -bahan

Ikan Tenggiri	- 600 gm
Cili Kering	- 300 gm
4 biji	- bawang putih
7 biji	- bawang merah dikisar
3 cm	- kunyit
2 cm	- halia
Belacan	- 10 gm dibakar
Daun kesum	
Bunga kantan	
Air asam jawa	
Garam	
Serbuk perasa	

Untuk hiasan: Bendi ,Bawang Besar
dibelah 4 dan Lada Besar

Cara membuatnya:

1. Panaskan minyak, tumiskan bahan yang dikisar sehingga kekuningan, masukkan cili kering yang dikisar bersama daun kesum dan bunga kantan sehingga terbit minyak.
2. Masukkan ikan tenggiri dan air asam jawa, bendi, bawang besar yang dibelah 4 dan lada besar. Masak hingga mendidih dan hidangkan.





Sejarah telah membuktikan dengan nyata betapa lidah memainkan peranan penting untuk meruntuhkan tamadun manusia. Organ manusia yang kecil ini berperanan besar dalam membawa pertelingkahan sesama manusia bahkan boleh membawa kepada pembunuhan. Umpat, fitnah, kata nista dan pembowongan merupakan angkara yang dimainkan oleh lidah. "Lidah tak bertulang" atau "lidah bercabang" merupakan antara bidalan Melayu bagi menggambarkan sifat dan perangai manusia yang berpunca dari lidah. Lidah berkeupayaan untuk menimbulkan pelbagai sentimen yang menyebabkan manusia terus memburu dendam dan saling bermusuhan antara satu sama lain. Lihat sahaja di mana-mana, syaitan menjadikan lidah manusia sebagai punca untuk bersengketa sesama sendiri, sama ada adik-beradik, rakan taulan, jiran tetangga bahkan antara satu negara dengan negara yang lain.

Orang yang beriman sentiasa memelihara pancainderanya dari dicemari oleh syaitan kerana mereka menyedari sebarang tingkah laku pancaindera akan dipertanggungjawabkan suatu ketika nanti. Lidah yang dikurniakan oleh Allah tidak digunakan untuk berbicara sesuka hati dan sia-sia. Sebaliknya lidah digunakan untuk mengeluarkan mutiara-mutiara yang mempunyai seribu hikmah. Mereka memuntahkan butiran kata berdasarkan cetusan idea dengan penuh berhati-hati. Seandainya mereka merasakan tidak perlu diucapkan kata-kata kerana tidak membuahkan manfaat atau jika diucapkan juga akan menampakkan kedangkalan dan menelanjakan maruah, justeru mendiamkan diri lebih baik.

Rasulullah telah bersabda "Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata dengan baik atau diam saja" (Riwayat Bukhri dan Muslim)

Baginda Rasulullah pernah ditanya tentang sebesar-besar perkara yang

Seandainya mereka merasakan tidak perlu diucapkan kata-kata kerana tidak membuahkan manfaat atau jika diucapkan juga akan menampakkan kedangkalan dan menelanjakan maruah, justeru mendiamkan diri lebih baik.

"LIDAH TAK BERTULANG"

Oleh : **KAPT ABDUL JABBAR BIN YUSOF**
Peg Staf Kerohanian MK TL

Oleh itu umat Islam perlu memelihara lidahnya dari melakukan perkara yang dilarang oleh ajaran Islam. Jalan selamat dalam memelihara lidah ialah dengan membanyakkan membaca Al-Quran, berzikir dan mempelajari ilmu.

menyebabkan manusia menjadi penghuni neraka. Lantas baginda menyebutkan dua perkara iaitu mulut dan kemaluan. Yang dimaksudkan mulut ialah bahaya lidah. Anas Bin Malik pernah meriwayatkan hadis daripada Rasulullah yang menyebutkan bahawa tidak teguh seseorang hamba sehingga teguh hatinya, tidak teguh hatinya sehingga teguh lidahnya. Sesungguhnya tidak akan masuk syurga, orang yang jiran tetangganya tidak aman dari kejahatannya. Oleh itu Islam hanya menganjurkan ungkapan yang boleh membawa manfaat atau diam saja kerana kesalahan anak Adam yang paling ketara terdapat pada lidahnya.

Sabda Rasulullah "Simpanlah lidahmu kecuali untuk kebaikan. Dengan demikian kamu dapat mengalahkan syaitan. Di

dalam percakapan terdapat bencana dan di dalam diam terdapat kebahagiaan. Kerana itu keutamaan diam amat besar"

Pertengkaran merupakan perbuatan tercela yang boleh membawa bantahan, perdebatan seterusnya pertelingkahan yang menjurus kepada pembunuhan. Keburukan perdebatan dan bantahan ialah kerana kita akan cuba untuk menonjolkan ilmu dan kelebihan diri serta mempunyai keinginan untuk menjatuhkan maruah orang lain dengan mendedahkan kekurangan lawannya. Dalam konteks cendekiawan, perdebatan merupakan saat bodohnya cerdik pandai kerana di saat itu syaitan mengharapkan kegelincirannya.

Sabda Rasulullah "Sesungguhnya orang paling dibenci Allah ialah orang yang sangat sengit dalam bertengkar"

Menurut perspektif Islam, percakapan yang baik adalah percakapan yang membawa kepada manfaat serta mengingati Allah. Lidah sentiasa terarah untuk menyeru kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Oleh itu umat Islam perlu memelihara lidahnya dari melakukan perkara yang dilarang oleh ajaran Islam. Jalan selamat dalam memelihara lidah ialah dengan membanyakkan membaca al-Quran, berzikir dan mempelajari ilmu. Justeru, lidah akan mengangkat seseorang berada di takhta kemuliaan atau menjunamkannya ke lembah hina. Tepuk dada tanya lidah. **S**



Upacara "belah mulut" yang dilakukan dalam ajaran Islam bertujuan untuk memelihara lidah dan mulut dari melakukan perkara yang di larang dan sebaiknya digunakan dengan membanyakkan membaca Al Quran, berzikir dan mempelajari ilmu.



"KEDAULATAN NEGARA, KITA PERTAHANKAN, KITA JAGA" Begitulah megah dan bermakna sekali tema Istiadat Pentauliah Diraja IPTA kali ke-25 yang diadakan tanggal 17 Jun 06. Untuk istiadat pentauliah kali ini, Universiti Malaya telah diberikan mandat untuk menjadi tuan rumah dan seterusnya menjayakan majlis gilang-gemilang ini.

Tema penuh simbolik ini telah diilhamkan oleh bekas Naib Cancellor merangkap bekas Komandan PALAPES Universiti Malaya, Kept Dato' Prof Dr Hashim bin Yaacob PSSTLDM. Tema dengan tiga ayat ini begitu mudah bahasanya tetapi mempunyai seribu maksud yang mampu mencengkam lubuk hati setiap warganegara yang membacanya terutama kepada para pegawai kadet PALAPES yang ditauliahkan. Tema tersebut melambangkan kewujudan sebuah negara yang berdaulat dan bebas daripada penjajahan serta anasir-anasir yang bertentangan dengan adat-adat masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa. Istiadat kali ini cukup istimewa bagi Universiti Malaya kerana telah menjadi tuan rumah buat kali yang ke-4 dan secara tidak langsung menyambut Jubli Perak Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES IPTA.

PALAPES secara rasminya ditubuhkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1 Jul 79 sebagai unit percubaan dan seterusnya ditubuhkan di Universiti Malaya (UM) dengan diikuti oleh IPTA lain. Sehingga kini, PALAPES sudah ditubuhkan di 12 IPTA seluruh negara dan sebanyak 14,296 orang pegawai muda telah berjaya ditauliahkan yang terdiri daripada ketiga cabang perkhidmatan ATM.

Manakala pengambilan PALAPES Laut pula bermula di kampus USM pada tahun 1986 dengan diikuti oleh UTM, UUM, UiTM, UM dan UPM pada tahun 2004. Objektif penubuhan PALAPES Laut ialah untuk melahirkan anggota yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi, menerapkan budaya hormat-menghormati dan meningkatkan rasa patriotisme dan cintakan negara melalui latihan tradisi TLDM. Kesemua elemen ini penting dalam melahirkan pegawai muda yang seimbang dari pelbagai aspek terutamanya spiritual, fizikal, mental dan juga intelektual.



Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah menyampaikan pedang kehormat kepada salah seorang Pegawai Kadet Kanan terbaik PALAPES Laut.

PENTAULIAHAN PALAPES KE-25 KEBANGGAAN TLDM

Oleh : **PKK Norshazreena bt Ishak PSSTLDM**

Foto : Sekretariat Pentauliahn PALAPES.

Acara pembukaan minggu pentauliahn ini dimulakan dengan acara sukan yang bermula dari 30 Mei hingga 2 Jun 06. Antara acara yang dipertandingkan ialah bola tampar, bola jaring, kawad kaki dan senjata dan acara merentas halangan. Penutup acara sukan telah diadakan di Stadium Hoki DBKL. Ia dimulakan dengan pelepasan para peserta Mini Marathon dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang. PALAPES UM telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan acara sukan sempena Istiadat Pentauliahn Diraja kali ke-25. Acara pada sebelah malam pula ialah malam kebudayaan, ceramah agama, tahlil dan malam mesra. Minggu latihan Perbarisan Diraja dan latihan penerimaan watakah diadakan selama dua minggu bermula 9 Jun hingga 15 Jun 06 sebelum tibanya hari pentauliahn iaitu pada 17 Jun 06 yang menyaksikan seramai 876 orang pegawai kadet ditauliahkan sebagai pegawai muda.

Majlis pada kali ini amat bermakna dengan kehadiran Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibuddin Shah yang telah sudi mencemar duli untuk menjayakan majlis gilang-gemilang ini. Pada tahun ini, sebanyak 18 orang pegawai kadet telah dinobatkan sebagai pegawai kadet terbaik dari setiap universiti termasuk 5 Pegawai Kadet Kanan dari PALAPES (Laut). Upacara penerimaan watakah telah dilangsungkan di Dewan Tunku Cancellor Universiti Malaya. Sejurus selesai majlis penerimaan watakah, kesemua Pegawai Kadet Terbaik telah dibawa ke Hotel Hilton, Petaling Jaya untuk santapan tengah hari bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibuddin Shah.

Bagi meraikan Pegawai Muda PSSTLDM, majlis *Commissioning Ball* telah diadakan pada sebelah malamnya yang bertempat di Hotel Prince, Ampang. Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Timbalan Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali serta isteri.

Semoga PALAPES dapat melahirkan lebih ramai belia yang dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Jasa dan pengorbanan PALAPES dalam Angkatan Tentera Malaysia termasuk dalam usaha memartabatkan lagi kehebatan dan kemegahan institusi Angkatan Tentera Malaysia sebagai salah satu pasukan pertahanan terbaik di dunia, amat bertepatan dengan tema pada kali ini iaitu **"KEDAULATAN NEGARA, KITA PERTAHANKAN, KITA JAGA"**. S



Segak dan kemas.... Antara Pegawai Kadet Kanan PALAPES LAUT yang terlibat dalam perbarisan Istiadat Pentauliahn Diraja IPTA kali ke-25 pada 17 Jun 06 di universiti Malaya.



**LEGENDARY
IMPECCABLE
STELLAR**



MARINE DEFENSE MARITIME SERVICES

DEFENSE CONTRACTORS . NAVY AGENTS . YOKOHAMA FENDERS . TUGS & BARGES . SHIP OWNERS . TANKERS

HUSBANDING SERVICES



HUMANITARIAN SUPPORT



FORCE PROTECTION



BERTHING SOLUTIONS



LOGISTIC SERVICES



FENDERS, BARGES & TUGS



CORPORATE OFFICES:

- MALAYSIA** : GLENN Marine Group (ASIA) Sdn Bhd
: GLENN Defense Marine (ASIA) Sdn Bhd
: Kuala Lumpur, Penang & Lumut
: GLENN Marine Logistics Base Sdn Bhd
- SINGAPORE** : GLENN Defense Marine (ASIA) Pte Ltd
: GLENN Marine Group (ASIA) Pte Ltd
: GLENN Marine Logistics Base Pte Ltd
- INDONESIA** : P.T. GLENN Nusa Marine
: P.T. GLENN Defense Marine
- BURNEI D.S.L.** : GLENN Nusa Marine Enterprise Sdn Bhd
- TIMOR LESTE** : GLENN Defense Marine (E.T.)
: GLENN Marine Enterprise Pty Ltd
- HONG KONG** : GLENN Defense Marine (ASIA) Ltd
- INDIA** : GLENN Defense Marine (INDIA) Ltd

PORTS OF SERVICES

Bali, Bangkok, Brunei, Cebu, Timor Leste, Hong Kong, Jakarta, Manila, Pattaya, Phuket, Singapore, Subic Bay, Sri Lanka, Surabaya and Vietnam

(A Company Built on Years of Legendary Personal Service & Defense Maritime Experience)



GLENN DEFENSE MARINE (ASIA) SDN BHD (528589-T)

Suite 13A -05, Menara PJ, AMCORP Trade Centre,
No, 18, Jalan Persiaran Barat, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-7954 6296 / 7954 6297 / 7954 8180 Facsimile: 603-7954 6298
E-mail: glennmy@po.jaring.my Website: www.glennmarinegroup.com



Sempena sambutan hari TLDM ke-72, satu perlumbaan Diraja kapal layar DK FARR 520 di antara pasukan DYMM Sultan Selangor dan pasukan Panglima Tentera Laut telah diadakan di Perairan Pulau Sembilan. Perlumbaan ini dipanggil *Captain-In-Chief Match Race* dan pelaksanaan telah dipengerusikan oleh YBhg Laksda Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar dengan dibantu oleh AJK yang terdiri dari pegawai dan anggota Mk TL, Markas Armada, MPL-TLDM dan Kelab Perahu Layar TLDM.

CAPTAIN-IN-CHIEF MATCH RACE: PEGAWAI KANAN TLDM PAMER KEHEBATAN

Oleh : **LT KDR MALIK BIN SULAIMAN TLDM**

Pegawai Penyelidikan dan Pembangunan Latihan MPL-TLDM

Foto : Cawangan Perhubungan Awam Markas Armada



Bergambar Kenangan.... antara pasukan DYMM Sultan Selangor berjersi kuning dan pasukan Panglima Tentera Laut berjersi krim selepas pertandingan.

Perlumbaan telah dilaksanakan mengikut format perlumbaan *Match Race* di mana dua pasukan berlumba antara satu sama lain menggunakan pengetahuan, kemahiran, kekuatan fizikal dan kecekapan individu di dalam tugas masing-masing serta dalam masa yang sama memerlukan sifat kepimpinan, tanggungjawab dan kerjasama antara satu sama lain di dalam mengendalikan kapal layar sebagai satu sistem yang kompleks.

Litar perlumbaan seperti format perlumbaan kapal layar America Cup telah digunakan. Kedua-dua kapal layar bermula dari garisan permulaan iaitu di antara dua boya penanda ke boya *windward* yang diletakkan sejauh 1.5 batu nautika pada arah angin dan kemudiannya belayar menggunakan *spinnaker* ke boya *leeward* berhampiran dengan garisan permulaan sebanyak dua pusingan sebelum menamatkan perlumbaan. Litar ini memerlukan setiap pelayar menguasai semua

kemahiran ilmu pelayaran di samping menggunakan undang-undang pelayaran yang digariskan oleh Persekutuan Pelayaran Antarabangsa untuk tujuan keselamatan dan taktik pasukan.



Kapal layar Zurah yang dikemudikan oleh DYMM Sultan Selangor bersama pasukannya bersedia memulakan perlumbaan.

DYMM Sultan Selangor telah menggunakan kapal layar ZUHRAH.

Bersama pasukan DYMM Sultan Selangor adalah Panglima Angkatan Tentera YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Laut YBhg Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali, Panglima Wilayah Laut 2 YBhg Laksamana Muda Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin, AKS KOMLEK YBhg Laksamana Pertama Dato' Hj Mohammed Noordin bin Ali serta pegawai-pegawai kanan TLDM yang lain.

Panglima Tentera Laut pula telah menggunakan kapal layar ZUHAL.

Bersama pasukan Panglima Tentera Laut termasuklah Laksamana Muda Datuk Adinan bin Rasul, Laksamana Muda Dato' Mohd Amdan bin Kurish, Laksamana Muda Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar, Laksamana Pertama Jamil bin Osman, Laksamana Pertama Amzah bin Sulaiman, serta pegawai-pegawai kanan TLDM yang lain.

Keberangkatan DYMM Sultan Selangor berlumba bersama Pegawai Kanan TLDM menunjukkan komitmen Baginda di dalam sukan ini serta merupakan inspirasi dan peluang mempelajari pengalaman Baginda yang telah berjaya mengelilingi dunia dengan kapal layar JUGRA.

Perlumbaan telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kedua-dua pasukan telah menunjukkan kehebatan masing-masing dalam melakukan pergerakan serang dan tahan dari permulaan hingga tamat perlumbaan. Pada awalnya, pasukan DYMM Sultan Selangor telah menguasai perlumbaan sehingga dipintas oleh pasukan Panglima Tentera Laut di boya *windward*. Hasil dari usaha latihan di samping kurang melakukan kesilapan, pasukan **Panglima Tentera Laut telah memenangi perlumbaan Captain-In-Chief pertama ini.** Perlumbaan ini akan dijadikan sebagai acara tahunan.

Tahniah kepada semua pelumba, ahli jawatankuasa dan mereka yang terlibat atas kejayaan mengelolakan perlumbaan yang hebat ini. **S**



Pemeriksaan dokumen oleh Timbalan Panglima Tentera Laut semasa Audit Pengurusan dilakukan.

AUDIT PENGURUSAN PSSTLDM - KE ARAH QUALITY NAVY

Oleh : **BM RDP (I) MOHAMAD SAID BIN AWANG** (MK TL - RISLA)
Foto : **BM KNA MOHD NOR** (MK TL - SM DASAR)

Pasukan Sukarela (Volunteer Forces) merupakan salah satu aset dalam memperkuat keseluruhan pertahanan negara. Latihan ketenteraan dan kursus-kursus diadakan adalah bagi melatih dan mendedahkan anggota-anggota sukarela dengan alam ketenteraan dan seterusnya bersedia untuk digerakkan ke medan perang apabila diperlukan oleh negara.

Pertambahan Pasukan Simpanan adalah perlu dan latihan harus dipertingkatkan sewajarnya untuk mencapai standart kualiti dan kuantiti yang diperlukan. Bagi kursus kategori pegawai, ianya dijalankan di Kolej Tentera Laut Diraja (Lumut) manakala untuk anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) PSSTLDM pula dilaksanakan di KD SRI PINANG dan PSTL SANDAKAN mengikut Rancangan Latihan (RALA) Tahunan PSSTLDM.

PSSTLDM adalah sebahagian daripada aset pertahanan negara. Untuk menjadikan pasukan ini setaraf dengan pasukan tetap keselamatan negara, audit pengurusan dilakukan setiap tahun untuk menguji keupayaan melaksanakan peranan dan tugas yang diamanahkan kepada unit-unit PSSTLDM berlandaskan wawasan TLDM untuk menjadai Tentera Laut berkualiti (**To Be A Quality Navy**) menuju ke arah kegemilangan dan kecemerlangan yang unggul berteraskan

excellence with people. Unit-unit PSSTLDM ialah :

- KD SRI PINANG
- KD SRI KLANG
- KD SRI MANJUNG
- KD SRI MEDINI
- PSTL CHENDERING
- PSTL KUANTAN
- PSTL LABUAN
- PSTL SANDAKAN
- PSTL TAWAU
- PSTL KUCHING

Pemeriksaan tahunan TLDM dilaksanakan setahun sekali oleh Markas Tentera Laut kepada semua unit sukarela. Ianya dilaksanakan bagi memastikan kesiagaan unit dalam semua aspek demi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab. Pemeriksaan ini dilaksanakan di bawah kuasa Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) bil.125/1961.

Tim Audit Pengurusan Tahunan Markas Tentera Laut yang dikoordinasikan oleh Bahagian Pengurusan Strategik melaksanakan format penilaian baru selaras dengan perubahan masa untuk penambahbaikan sistem pengurusan berkaitan dalam pengendalian aktiviti sebuah unit. Ia merangkumi peranan, tanggungjawab dan fungsi unit. Tanggungjawab Markas Tentera Laut sebagai Markas Pengendali Pemeriksaan terhadap

Pasukan Simpanan Sukarela TLDM ialah:

- ❑ Merancang, melaksanakan dan menyelaras pemeriksaan tahunan serta bertanggungjawab dalam semua aspek pemeriksaan.
- ❑ Membuat pemerhatian dan memberi kaedah penyelesaiannya dengan menyatakan rujukan berkaitan cara penyelesaian masalah ke atas pemerhatian yang dibuat.
- ❑ Mengkaji semua laporan maklum balas pemeriksaan yang diterima daripada unit yang diperiksa dan mengatasi segala masalah yang timbul.
- ❑ Memberi nasihat dan bantuan kepada unit yang diperiksa.
- ❑ Membentangkan ke mesyuarat Panglima Markas Pengendali Pemeriksaan berkaitan masalah yang memerlukan perubahan kepada polisi atau arahan yang sedia ada yang tidak boleh digunakan atau mewujudkan polisi/arahan yang baru.
- ❑ Menyedia dan mengemaskini prosedur pemeriksaan dari semasa ke semasa.

Manakala tanggungjawab Unit Pasukan Simpanan Sukarela TLDM yang diperiksa ialah:

- ❑ Membuat persiapan dan persediaan yang secukupnya untuk diperiksa.
- ❑ Menyediakan segala bahan rujukan yang bersesuaian semasa pemeriksaan.
- ❑ Maklumbalas pemeriksaan hendaklah dijawab dengan jelas dan disahkan dengan menyertakan bahan bukti, antara lain seperti surat, kawat, PERBAH Dua dan sebagainya.

Pada keseluruhannya, keputusan audit pengurusan unit-unit PSSTLDM didapati memuaskan serta terdapat peningkatan dalam semua aspek. Timbalan Panglima Tentera Laut yang juga merangkap Ketua Audit, YBhg Laksdya Datuk Ramlan Mohamed Ali berharap Pasukan Sukarela Simpanan TLDM akan menjadi setaraf dengan anggota tetap TLDM. Di negara-negara Barat, pasukan sukarela keselamatan berkemampuan untuk melakukan tugas-tugas pasukan tetap keselamatan negara tersebut. Sebelum ini, pegawai PSS telah diberi kepercayaan menjawat jawatan Pegawai Memerintah kapal seperti Lt Kdr Rahman Gholam PSSTLDM dan Lt Kdr Mat Siew Gua PSSTLDM. Harapan beliau juga agar pegawai dan anggota LLP PSSTLDM akan berkhidmat di kapal-kapal TLDM pada masa akan datang. Mereka juga layak untuk dihantar untuk mengikuti kursus-kursus, seminar-seminar, mesyuarat dan aktiviti-aktiviti di luar negeri sekiranya menunjukkan prestasi yang cemerlang. **S**



Sejenak

BUAT RENUNGAN BERSAMA

Oleh : **PW I TMS ARZAHARI BIN SUDIN**
Pegawai Waran TLDM
Pejabat Panglima Tentera Laut

Tentera Laut Malaysia telah menjangkau usia 72 tahun. Usia sebegini sudah tentu cukup matang, pemimpin silih berganti semenjak diterajui pemimpin asing di awal penubuhan dulu hinggalah pemimpin di kalangan bangsa sendiri. Saya berbangga dengan perkembangan TLDM sekarang yang mempunyai pelbagai aset yang moden dan canggih. Terkini, kita akan mempunyai kapal selam pada tahun 2008. Syabas Tentera Laut Diraja Malaysia.

Semenjak berkhidmat dalam Tentera Laut sejak tahun 1978, pelbagai perubahan berlaku, perubahan asetnya, prasarana, sistem, kaedah pemakaian, teknologi, perubahan tatacara pengambilan perajurit muda, sistem gaji, perubahan di segi perjawatan dan sebagainya. Tak dinafikan, semuanya berubah mengikut peredaran masa dan pencapaian ini amat membanggakan saya.

Apa yang ingin diutarakan pada ruangan kritis kali ini ialah mengenai jenayah dikalangan warga TLDM yang makin meruncing. Perubahan ke arah itu amat kritikal dan menyedihkan warga TLDM kerana gejala negatif makin meningkat dari hari ke hari bagaikan penyakit kanser. Saya termenung seketika dan merenung jauh, memikirkan mengapa kini gejala negatif begitu menular di kalangan warga TLDM berbanding zaman 70an, 80an dan 90an dulu. Kes seperti Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC) boleh dikatakan setiap minggu berlaku. Ini tidak termasuk kes penyalahgunaan dadah, salahguna kuasa, penyelewengan wang, kes rasuah semakin meningkat dan merebak dari peringkat bawahan hingga ke peringkat pegawai. Begitu juga gangguan seksual di tempat kerja, kes khalwat, kes zina sehingga melahirkan anak luar nikah, mencuri, kes salah guna kuasa, pecah amanah, pecah rumah dan sebagainya sering terpacar di dalam kawat TLDM.

Di zaman saya berpangkat *Able Rate*, *Leading Rate* dan *Petty Officer*, jarang berlaku perkara-perkara sebegini. Bukan sengaja ingin membuat perbandingan di antara dulu dan sekarang atau mengatakan

Ramai orang membicarakannya di merata tempat seperti di pejabat, di kantin, di rumah kelamin dan di mana saja. Apa yang lebih menyedihkan, mereka ini menyalahkan orang lain pula sebagai punca? Logikkah jika pengurusan tertinggi TLDM yang disalahkan, sedangkan diri sendiri yang punya angkara? Siapa yang bertanggungjawab dalam hal ini?

orang dahulu semuanya baik belaka dan orang sekarang sebaliknya, tapi apa yang nak saya tegaskan di sini bahawa sistem yang ada sekarang masih dilaksanakan sama seperti dahulu. Contohnya, sistem bahagian dan both watches sudah wujud sekian lama, tetapi mengapa fenomena negatif tersebut berleluasa berlaku?

Ramai membicarakannya di merata tempat seperti di pejabat, di kantin, di rumah kelamin dan di mana saja. Apa yang lebih menyedihkan, mereka ini menyalahkan orang lain pula sebagai punca? Logikkah jika pengurusan tertinggi TLDM yang disalahkan, sedangkan diri sendiri yang punya angkara? Siapa yang bertanggungjawab dalam hal ini?

Persoalannya, berapa ramaikah warga TLDM yang berani tampil kehadapan menyuarakan sesuatu atau memberi pandangan kepada pihak pengurusan tinggi TLDM dalam usaha untuk mengurangkan gejala negatif yang semakin hari semakin kritikal?

Dalam zaman globalisasi ini, warga TLDM telah mengalami perubahan selari dengan masa dan pelbagai kemudahan dapat dinikmati di semua peringkat dan ini secara tak langsung mencerminkan bahawa perkhidmatan TLDM sudah berkualiti sejajar dengan misi TLDM yang inginkan warga TLDM sentiasa berkualiti dalam semua bidang. Syabas TLDM. **Jadi, apakah punca dan masalah warga TLDM terlibat dalam gejala negatif dan budaya kurang sihat ini?** Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan atau memantau gejala ini

dari terus berlaku?

Selama tiga tahun berkhidmat di Sekolah NBCD Fakulti Kejuruteraan sebagai Jurulatih dan empat tahun sebagai Pegawai Waran Tatatertib Fakulti Kejuruteraan dan juga merangkap Pengerusi Badan Tindakan Disiplin Markas Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM, banyak pengalaman telah ditimba. Di Fakulti Kejuruteraan misalnya, salah satu tugas saya adalah mendidik dan menjaga disiplin seramai 1,200 pelatih dan 100 staf termasuk pegawai dan LLP.

Hasil kajian dan soal selidik yang dilakukan mendapati kes seperti THPTC, tinggal tugas, khalwat dan sebagainya adalah berpunca dari sikap individu itu sendiri. Mereka tidak yakin pada diri dan pada organisasi itu sendiri. Kebanyakan yang berlaku adalah di kalangan anggota yang baru setahun jagung dalam perkhidmatan, anggota yang baru berdikari dan yang masih bertatih mencari pengalaman untuk hidup di masa hadapan. Mereka juga dikenal pasti terpengaruh dengan persekitaraan dalaman dan luaran iaitu terikut dengan fenomena ingin hidup bergaya dan ingin cepat menjadi prestij sedangkan mereka tidak tahu perkara - perkara sebegini yang memakan diri sendiri dan boleh mencemar nama baik TLDM.

Punca yang dikenalpasti di mana anggota sering menghampiri gejala - gejala dan terjerumus ke lembah yang bertentangan dengan perkhidmatan adalah seperti berikut:-

- Perempuan atau teman wanita.
- Masalah hutang atau kewangan.
- Tidak berminat.
- Pengaruh dari anggota terkanan yang mencetuskan idea negatif.
- Kerenah birokrasi.
- Penyalahgunaan dadah.
- Tiada kesetiaan.
- Sengaja THPTC.
- Masalah keluarga (terutama yang baru kahwin beranak satu dan dua.)
- Bosan.
- Lari dari kesalahan.
- Masalah keluarga sendiri.
- Tekanan dari pihak terkanan.
- Tekanan oleh kawan sendiri. (tekanan fizikal dan mental)
- Kurang didikan agama.
- Ingin hidup bergaya.

Persoalannya, mengapa anggota baru sekarang tidak boleh mengawal diri untuk mengelak dari terperangkap oleh punca-punca tersebut. Adakah mereka tidak memikirkan akibat yang akan berlaku jika mereka mengikut perasaan tanpa mengkaji? Apakah mereka tidak merujuk kepada pakar untuk kaunseling dan khidmat nasihat yang



Hakikatnya, TLDM telah menyediakan pelbagai perkhidmatan, tidak pernah mengabaikan anggotanya dari segi kebajikan, pembelajaran sama ada rohani dan jasmani dan didedahkan dengan semangat jatidiri yang tinggi oleh jurulatih di semua unit demi menjamin masa depan individu itu sendiri khasnya dan untuk perkhidmatan amnya.

sedia ada dalam perkhidmatan, ataupun mereka kurang mendapat latihan secukupnya?. Hakikatnya, TLDM telah menyediakan pelbagai perkhidmatan, tidak pernah mengabaikan anggotanya dari segi kebajikan, pembelajaran samada rohani dan jasmani dan didedahkan dengan semangat jatidiri yang tinggi oleh jurulatih di semua unit demi untuk menjamin masa depan individu itu sendiri khasnya dan untuk perkhidmatan amnya. Tapi, di mana silapnya? Siapakah yang bertanggungjawab atas perkara yang telah berlaku?

Jika direnungi, punca utama permasalahan adalah kepimpinan itu sendiri. Konteks kepimpinan di semua peringkat, tidak kira di kalangan pegawai ataupun LLP, semua pemimpin adalah perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan komited untuk kita berhijrah dan memantau gejala ini dari terus berlaku. Kita harus balik ke pangkal jalan (*back to basic*) iaitu *command and control, taking charge* dari peringkat awal lagi. Budaya tegur menegur dalam semua aspek termasuk pengurusan, pengoperasian dan juga rutin seharian kehidupan kita dalam membantu menangani ketidakpatuhan kepada prosedur. Justeru, saya menyeru pada diri saya dan semua warga TLDM untuk menyumbang ke arah kecemerlangan, kesetiaan kepada organisasi (*loyalty*) untuk menjadi sebagai *Quality Navy People* yang kita banggakan selama ini. Kita perlu mempunyai keghairahan dan kebanggaan (*pride and passion*) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita. Kepada pemimpin di semua peringkat, wajar diberi penekanan dalam beberapa perkara yang kesemuanya dalam kawalan kita:

- Memotivasi, menghayati dan melaksanakan suruhan agama.
- Integriti.
- Budaya tegur menegur.
- Sikap.
- Mencabar setiap proses kerja.

Kita mesti tanamkan sikap 3R dalam diri untuk melakukan sesuatu dalam kehidupan kita seharian iaitu

- Rasa malu
- Rasa bersalah
- Rasa berdosa

Jika kita semai tiga elemen ini terhadap diri sendiri, kawan dan rakan, ibubapa, organisasi, pemimpin kita, dan akhir sekali terhadap Tuhan, insya-Allah, akan terpelihara dan terhindar dari terjerumus ke dalam gejala yang negatif. Marilah kita menambahkan ilmu agama dan ilmu - ilmu yang mendatang faedah untuk diri kita, agama, bangsa dan negara. Setiap manusia yang lahir di dunia ini dianugerahkan dengan kelebihan dan kekurangannya. Ada yang dilahirkan dengan kepandaian dan kebijaksanaan untuk berjaya di dalam hidup dan ada yang terpaksa berusaha keras untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Menurut penulis buku *Menerajui Diri Ke Arah Kecemerlangan Perspektif Diri*, setiap individu boleh menerajui dirinya atau membatasi dirinya untuk mencapai kecemerlangan. Orang yang menerajui diri ialah yang melakukan perkara-perkara yang positif dan orang yang membatasi diri ialah orang yang terikat dengan perlakuan negatif. Beberapa petua penting sebagai amalan positif untuk meningkatkan sikap dan pemikiran menerajui diri ialah seperti berikut:

- Sentiasa mengamalkan sikap ingin belajar dan menimba ilmu.
- Menghadapi segala cabaran dalam hidup tanpa bantuan alkohol, dadah dan 'perangsang' yang lain.
- Menyedari bahawa kapasiti mental adalah begitu besar dan di luar imaginasi kita.
- Sentiasa bercakap dengan sendiri secara positif.
- Sentiasa bersikap menerajui diri tentang kesihatan.
- Menulis perkara-perkara yang mahu dicapai dan letakkan di tempat-tempat yang strategik.
- Biasakan diri mendengar dan menonton perkara yang membawa perasaan menerajui diri.
- Sentiasa mengenang peristiwa-peristiwa manis dalam hidup dan kejayaan-kejayaan diri.
- Segala tugas dan perkara penting perlulah dilaksana segera dan tidak

Marilah kita menambahkan ilmu agama dan ilmu - ilmu yang mendatang faedah untuk diri kita, agama, bangsa dan negara.

Setiap individu boleh menerajui dirinya atau membatasi dirinya untuk mencapai kecemerlangan. Orang yang menerajui diri ialah yang melakukan perkara-perkara yang positif dan orang yang membatasi diri ialah orang yang terikat dengan perlakuan negatif.

ditangguh. Ubahlah sikap.. "saya terpaksa.." kepada "saya mahu.." apabila melakukan sesuatu tugas.

- Bertanggungjawab terhadap segala kejadian dalam hidup sendiri.
- Sentiasa mengamalkan sikap ceria dengan wajah manis melalui senyuman agar tidak dilanda perasaan bosan.
- Cuba mengatasi rasa takut dengan memperakukan perkara yang ditakuti dan menghadapi perkara yang boleh dilakukan.
- Sentiasa percaya bahawa perkara baik yang dilakukan akan mendapat balasan yang baik dan begitulah sebaliknya.
- Sentiasa mencari cara dan kaedah untuk relaks.
- Sentiasa memperuntukkan masa bersama-sama keluarga.
- Sentiasa menghapuskan elemen negatif dengan mengawal pemikiran membatasi diri.
- Sentiasa berpakaian kemas dan berjalan dengan segak.
- Sentiasa mempertimbangkan segala fakta dan pandangan.
- Sentiasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan menegakkan keadilan.
- Sentiasa bersyukur dengan kurniaan yang Maha Esa.

Akhir sekali, marilah kita berhijrah, memotivasikan diri sendiri, menghayati dan melaksanakan kerja dengan bersungguh - sungguh walau apa yang terjadi pada diri kita demi agama, bangsa dan negara. Kita mesti bermula dari sekarang, bukan hanya cadangan sahaja tetapi perlu dilaksanakan. Semoga keluhan saya ini tidak menyinggung sesiapa tetapi hanya sekadar untuk menyedarkan diri saya dan warga TLDM bersama demi kepentingan organisasi kearah kecemerlangan dan *Quality Navy People*. Sedia Berkorban! S

FAEDAH RANGKAIAN KOMPUTER TERHADAP ORGANISASI DAN INDIVIDU

Oleh : Lt Kdr Hisham bin Harun TLDM

Pegawai Staf 2 Teknologi Maklumat MK TL

Pada masa kini, kebanyakan organisasi dan individu menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi membantu dalam melaksanakan tugas harian. Penggunaan teknologi ICT semakin meluas berdasarkan kepada faedah yang diperolehi daripada penggunaannya. Rangkaian komputer merupakan salah satu daripada teknologi ICT yang dapat memberi banyak faedah kepada pengguna. Organisasi yang mempunyai cawangan di beberapa lokasi yang berbeza memerlukan rangkaian komputer bagi mencapai dan berkongsi maklumat berkenaan dengan peralatan, pengeluaran, kewangan, sumber manusia dan sebagainya. Secara keseluruhannya, komputer perlu beroperasi secara rangkaian bagi membolehkan pihak pengurusan membuat keputusan dan

bersama tanpa mengambil kira kedudukan fizikal serta lokasi cawangan tersebut.

High reliability dapat dijamin dengan menyediakan beberapa kaedah bagi mencapai sumber maklumat. Sebagai contoh, dokumen atau fail akan disimpan dalam beberapa server di lokasi yang berbeza. Sekiranya berlaku kerosakan pada satu server, maklumat akan dapat dicapai dalam server yang lain. Perkara ini akan dapat menjamin maklumat organisasi akan boleh dicapai dan selamat setiap masa.

Pelaksanaan rangkaian komputer dapat mengurangkan kos kerana wujudnya penyimpanan data secara berpusat dalam server. Komputer peribadi yang berkapasiti rendah boleh digunakan untuk melakukan kerja harian dan maklumat akan disimpan dalam server. Organisasi juga dapat menggunakan pencetak secara berkongsi dengan menggunakan pencetak secara rangkaian. Bilangan komputer boleh ditambah mengikut pertambahan staf dan perkembangan organisasi tanpa menjejaskan prestasi pelaksanaan sistem yang sedia ada.


Sebagai perantaraan perhubungan di antara cawangan dalam organisasi tanpa mengira lokasi memudahkan dua atau lebih staf melakukan kerja bersama-sama.

Maklumat yang terkini dapat dicapai dengan mudah dan cepat bagi membantu pihak pengurusan membuat sesuatu keputusan dengan tepat terhadap sesuatu masalah yang timbul.


Organisasi dapat mengadakan sidang video atau mesyuarat secara virtual di antara cawangan. Pelaksanaan ini membenarkan pengguna berkomunikasi dalam jarak yang jauh tanpa menghadapi sebarang halangan.

Individu berpeluang menggunakan teknologi rangkaian bagi mencapai atau mendapat maklumat dengan lebih pantas dan cepat. Seorang pelajar dapat mencari maklumat atau rujukan seperti jurnal dan majalah daripada seluruh dunia dengan menggunakan rangkaian internet.

Teknologi rangkaian komputer membolehkan individu melakukan tempahan tiket penerbangan, keretapi, hotel dan sebagainya hanya melalui internet. Perkara ini memudahkan pengguna dan proses pelaksanaan yang cepat. Individu juga dapat melakukan transaksi bank dan pembelian barangan secara on-line. Terdapat banyak pembayaran bil-bil yang boleh dijelaskan melalui transaksi bank seperti bil elektrik, air, telefon dan sebagainya.



Gambaran Rangkaian Organisasi



Rangkaian internet antara negara.

mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti yang berlaku dalam organisasi.

Perkongsian sumber merupakan faedah utama bagi organisasi yang menggunakan teknologi rangkaian komputer. Sumber merupakan perkara yang penting bagi memastikan pengurusan organisasi dapat berjalan dengan lancar. Di antara sumber yang dimaksudkan ialah data, maklumat dan aktiviti-aktiviti yang diperolehi di setiap cawangan. Dengan adanya rangkaian, semua perkara tersebut dapat dikongsi

Rangkaian komputer boleh membantu proses berinteraksi dengan individu lain dengan menggunakan Electronic mails atau e-mel. Teknologi e-mel membenarkan bahan-bahan yang mengandungi suara, gambar dan video di hantar kepada individu yang memerlukan maklumat dan membincangkan isu-isu terkini dengan individu di seluruh dunia dengan menyertai forum yang sedia ada dalam internet.

Individu yang berminat dengan dunia hiburan dapat menggunakan rangkaian komputer untuk memuat turun program-program hiburan di seluruh dunia. Pengguna boleh membuat pilihan terhadap filem-filem yang diminati serta mengambil bahagian dalam kuiz atau peraduan yang dianjurkan.

Kemampuan untuk menggabungkan perkongsian maklumat, perhubungan dan hiburan akan meningkatkan perkembangan dalam industri yang berasaskan rangkaian komputer. Secara keseluruhannya, rangkaian komputer dapat memberi banyak faedah kepada organisasi dan individu dalam melaksanakan tugas harian. **S**



Pusat Kegiatan Rakan Muda Daerah Johor Bahru dengan kerjasama TLDM KD SULTAN ISMAIL Tanjung Pengelih telah menganjurkan Program Anugerah Remaja Perdana XPDC Endau Rompin bermula pada 12 hingga 15 Mei 06 yang lalu. Program ini telah disertai 60 peserta berusia antara 14 hingga 25 tahun yang terdiri daripada pelajar sekolah, penuntut kolej SAL, ILP Pasir Gudang dan individu perseorangan.

Program selama 4 hari ini bertujuan menajana potensi masa depan remaja menerusi kegiatan bermanfaat dan dinamik yang menggunakan pendekatan strategik dan penerapan nilai murni. Daripada program ini, peserta didedahkan dengan kaedah pengumpulan mata sehingga layak menerima pingat gangsa bagi membolehkan mereka dipilih menyertai 'Anugerah Remaja Perdana'.

aktiviti berkumpulan. Seramai 29 peserta lelaki dan 31 peserta perempuan dibahagikan kepada 5 kumpulan yang terdiri daripada kumpulan *Alfa, Bravo, Charlie, Delta* dan *Foxtrox*. Mereka juga telah diberi makanan Rangsum Tempur, khemah dan peralatan masakan untuk aktiviti perkhemahan keesokannya yang dibekalkan oleh KD SRI MEDINI,

Hari Kedua (13 Mei 06)

Peserta telah dikejutkan seawal 0530 untuk menunaikan sembahyang subuh berjemaah. Jam 0630, semua peserta berkumpul untuk senaman J-Robik sebelum menikmati sarapan. Tepat jam 0800, kami bersiap sedia ke tapak perkhemahan Kuala Jasin dengan diketuai seorang pemandu orang asli yang mahir dalam selok belok hutan bersama Leftenan Komander Idris bin Abdullah TLDM. Peserta telah melalui

Seterusnya peserta telah dibawa ke Tasik Biru. Kami diajar berenang dengan pelbagai teknik yang betul oleh jurulatih TLDM. Aktiviti sebelah malam pula, diisi dengan latihan kebudayaan mengikut kumpulan.

Hari Ketiga (14 Mei 06)

Peserta diberi penerangan oleh BM Haris sebelum mendaki Gunung Janing Barat. Pendakian mengambil masa 1 jam 45 minit. Perjalanan begitu mencabar dan sukar kerana jalannya begitu curam dan menegak. Semangat setiakawan dan berpasukan terserlah di samping sikap kerjasama dalam menyelesaikan masalah ketika berhadapan kesukaran sepanjang pendakian. Tepat jam 1430, peserta bersiap untuk pulang ke tapak penginapan Taman Negara. Peserta begitu bersemangat walaupun keletihan sepanjang hari. Pada sebelah petang, peserta diberi kebebasan bagi membuat persediaan untuk persembahan yang akan diadakan bersempena penutup Program ARP pada malam tersebut. Aktiviti ini cukup menguji kesefahaman dan daya kreativiti para peserta. Kumpulan *Charlie* berjaya mendapat tempat pertama bagi persembahan malam kebudayaan. Di masa yang sama, jamuan BBQ turut memeriahkan lagi malam sebagai menghargai peserta, urusetia JBS dan jurulatih TLDM dalam mengeratkan silaturrahim.

Hari Keempat (15 Mei 06)

Selepas aktiviti J-Robik, peserta bersiap untuk ke perkampungan orang asli di Kampung Peta. Peserta telah diajar cara-cara menyumpit, memerangkap binatang, permainan orang asli dan banyak lagi. Peserta telah membawa pulang cenderahati seperti gelang dan rantai sebagai tanda kenangan. Selepas makan tengahari, peserta bersiap untuk pulang dengan menaiki trak TLDM. Kesedihan tergambar di setiap wajah peserta kerana akan berpisah dengan kawan-kawan tetapi tetap gembira kerana dapat menamatkan XPDC dengan jayanya dan mendapat 'Paspot Gangsa'.

Aktiviti seperti ini dapat memupuk diri peserta dengan semangat kerjasama, disiplin serta menguji ketahanan mental dan fizikal. Pusat Kegiatan Rakan Muda Daerah Johor Bahru dan KD SULTAN ISMAIL mengambil langkah yang bijak menganjur program bagi remaja untuk menghindarkan diri dari gejala negatif. Sehingga kini, pihak PKRMJB akan sentiasa menganjurkan program sebegini dengan kerjasama TLDM khas untuk para remaja. Semoga 60 peserta ARP ini berjaya mendapat pingat gangsa sebelum akhir tahun 2006 yang akan disampaikan oleh Pengarah Belia dan Sukan Negeri Johor. **S**



Para peserta mencuba hidangan Rangsum Tempur yang menjadi bekalan makanan sepanjang aktiviti perkhemahan.



Bersemangat.... Peserta melalui jambatan gantung sebelum sampai ke destinasi seterusnya.

RAKAN MUDA BERSAMA TLDM PERAH KERINGAT EKSPEDISI ENDAU ROMPIN

Hari Pertama (12 Mei 06)

Peserta mendaftar diri di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Johor. Upacara perasmian dan pelepasan telah disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah KDSI, Kepten Dato' Lee Kwang Lock TLDM serta Pengarah Belia dan Sukan Negeri Johor Puan Wasitah bt Hj. Mohd Yusoff. Seramai 76 peserta termasuk 8 jurulatih TLDM telah menaiki 3 trak TLDM menuju ke Taman Negara Endau Rompin yang mengambil masa selama 6 jam. Setibanya peserta di Taman Negara, Cik Norashikin bt Gzali selaku penyelaras program dan BK PPP Adnan dari TLDM telah memberi taklimat keselamatan dan aktiviti program. Bagi membina jalinan persahabatan di kalangan peserta, mereka diduga dengan sesi 'Ice Breaking' di permulaan

Oleh : **CIK NORASHIKIN BT GZALI**
Penolong Rakan Muda
Pusat Kegiatan Rakan Muda
Daerah Johor Bahru.

Foto : Sekretariat Rakan Muda Johor

kawasan perkampungan orang asli sebelum menaiki bot bagi melengkapkan Paspot Gangsa ARP menuju ke tapak perkhemahan. Setelah sampai ke tapak perkhemahan, peserta diarah mendirikan khemah mengikut kumpulan. Selepas itu, peserta melalui sungai menuju ke Kuala Marong. Peserta telah diajar memasak 'ala tentera' oleh jurulatih TLDM. Pada jam 1400, peserta bersiap untuk ke Upeh Guling dengan melalui jambatan gantung yang terpanjang di Asia. Peserta telah diberi penerangan tentang sejarah Upeh Guling.





DECISION-MAKING UNDER STRESS

BY **LT CDR ABU YAZID BIN HJ ABU BAKAR RMN**
MEd Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)
Staff Officer Psychology & Counseling, RMN HQ

In any type of business organizations, the decision making process has always been a very tedious and yet, a very critical management element. It will not only function as a tool to navigate a particular organization towards its' desired direction, but also responsible to ensure its' overall success. Besides having two dimensions namely, rational and irrational decision-making, a common decision-making process involves six general steps stated below:

- Defining the problem
- Collecting necessary information
- Developing options
- Devising a plan
- Executing
- Following-up

Psychologically, however, a decision-making process is simply structured into eight stages displayed in Table 1 below:

Stages of Decision Making					Result
Input	Setting Goals	Selecting Criteria	Plan Development	Realization	
	Situational Analysis	Resources Availability	Dynamic Modeling	Operations Performance	

Table 1: Psychological Structure of Decision Making

In comparison to business organization, the decision-making process in military context could be and should be considered as more vital and critical, due to the fact that the nature of military career and its' operations are always involving in security matters and sensitive issues. In addition, military personnel are always exposed to a tremendous physical and mental stress that might affect his or her capability of making a rational decision. In other words, under an extremely stressful environment, military decision makers are often facing the possibility of becoming

Researchers have identified several physical and mental stressors which eventually have impact on military decision-making process, whether in conflicts or simply in normal routine operations.

impaired in their thoughts; hence, resulting in the production of irrational decisions.

Researchers have identified several physical and mental stressors which eventually have impact on military decision-making process, whether in conflicts or simply in normal routine operations. Some of these identified stressors are fatigue, sleep loss, time pressure, anxiety, unpleasant working

conditions (extremely high or low temperature, limited space) and cognitive strain. Furthermore, they also found that decision-making under stress are commonly associated with these facts:

- The greater the stress, the greater the likelihood that a decision maker will choose a risky alternative.
- During crisis, the ability of a group to handle difficult tasks requiring intensely focused attention is decreased.

- The greater the stress, the greater the tendency to make a premature choice of alternatives for a correct response.
- The greater the stress, the less likely that individuals can tolerate "ambiguity".
- Under increasing stress, there is a decrease in productive thoughts and an increase in distracting thoughts.
- The greater the stress, the greater the distortion in perception of threat and poor judgment often occurs.
- The greater the fear, frustration and hostility aroused by a crisis, the greater the tendency to aggression and escape behaviors.
- In a stressful situation (whether real or perceived stress), only immediate survival goals are considered. Long term considerations are sacrificed for short term goals.

However, all these discussions should not lead to a conclusion that the process of decision-making under stress (associated to military operations) cannot be tolerated at all and should be perceived in negative context. After all, a considerable amount of stress (eustress) is actually needed to motivate the individual to think creatively and come out with a positive and rational decision. Only the unmanageable and destructive stress (distress) might impair one's thoughts and responsible in producing irrational decisions. Therefore, it is up to the strength of one's locus control that will determine whether he/she manages to execute a good decision-making under stress. **S**

A considerable amount of stress (eustress) is actually needed to motivate the individual to think creatively and come out with a positive and rational decision.



Upacara menandatangani Batu Asas perasmian Auditorium Shariff oleh Puan Sri Sharifah Mon bt Salim Al-Sagof, balu kepada Allahyarham Laksamana Madya Tan Sri Shariff bin Ishak (Mantan Panglima Tentera Laut ke-4).

Bagi meneruskan tradisi memperingati wira-wira TLDM yang telah berjasa, pihak pengurusan KDSI telah memilih untuk menamakan auditorium ini dengan nama Auditorium Shariff sempena nama mantan Panglima Tentera laut (PTL) yang ke - 4 iaitu Allahyarham Laksamana Madya Tan Sri Mohd Shariff bin Ishak.

AUDITORIUM SHARIFF MENGGAMIT MEMORI

BY : PW I KMR ZOHAIDA BT MOHD ISA
Penyelia Komunikasi KDSI

Foto : Cawangan Perhubungan Awam MK TL

Pembinaan auditorium pangkalan TLDM Tg Pengelih siap sepenuhnya pada 25 Julai 1996 dan diserahkan kepada Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) pada 12 September 1998. Namun insiden yang melibatkan runtuhan pada bumbungnya tanggal 31 Januari 1999 telah menyebabkan pihak pengurusan mengambil inisiatif untuk memindahkan Latihan Perajurit Muda ke KD PELANDOK, Lumut Perak. Dengan pengawasan yang rapi pembaikan telah dilakukan dan auditorium ini siap sepenuhnya pada awal tahun 2000.

Auditorium yang lebih dikenali dan sinonim dengan nama Dewan Serbaguna ini menjadi tempat berlansungnya berbagai acara dan aktiviti penting warga KD SULTAN ISMAIL (KDSI). Ini termasuk lah acara rasmi dan tidak rasmi. Bagi memudahkan dewan ini lebih dikenali dan mempunyai *trademark* tersendiri, pihak pengurusan KDSI telah mengambil inisiatif untuk mengadakan istiadat penamaan dan perasmian pada tanggal 5 Apr 06. Bagi meneruskan tradisi memperingati nama wira-wira TLDM yang telah berjasa, pihak pengurusan KDSI telah memilih untuk

menamakan auditorium ini dengan nama Auditorium Shariff sempena nama mantan Panglima Tentera laut (PTL) yang ke - 4 iaitu Allahyarham Laksamana Madya Tan Sri Mohd Shariff bin Ishak.

Di era pentadbiran Allahyarham sebagai PTL, beliau banyak menekankan kepada aspek-aspek peningkatan dalam kerjaya, diri sendiri dan perkhidmatan. Sepanjang 36 tahun perkhidmatan dalam TLDM, beliau telah memegang pelbagai jawatan Pegawai Staf, Pegawai Memerintah dan Pegawai Latihan. Beliau pernah memerintah KD KRIS, KD LEDANG, KD BERINCHANG, KD HANG TUAH, KD PELANDOK dan menjadi Panglima Wilayah Laut 1 (PANGWILLA 1). Beliau juga adalah antara pegawai-pegawai muda TLDM yang belayar balik bersama kapal-kapal ronda yang diperolehi dari United Kingdom dalam tahun-tahun 60an dan terlibat secara terus dalam era konfrantasi dengan Republik Indonesia. Beliau sangat dikenali dan senang didampingi oleh anggota bawahan semasa menerajui TLDM. Amanah yang diberikan untuk memikul tanggungjawab memerintah, mentadbir dan membawa TLDM menuju arus permodenan untuk menjadikan TLDM

sebuah organisasi penting dalam Angkatan Tentera Malaysia dapat dilaksanakan dengan berjaya. Beliau juga telah menzahirkan Projek Patrol Vessel (PV) TLDM, sebuah projek nasional dan telah menyumbang kepada perolehan kapal-kapal friget kelas Lekiu. Allahyarham telah kembali ke rahmatullah pada 14 Apr 2000.

Majlis penamaan dan perasmian yang dihadiri oleh PTL, YBhg Tan Sri Datuk Ilyas bin Hj Din serta dif-dif kehormat lain telah dimulakan dengan ucapan oleh PM KDSI Kepten Dato' Lee Kwang Lock dan seterusnya dengan upacara menandatangani batu asas oleh balu kepada Allahyarham iaitu Puan Sri Sharifah Mon bt Salim Al-Sagof yang telah hadir bersama anak lelaki beliau. Di akhir majlis YBhg PTL telah sudi menyampaikan cenderahati sebagai kenang-kenangan kepada Puan Sri Sharifah atas kesudian untuk hadir menyempurnakan majlis perasmian dan penamaan Auditorium Shariff. Warga KDSI khususnya amat berbangga dan akan terus berusaha untuk melahirkan pelaut-pelaut muda yang lebih berketrampilan pada setiap masa.





Ketibaan DYMM Sultan Perak di pangkalan TLDM Lumut diiringi Panglima Angkatan Tentera, Panglima Tentera Laut bersama beberapa Pegawai Kanan TLDM.

"KAPAL Diraja Sultan Idris 1 bakal menjadi Kolej Bestari dalam masa terdekat" - begitulah ungkapan ringkas yang disuarakan oleh Sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussof Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah ketika menyempurnakan istiadat penamaan dan pentauihan Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD) kepada Kapal Diraja Sultan Idris 1 atau lebih selesa disebut KDSI 1.

KDSI 1 yang terletak di bawah naungan Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL TLDM) merupakan satu-satunya kolej yang berperanan melatih dan membentuk pegawai muda menjadi pemimpin dan peneraju TLDM di masa hadapan.

Selain melatih para pegawai TLDM, KDSI 1 juga melatih para pegawai dari negara luar khususnya dari Timur Tengah dan negara ASEAN. Sesungguhnya kehadiran para pelatih dari negara luar merupakan pengiktirafan kepada mutu latihan yang dilaksanakan di KDSI 1.

Menyingkap sejarah, latihan Pegawai Kadet di Pangkalan TLDM Lumut bermula pada Januari 1980 apabila KD PELANDOK berpindah ke Lumut dari Kem Sembawang, Singapura. Berikutan rombakan organisasi KD PELANDOK pada

KD SULTAN IDRIS 1 PELOPOR PELAPIS MUDA

Oleh : **KAREEM MOZLAN**, MPL TLDM

Foto : Sel Perhubungan Awam Markas Pendidikan



Upacara menandatangani batu asas perasmian KDSI 1 oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussof Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah.

1992, Jabatan Latihan Pegawai telah ditukar kepada Cawangan Latihan Pegawai (CLP) dan pada 1 Mac 1995, CPL kemudiannya bertukar nama menjadi Fakulti Pegawai. Sejalan perkembangan semasa, Fakulti Pegawai kemudiannya telah dinaikkan taraf kepada Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD) pada 1 Januari 2004 dan kini dipanggil KDSI 1.

Infrastruktur dan prasarana bangunan baru yang didirikan itu menelan belanja sebanyak RM13.3 juta dan beroperasi sepenuhnya dengan keanggotaan 24 pegawai dan 139 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) berserta 6 awam. Pembangunan kolej tersebut turut mengambilkira keperluan asas dan khas TLDM yang dilengkapi dengan beberapa kemudahan latihan moden dan canggih setaraf dengan pusat latihan pegawai muda negara maju. Penerapan latihan berdasarkan e-Learning di kolej itu merupakan satu anjakan paradigma yang progresif malah ia menjadi penanda aras kepada perkhidmatan dan agensi kerajaan yang lain.

Sultan Idris atau Almarhum Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Murshidul'adzam Shah Rahmatullah Ibni Almarhum Raja Bendahara Alang Iskandar adalah putera ketiga Raja Bendahara Alang Iskandar dan telah diputerakan di Kuala Keboi, Kampar Perak pada 1849.

Baginda dilantik menjadi Raja Muda Perak semasa pemerintahan ayah mertua Baginda iaitu Almarhum Paduka Seri Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzaffar Shah

pada 1886 dan seterusnya ditabalkan menjadi Sultan Perak ke-28 pada 26 Julai 1887 setelah kemangkatan ayah mertua Baginda.

Semasa pemerintahan Baginda, terdapat banyak perkara telah dilaksanakan yang secara tidak langsung telah menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran yang dikecapi negara pada masa kini.

Antaranya, Baginda amat mementingkan aspek pendidikan di kalangan anak-anak Raja dan pembesarpembesar dalam memartabatkan bangsa Melayu dan menyediakan mereka untuk mentadbir negeri menerusi Malay Administrative Service. Baginda telah menggalakkan penubuhan beberapa buah sekolah Melayu dan sekolah Inggeris di seluruh negeri Perak bagi tujuan tersebut, antaranya Maktab Melayu Kuala Kangsar dan King Edward School. Kedua sekolah tersebut merupakan pusat akademik terunggul dan telah menghasilkan ramai insan berjaya sebagai pemimpin dalam kerajaan mahupun swasta.

Sebelum era pemerintahan Baginda, negeri Perak tidak mempunyai lagu kebangsaan negeri. Walau bagaimanapun, pada 1888, semasa Baginda berangkat ke England untuk memenuhi undangan Queen Victoria, dengan usaha Raja Ngah Mansur telah mencipta lagu kebangsaan negeri Perak (Terang Bulan). Lagu ini mula diketengahkan pada 5 April 1889 dalam istiadat pertabalan Baginda di Kuala

Kangsar dan awal penubuhan Malaya, lagu ini telah dipilih sebulat suara sebagai lagu kebangsaan negara kita yang kemudiannya dinamakan Negaraku.

Baginda turut menyumbang kepada kesejahteraan dan keamanan sejagat yang mana pada 1913, Baginda telah mengusulkan kepada Federal Council of Federated Malay States untuk menghadiahkan sebuah kapal perang kepada kerajaan British bagi mengekang ancaman negara Jerman di awal era Perang Dunia Pertama.

Usul tersebut yang telah diterima sebulat suara Raja-raja Melayu ketika itu telah menyaksikan pembinaan HMS MALAYA. Kapal tersebut merupakan salah sebuah dari lima kapal perang dari kelas Queen Elizabeth yang kemudiannya ditauliahkan di dalam Armada Royal Navy pada 1 Februari 1916. HMS MALAYA terlibat dalam beberapa pertempuran Perang Dunia sebelum dilucut tauliah pada 1944.

Baginda mangkat pada 14 Januari 1916 di Istana Bukit Chandan dan dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Sesungguhnya penamaan dan pentauliahan KD SULTAN IDRIS 1 ini merupakan kemegahan TLDM dan ia akan menjadi sumber inspirasi kepada pegawai muda yang bakal dilahirkan oleh Kolej tersebut untuk menjadi pemimpin yang terbilang di masa hadapan. **S**

Memeriksa kawalan Kehormat TLDM setiba di Pangkalan TLDM Lumut.



Oleh : **LK II KMT MUZAMMIL**
PR MPL TLDM
Foto : PR MPL/Markas Armada

Kejohanan Mini Olimpik atau KMO mula diperkenalkan pada tahun 1970 di Woodlands, Singapura. Mengimbuai kembali sejarah kejohanan, ianya telah diilhamkan oleh Captain M Burgoyne yang ketika itu bertugas sebagai Komander Tentera Laut Malaysia Barat. Beliau telah berusaha mencungkil bakat dalam bidang sukan di kalangan anggota TLDM dalam pertandingan antara perkhidmatan seterusnya diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada mulanya, kejohanan ini dikenali sebagai pesta sukan dan kemudiannya ditukar kepada KMO pada tahun 1976. Ianya dipertandingkan setiap tahun mulai 1976 hingga 1983 setelah ditukar kepada sukan dwitahunan sehingga kini.

Setelah lebih 30 tahun kejohanan ini diperkenalkan, TLDM kini telah jauh mengorak langkah dalam bidang sukan



KMO - UNGGUL DAN BERPRESTIJ

dan melahirkan atlet baru demi mengharumkan nama TLDM di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kini, TLDM boleh berbangga dengan kemunculan bakat bakat baru dalam bidang sukan dan kebanyakannya telahpun mengharumkan nama TLDM.

Tanggal 13 Mei yang lalu, KMO kali yang ke-19 telah berlangsung selama 8 hari bermula dari 13 Mei 2006. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut YBhg Laksmana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali selaku Pengerusi Lembaga Kawalan Sukan TLDM (LEKAS). Serentak dengan itu, obor kejohanan dinyalakan setelah

ianya diarak dan dibawa masuk oleh PW II TMK Alias bin Neek Sulong dari EX-RAHMAT dan LK I RGR Normadiah bt Jaafar dari Markas Armada TLDM. Sejurus selepas itu, upacara melafazkan ikrar kejohanan dari kesemua kontijen yang mengambil bahagian telah disempurnakan oleh LK II KMR Hasbudiana bt Burhanudin. Acara perasmian yang penuh gilang gemilang itu telah dihadiri lebih dari 3,000 anggota dan keluarga yang memenuhi setiap genap pelusuk ruang stadium Kompleks Sukan TLDM di Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Persembahan tarian dari kumpulan Badan Kesenian (BAKES) TLDM, persembahan Gimnastik (TUDM) dan





persembahan demonstrasi anjing perang dari Unit Anjing Perang PULADA telah mengamatkan stadium serta mendapat tepukan gemuruh dari penonton. Selain dari itu acara persembahan Gimrama dari kanak-kanak Sekolah Kebangsaan Pangkalan TLDM dan acara pertunjukan bendera warna warni turut diadakan.

Sebanyak 29 acara telah dipertandingkan untuk kategori sukan lelaki dan sebanyak 11 acara untuk wanita. Acara tersebut telah berlangsung di beberapa lokasi di sekitar Pangkalan TLDM manakala keseluruhan acara olahraga diadakan di Stadium Manjung, Perak. Sebanyak 107 pingat emas dipertaruhkan bagi kategori sukan lelaki manakala 40 pingat emas disandarkan untuk kategori wanita.

Markas Armada selaku tuan rumah pada temasya KMO bagi kali ke-19 ini telah diberi tanggungjawab memastikan ianya berjalan lancar seperti yang dikehendaki. Pengerusi Jawatan Kuasa Pengelola, YBhg Laksamana Pertama Jamil bin Osman berkata, **"Kejohanan kali ini merupakan satu perubahan dari siri kejohanan yang lalu yang mana kejohanan kali ini menjadi percubaan kepada pengasingan kategori wanita."** Selain itu, pelaksanaan *system Double-Knock-Out* yang diperkenalkan bagi acara berpasukan turut menjadikan kejohanan kali ini lebih kompetitif. Kejohanan kali ini juga turut mempertandingkan beberapa acara baru seperti Bina badan dan Futsal manakala Petanque dan Judo sebagai sukan pertunjukan bagi kategori sukan lelaki. Bagi kategori wanita, kriket dan memanah merupakan satu acara pertandingan baru manakala tenis dan tae-kwan-do merupakan acara pertunjukan.

Markas Armada yang tampil dengan pakaian kejohanan yang baru berbelang belang bagaikan sang harimau telah menunjukan taringnya seawal kejohanan berlangsung. Bagaikan harimau lapar mencari mangsa, kontijen dari Markas Armada tidak melepaskan peluang untuk merangkul emas bagi setiap acara. Ini diikuti kontijen dari Markas Pendidikan dan Latihan serta kontijen Armada dan Kontijen Markas Bantuan. Kontijen Markas Armada terus unggul di hadapan dengan kutipan pingat emas. Markas Pendidikan dan Latihan yang namanya begitu gah dan tidak dipandang sebelah mata oleh

kontijen pasukan lawan yang mana telah menjadi johan 2 kali berturut-turut terpaksa melupakan hasrat untuk muncul sebagai johan keseluruhan buat kali ketiga apabila Markas Armada tidak memberi peluang kepada mana-mana pasukan untuk mengintai kedudukan di tangga teratas. Berbekalkan semangat juang yang tinggi, kejohanan yang berlangsung selama 8 hari berturut-turut itu telah memperlihatkan kekuatan kontijen-kontijen yang bertanding di mana setiap pasukan cuba untuk meletakkan kedudukan pasukan di tangga teratas di samping pengejaran mata dan markah yang dikumpul.

Kontijen Markas Armada muncul johan bagi temasya bagi kategori sukan lelaki dengan 118 mata dan pungutan 77 pingat emas meninggalkan kontijen Markas Pendidikan dan Latihan yang mengumpul 65 mata dan 18 pingat emas ditempat kedua, manakala Kontijen Armada menduduki tangga yang ketiga setelah mengumpul 61 mata dan kutipan 7 pingat emas. Kontijen Markas Bantuan terpaksa berpuas hati dengan 53 mata dan hanya kutipan 5 emas untuk mereka berada di tangga terakhir.

Bagi kategori sukan wanita pula, **Kontijen Markas Armada** terus mengungguli kejohanan dengan 31 mata pungutan 23 pingat emas manakala Kontijen Markas Pendidikan Dan Latihan menduduki tangga kedua dengan 17 mata dan 12 pingat emas serta Kontijen Markas Bantuan menduduki tangga ketiga setelah mengumpul 14 mata dan pungutan 5 pingat emas.

Panglima Tentera Laut telah sudi hadir bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang di mana johan keseluruhan telah disandang oleh **Kontijen Markas Armada** manakala anugerah Olahragawan bagi tahun 2006 telah disandang oleh LK TLR Ahmad Kamarudin bin Abd Manaf dari Kontijen Markas Armada yang menceburi sukan memanah dan anugerah kejohanan Olahragawati kejohanan telah dinobatkan kepada Ptm Jacklyine Dyana Andrew dari kontijen Markas Pendidikan Dan Latihan yang menceburi sukan olahraga. "Syabas diucapkan kepada semua kerana menjayakan KMO kali ini dengan penuh gemilang", kata Panglima Tentera Laut sempena upacara penutup KMO kali yang ke-19. **S**



"Reunion" antara muka baru dan lama
Tentera Laut Diraja Malaysia.

JASAMU DIKENANG WARGA VETERAN TLDM

Oleh : LK PWP FRIQZ BIN TALIB

Foto : LK I KNA MOHD FARIS RASSULY BIN MATT NOR

*Semboyan Angkatan Laut kita
Di samudera raya
Menjaga pantai ibu pertiwi
Dari angkara murka
Dari barat sampai ke timur
Itulah pantai Malaysia
Tiap saat berjaga
Di tengah samudera raya
Perwira dan satria
Angkatan Laut Diraja.*

Bait-bait perkataan dalam lagu di atas memberi seribu pengertian yang amat mendalam bagi warga TLDM yang masih berkhidmat. Berlainan pula dengan warga veteran TLDM yang mempunyai nostalgia tersendiri apatah mereka ini layak digelar 'golongan warga emas'. Jika emas begitu sinonim dengan sesuatu yang amat berharga, begitu juga dengan golongan veteran apatah lagi mereka inilah pelopor terdahulu yang menerajui Angkatan Laut Malaysia (kini dikenali sebagai TLDM).

Sambutan Hari Keluarga Mesra Veteran TLDM kali ke-4 telah diadakan pada 2 Julai 2006 bertempat di KD SULTAN ISMAIL, Tanjung Pengelih Johor. Pelbagai acara telah dilaksanakan dengan jayanya seperti Majlis Tahlil dan Bacaan Yassin, Malam BBQ, Sukan Deck Hockey, tali balingan dan tiupan 'Pipe Boxswain Call' serta tidak ketinggalan acara BAKAT bagi anggota veteran wanita.

Objektif utama majlis ini ialah untuk mengeratkan lagi silaturahmi antara warga TLDM dan golongan veteran di samping dapat bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman untuk menambahkan pengetahuan.

SEJARAH PENUBUHANNYA

Jika diimbaz kembali sejarah penubuhan pertubuhan kebajikan veteran TLDM, ianya bermula pada 2 September 1986 yang terdiri daripada 13 orang Ahli Jawatankuasa penaja yang diterajui oleh En. Mohd Hatta sebagai Pengerusi. Perjumpaan telah diadakan di Dewan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) khususnya untuk mengumpulkan bekas pesara TLDM. Sambutan agak memuaskan dengan kehadiran 70 orang anggota yang didaftarkan sebagai ahli.

Usaha terus dilaksanakan dengan gigih untuk mengembangkan pertubuhan ini. Satu perjumpaan untuk menggubal undang-undang bagi pendaftaran di bawah Pertubuhan Persatuan atau ROS dilakukan pada 28 April 1988.

Pada awal penubuhannya, pertubuhan lebih dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Islam Bekas Anggota Pangkat Rendah TLDM Johor dengan keanggotaan yang disertai seramai 235 orang. Walau bagaimanapun, dalam Mesyuarat Agong pada 5 Jan 2002, satu cadangan telah dibangkitkan agar keahlian pertubuhan ini dibuka

keahliannya kepada semua tanpa mengira perbezaan pangkat samada pegawai mahupun lain-lain pangkat. Satu keputusan telah dicapai dan nama pertubuhan telah diubah dan sehingga kini ianya lebih dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Veteran TLDM.

AKTIVITI

Beberapa program telah dilaksanakan dari tahun ke tahun di bawah naungan penasihatnya Lt Kdr (B) Tn Hj Lamang bin Donggoh. Antara program yang diadakan ialah Hari Keluarga, perjumpaan Hari Raya, membantu Veteran TLDM yang memerlukan bantuan khas di kawasan Lembah Klang seperti membuat lawatan di hospital dan lawatan anggota yang kurang upaya di rumah.

Pertubuhan veteran ini agak sukar digerakkan di seluruh negeri kerana perlembagaan menetapkan ianya terhad kepada veteran yang tinggal di kawasan Johor sahaja. Oleh yang demikian, isu ini diharap dapat diutarakan dalam mesyuarat Agong agar keahliannya dibuka kepada semua veteran seluruh Malaysia.

Tanpa adanya kekangan atau halangan keahlian ini diharapkan agar kekurangan peruntukan dari segi kewangan yang amat kritikal dapat dibendung melalui sumbangan khas dari pihak-pihak tertentu dan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pertubuhan veteran TLDM.



"Kami tidak dapat bergerak cergas kerana banyak halangan khususnya kewangan. Kami rasa berat hati meminta sumbangan dari tuan-tuan yang hadir, tetapi keadaan tidak mengizinkan, dan kami terpaksa merayu sumbangan dari tuan-tuan.

Kami juga telah berusaha mohon bantuan kewangan khas bagi aktiviti veteran sejak tahun 2002 tetapi masih belum berhasil, permohonan juga turut dimajukan kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran, Persatuan Bekas Tentera dan ahli-ahli Korporat khasnya dari kalangan warga TLDM tetapi dukacita. Hanya segelintir sahaja yang memberi jawapan dan menghulurkan sumbangan kecil," kata Shamsuddin Yassin sebagai Timbalan Yang Dipertua / Pengerusi Biro Sosial dari Persatuan Pesara TLDM Negeri Kedah.

Diakhir ucapannya beliau mengharapkan agar veteran-veteran yang sangat memerlukan bantuan dapat perhatian khasnya dari Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera.

"Janganlah ada hendaknya veteran-veteran kita disiarkan melalui rancangan televisyen Bersamamu saluran TV3. Marilah kita bersatu dan bantu-membantu," tambah beliau lagi.

KEJAYAAN

Majlis Hari Keluarga baru-baru ini telah dirasmikan oleh wakil Panglima Tentera Laut iaitu YBhg Laksamana Pertama Mohd Yusof bin Shabudin, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia.

Beliau sungguh terharu dan berbangga atas daya usaha semua melaksanakan majlis ramah mesra ini dengan jayanya. Berbekalkan dengan ilmu serta pengalaman yang diperolehi sewaktu berkhidmat dalam TLDM, maka segala impian tersebut diterjemahkan kepada

"Saya percaya penganjuran majlis seumpama ini mampu dijadikan platform atau elemen untuk mengeratkan lagi hubungan di antara veteran dengan anggota TLDM. Malah ianya juga boleh digunakan sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat perkembangan terkini TLDM khususnya yang berkaitan dengan hal-hal kebajikan kepada pesara TLDM"

realiti yang sebenar.

"Saya percaya penganjuran majlis seumpama ini mampu dijadikan platform atau elemen untuk mengeratkan lagi hubungan di antara veteran dengan anggota TLDM. Malah ianya juga boleh digunakan sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat perkembangan terkini TLDM khususnya yang berkaitan dengan hal-hal kebajikan kepada pesara TLDM," tambahnya lagi.

Kemeriah sambutan dirasai dengan kehadiran 700 keahlian veteran yang hadir bersama keluarga. Ianya turut diserikan dengan beberapa ahli veteran yang telah berjaya menjadi tokoh korporat seperti YB Adun Layang-layang Hj Onn bin Mohd Yassin. Khidmat yang dicurahkan selama 13 tahun dalam TLDM tidak pernah disia-siakan. Berbekalkan disiplin dan semangat juang yang tinggi, kini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian Simpang Renggam.

Lebih mengharukan dengan kehadiran Hj Melan bin Suraidi (800003) yang merupakan anak Melayu ke-3 memegang jawatan sebagai Pegawai

Waran TLDM yang pertama. Beliau pernah terlibat penuh dalam peperangan dengan Jepun yang menyerang Tanah Melayu dan Singapura.

Walaupun telah berusia 84 tahun, bekas jurulatih peperangan dan senjata ini mempunyai daya ingatan dan kesihatan yang baik. Maka tidak hairanlah sekiranya beliau masih mampu meniup 'Boxswain Call' dengan bertenaga dalam salah satu acara yang diadakan sempena Hari Keluarga Mesra Veteran TLDM.

HARAPAN

Adalah menjadi harapan Penasihat Pertubuhan Veteran TLDM agar program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang. Untuk menarik lebih ramai lagi warga veteran menyertai Hari Keluarga, pelbagai aktiviti menarik akan diadakan seperti pelayaran di atas kapal TLDM. Ini akan menjadi lebih menarik kerana kebanyakan warga veteran mempunyai pengalaman yang luas untuk dikongsi bersama.

'Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti', tetapi yang baru tetap tidak akan menyamai yang lama. Walau bagaimanapun, warga TLDM pada hari ini harus bangkit dari sejarah lama seiring dengan pembangunan teknologi yang semakin moden.

Bagi pesara dan bakal pesara TLDM dialu-alukan untuk menjayakan setiap program yang bakal dilaksanakan. Ini adalah untuk mengekalkan hubungan yang telah sekian lama wujud di kalangan warga TLDM. Kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan Hari Keluarga Veteran TLDM amat dihargai. Semoga setiap pelaksanaan yang ingin dilaksanakan dapat dicapai dengan adanya sokongan dari semua pihak. S



PW I Komunikasi Radio (KMR) Zohaida bt Mohd Isa selaku PW Wanita KDSI (beruniform) bergambar kenangan bersama veteran wanita TLDM yang hadir.



Pegawai Waran (PW) TLDM PW I TMS Azahari bin Sudin diperkenalkan dengan veteran TLDM sempena perjumpaan bersama veteran TLDM di KD SULTAN ISMAIL, Tg Pengelih, Johor semasa Majlis Malam BBQ.



AKTIVITI KELAB BINTARA MARKAS TENTERA LAUT, KEMENTAH

- A. Pegawai Waran TLDM memilih dan mengumumkan pemenang tiket cabutan bertuah di "Majlis Happy Hours" bagi meraikan anggota yang dinaikkan pangkat.
- B. Mengambil berkat.... Bacaan doa selamat sebelum majlis bermula.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR DENGAN TENTERA LAUT USA



- A. Siapa lebih handal.... Aksi hebat pemain di antara kedua-dua pasukan.
- B. Mendengar taklimat undang-undang permainan sebelum perlawanan bermula.





ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN

- A. Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Kategori Pegawai.
- B. Bintang Muda (BM) KNA Ahmad Mokhtar antara penerima bagi Kategori Lain-Lain Pangkat (LLP).

SEKITAR PERASMIAN EKSESAIS MINEX DAN DIVER 2006



- A. Panglima Angkatan Tentera (PAT), YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar berbincang bersama Pegawai Kanan Tentera dari Singapura dan Indonesia.



- B. Para Pegawai Kanan Delegasi yang terlibat bergambar kenangan.

SERAH TERIMA TUGAS PENGARAH RISIK LAUT MK TL



- A. Upacara serah terima tugas Pengarah Risik Laut (RISLA) di antara Kdr Hariza bin Hashim TLDM kepada Kept Khairul Anuar bin Yahya TLDM disaksikan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut.

<http://navy.mod.gov.my>

SERAH TERIMA TUGAS ASISTEN KETUA STAF RANCANG & OPERASI (RANOP)



- B. Selamat menjalankan tugas.... ucap selamat maju jaya sambil disaksikan oleh Panglima Tentera Laut dan Timbalan Panglima Tentera Laut.



MESYUARAT JAWATANKUASA
LAKSAMANA KE-40 DI TERENGGANU

A. Sesi mesyuarat untuk meningkatkan kualiti dan hala tuju TLDM di masa depan.

Timbalan Panglima Tentera Laut bersama ahli mesyuarat bersiap sedia memulakan pertandingan golf.



PROJEK JIWA MURNI SEMPENA HARI TLDM KE-72



B. Anggota TLDM mengecat pagar besi yang telah pudar warnanya.



B. Sebahagian dari anggota TLDM yang terlibat dalam Projek Jiwa Murni di Sekolah Pendidikan Khas, Cheras.

PERTANDINGAN KOIR PERINGKAT TLDM



A. Juara keseluruhan pertandingan, kumpulan koir Markas Armada TLDM.



B. Komen dari para juri kepada setiap kumpulan koir yang menyertai pertandingan.

SEKITAR EKSESAIS MCMEX/DIVEX 2006



B. Mine yang telah berjaya dikesan dan dinyahaktif oleh dua penyelam ranjau TLDM.



A. Dua anggota membuat penerjunan dari pesawat Super Lynx.

SAMBUTAN HARI VETERAN TLDM KE-4 DI KD SULTAN ISMAIL



A. Reunion antara orang baru dan orang lama TLDM.



B. PW I TMS Azhari dan PW II RGR Jamal bergambar kenangan bersama Hj Melan bin Suradi bekas Pegawai Waren TLDM yang pertama.

PENUTUP PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) KUMPULAN 2 SIRI 3/2006



A. Cenderamata dari wakil pelatih PLKN Kem Telok Sari, Endau Mersing kepada Kepten Dato' Lee Kwang Lock TLDM.



B. Kepten Dato' Lee Kwang Lock TLDM menyampaikan sijil penghargaan kepada pelatih diiringi oleh Komandan Kem, Mej Rosli Jasman.



Anak-anak yatim Darul Kifayah yang diraikan.

TLDM RAI ANAK-ANAK YATIM

Oleh : LT RABAYAH BT RAHMAT TLDM
Foto : LK 1 KNA MOHD FARIS RASULLY BIN MATT NOR

KD SRI GOMBAK terus melaksanakan antara aktiviti-aktiviti kebajikannya bagi mengeratkan hubungan antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan masyarakat awam. Justeru, pada 11 Oktober 2006 bersamaan 18 Ramadhan 1427 Hijrah, KD SRI GOMBAK bersama Majalah I-Remaja telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra dan Berbuka Puasa bersama 40 anak-anak yatim dari Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur bertempat di KD SRI GOMBAK.



Antara anak yatim menari bersama Farah AF.

Majlis amal ini telah diserikan dengan kehadiran wakil-wakil media dan artis-artis terkenal seperti Aisyah, Farah Wahida, Dina Malaysian Idol, Sharifah Zarina, Farah AF dan Amylea AF. Majlis yang cukup meriah itu turut dihadiri oleh Panglima Tentera Laut (PTL), Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din beserta isteri, Puan Sri Meryam binti Harun dan pegawai-pegawai kanan Markas Tentera Laut beserta isteri.

Majlis yang bermula pada jam 5 petang itu dimulakan dengan nyanyian para artis yang hadir yang mana ianya turut diselang-selikan dengan aktiviti ramah-mesra bersama anak-anak yatim. Gandingan pengacara majlis di antara Leftenan Rabayah binti Rahmat TLDM bersama pengacara radio Era yang tidak asing lagi iaitu Kiran cukup menggamat suasana. Setelah tiba waktu berbuka puasa, semua yang hadir bersembahyang jemaah Maghrib dan seterusnya makan malam bersama. Majlis seterusnya diakhiri dengan penyampaian duit dan bungkusan hari raya oleh isteri PTL kepada semua kanak-kanak yang hadir.

Walau dalam kesibukan TLDM melaksanakan rutin dan tugas negara di samping menyambut kemeriahan Aidilfitri, namun golongan istimewa yang tidak bernasib baik ini tetap tidak dilupakan. Sedikit sebanyak, diharapkan mereka akan tetap terhibur walau tidak dapat meraikan hari raya bersama insan-insan tersayang. Semoga aktiviti seumpama ini akan terus menaikkan semangat kerjasama dan keprihatinan setiap pihak yang terlibat, insya-Allah. Anak-anak yatim, anak-anak kita juga, tanggungjawab kita bersama. **S**



Para artis bergambar bersama isteri Panglima Tentera Laut dan AJK Majlis.



Antara anak yatim menari bersama Amylea AF.

Cintaku..Cita-Citaku..Ceritamu

Berlari aku mengejar mimpi
Diiringi rasa cintaku yang terlalu tinggi
Ku sangka ia indah bersinar
Rupanya suram dilitupi janji
Rupanya cerita palsu dan dikhianati
Aku akhirnya terkorban diri

Mana budi sebaik laku
Mana kasihmu sehangat mentari
Mana cintamu semanis dulu
Di mana janjimu tersimpul mati

Mengenang, bukannya aku mengenang
Kenyataannya langit dan bumi
Antara air mataku dengan senyuman
Antara mimpiku dengan harapan
Aku mencari di mana silangnya

Kasih...
Bersungguhkah engkau selagi nyawaku dikandung badan?
Selagi jantungku berdegup hingga terhentinya masa?

Lt Rabayah - Ladies Intake 6

Bicara Tentang Mu

Bila ku pejam mata hanya kamu di hati ini
Bila terjaga kamu kan sentiasa di sisi ini
Setiap nafas ini hanya untukmu
Separuh nafas ini aku serahkan pada mu
Separuh jasad ini hanya untuk kamu

Hari Ini
Bersamamu aku merasakan cinta
Bersamamu aku merasakan bahagia
Bersamamu aku kenali segalanya
Segalanya yang belum pernah aku lihat

Di Hari Lahirmu 27 April
Aku hadiahkan satu Pengorbanan
Aku kibarkan panji-panji mu dengan penuh megah
Di dada ini terdambar seribu kekelakianku
Tanpa gentar dan takut
Untuk bermain ombak

TLDM, Namamu terlukis
Namamu terpahat
Bersama desiran angin
Bersama alunan ombak
Api Perjuangan tak kan padam
Selagi hayat dikandung badan

(Nurkulan Fie RAN-PEP 06)

Keinsafan Abadi

Di keheningan subuh ini
Kusujudkan diri dengan penuh keinsafan
Menghitung tasbih di jejariku terlerai
Di hamparan usia yang semakin senja

Embun kesedaran menitis laju
Membasahi pipi menyapa sayu
Kalimah suci-Mu ku susun teratur
Membaitkan kata pujian begitu tersohor
Dalam menuju jalan cahaya
Yang sekian lama kutinggalkan.

Sesudah subuh
Kuhimpun seribu doa mewangi
Ku tadah titisan embun ketakwaan
Untuk kujadikan kolam keimanan
Agar dapat mendinginkan aku
Dari bahang api yang membara
Menuju persemadian abadi
Mencari wangian Syurga.....

*Nukilan
NUR ROZMA 71*

Bunga Ku

Kau mekar di taman
Keharumanmu begitu memikat hatiku
Kau umpama purnama merindu

Bila kau kembang kecantikanmu bagi bidadari
Bila kau layu keindahan aslimu tidak berseri lagi
Tak siapa ingin meratapi
Tak siapa sudi mendekati
Tak siapa rela mendampingi

Pergilah kau membawa diri
Mekarmu takkan berulang lagi
Harumammu tidak lagi sewangi kasturi

Bila kau tiada, alam ini takkan wujud
Dengan warna-warnamu
Aku kecewa kau semakin dilupakan
Sedangkan dulu kau adalah..... penyeri alam

ALIA ATIRA 0305



Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. 199302-K

*(Formerly known as PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd.)
(A member of Boustead Group)*

MOVING FORWARD



KD KEDAH



KD PAHANG

- **PEMBINAAN KAPAL**
- **BAIKPULIH KAPAL**
- **KEJURUTERAAN NAVAL
& MARITIM**
- **PETROLEUM & GAS**

"A TRADITION OF STRENGTH AND STABILITY. A VISION OF GROWTH AND EXCELLENCE"